PARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARIKHAMIS : 16 JUN 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN

MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALANNO. 7 HINGGA 140)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SO ALAN NO. 1 HINGGA 6

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEKSANI
CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARI PAD A **DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR - BN]**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 7

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pembinaan infrastruktur SUKMA setiap kali sukan ini dianjurkan di negeri-negeri yang berlainan adalah satu pembaziran, memandangkan banyak negeri tidak mampu membiayai **kos penyelenggaraan tahunan** infra-infra ini, disamping **tiada cukup** *event* **untuk penggunaan sepanjang tahun.** Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

sum

JAWAPAN

Kementerian menyedari bahawa terdapat sebilangan kecil infrastruktur Sukan Malaysia yang tidak digunakan seperti yang sepatutnya atau terdapat juga yang tidak di selenggara dengan baik. Namun begitu, masih terdapat sebilangan besar kemudahan ini telah digunakan bagi memberi manfaat kepada pembangunan sukan sama ada dijadikan tempat latihan atau pertandingan acara sukan. Justeru, tidak semua kemudahan-kemudahan sukan yang dibina semasa penganjuran Sukan Malaysia merupakan satu pembaziran.

Sepanjang pemantauan Kementerian terdapat negeri-negeri yang mengelolakan kejohanan sukan dwi tahunan di venue - venue tersebut antaranya termasuklah kejohanan sukan Negeri Sembilan (SUKNES), negeri Perak (SUPER), negeri Selangor (SUKSES), negeri Sabah (SAGA), negeri Pulau Pinang (SUKPEN), negeri Terengganu (SUTERA), negeri Johor (SUKAN JOHOR) dan negeri Pahang (SUKAN REMAJA PAHANG). Ini membuktikan bahawa kemudahan ini secara tidak langsung telah menggalakkan pertandingan yang lebih menyeluruh di peringkat akar umbi.

Kementerian juga telah mewujudkan pusat latihan Program Pelapis Negeri, Majlis Sukan Negara di venue atau kemudahan yang ada di seluruh negara ini dan sejumlah 40 venue telah terlibat dalam program tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan terns membantu Majlis Sukan Negeri- Negeri dalam memberikan kepakaran pembangunan sukan serta dalam mengurus dan mengendalikan infrastruktur atau

kemudahan sukan yang tersedia ini agar ianya lebih terurus.

N0:8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**BAGI JAWAB LISAN**
DARI PAD A	**DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]**
T ARIKH	**16 Jun 2011**
SOALAN	**8**

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan sama ada Kementerian akan memberhentikan atau membatalkan penguatkuasaan pemakaian tali keledar penumpang tempat duduk belakang kereta, memandangkan hanya 9.7% sahaja penumpang tempat duduk belakang yang mematuhi peraturan ini, mengikut kajian MIROS (rujuk BH bertarikh 02 Mac 2011). Jika tidak, apakah perancangan untuk meningkatkan pemakaian tali keledar tempat duduk belakang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan setakat ini tidak bercadang untuk menghentikan penguatkuasaan pemakaian tali pinggang keledar belakang. Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memastikan semua penumpang hadapan atau belakang tidak mengalami kecederaan yang serius yang boleh membawa maut sekiranya berlaku kemalangan jalan raya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), pengunaan tali pinggang keledar belakang dapat mengurangkan risiko kecederaan sebanyak 44%.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa kadar pematuhan terhadap peraturan pemakaian tali pinggang keledar belakang masih lagi rendah. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan dan kempen kesedaran sentiasa diperhebatkan bagi meningkatkan kesedaran rakyat akan kepentingan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang dalam usaha untuk mengurangkan kecederaan dan kematian apabila berlaku sesuatu kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengenakan tindakan saman terhadap penumpang dan pemandu yang tidak memakai tali pinggang keledar baik di hadapan mahupun di belakang.

Selain daripada itu, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) juga telah mengambil inisiatif dengan mengedarkan siri baru pelekat kereta dengan mesej *"Buckle Up, It Is The Law"* untuk versi Bahasa Inggeris dan "Salah...Kalau Tak Pakai" untuk versi Bahasa Malaysia. Pelekat tersebut diedarkan kepada pengguna-pengguna kereta semasa kempen advokasi yang dijalankan pada setiap minggu oleh semua JKJR negeri bersama-sama dengan agensi-agensi lain bagi tujuan peringatan (*reminder*) dan kesedaran kepada pemandu dan penumpang kenderaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian agar dapat bersama-bersama Kerajaan menasihati rakyat sekalian supaya sentiasa mematuhi peraturan pemakaian tali pinggang keledar belakang dalam usaha untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian akibat dari berlakunya sesuatu kemalangan jalan raya.

NO. AUM :

87 NO. AUP :

09

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN **3707**

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan penggunaan kamera litar tertutup di kawasan tumpuan atau panas sesuatu kawasan dalam usaha menurunkan kadar jenayah di bandar utama seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kota Kinabalu, Georgetown, Kuala Terengganu dan Kuantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Pemasangan CCTV merupakan salah satu dari 6 langkah utama dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Di bawah inisiatif NKRA ini, sebanyak 496 unit CCTV telah dipasang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan (KPKT) di 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh semenanjung Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan 25 PBT tersebut bekerjasama dalam menentukan lokasi pemasangan CCTV di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang mencatatkan kadar jenayah tinggi termasuk bandar-bandar utama seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kota Kinabalu, Georgetown, Kuala Terengganu dan Kuantan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tenom.

Tuan Yang Dipertua,

Pemasangan CCTV ini bukan sahaja bagi maksud menghalang kejadian jenayah tetapi juga berfungsi sebagai pengesan jenayah dan membantu dalam pendakwaan. la juga turut dapat membantu pihak polis sampai ke lokasi kejadian dengan cepat dan membuat orang awam

merasa lebih selamat. Di bawah perancangan NKRA mengurangkan jenayah, sistem CCTV sedia ada akan disambungkan kepada pusat kawalan PDRM di peringkat IPK atau IPD bagi meningkatkan keupayaan pihak polis mengurangkan kadar jenayah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemasangan CCTV di kawasan-kawasan yang dikenalpasti tersebut bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang dapat menentukan penurunan kadar jenayah di sesuatu kawasan. Penurunan kadar jenayah ini dicapai melalui pelbagai inisiatif lain antaranya

i) *'omnipresence'* iaitu meningkatkan bilangan anggota beruniform menjalankan tugas rondaan khususnya di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan hotspot;

ii) melalui *"High Profile Policing*" kehadiran pegawai polis dipertingkatkan di mana pegawai-pegawai kanan polis disemua peringkat, negeri dan daerah akan turun padang secara berkala bertemu dengan orang ramai; dan

iii) *"Stop and Talk*" - melalui pendekatan ini, semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan, samada berjalan kaki, bermotosikal mahupun berkereta (MPV) supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai, mengikut kesesuaian masa dan tempat bagi mendapatkan maklumbalas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal-hal kepolisan

dan jenayah.

Pemasangan CCTV di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh YB Tenom dan inisiatif-inisiatif lain telah turut membantu menurunkan kadar jenayah berdasarkan perbandingan statistik jenayah bagi tahun 2009 dengan tahun 2010 seperti berikut:

a) Pemasangan 56 unit CCTV di kawasan Johor Bahru telah berjaya mengurangkan Indeks Jenayah Keseluruhan sebanyak 1,259 kes iaitu penurunan 12.8%. Bagi Indeks Jenayah Jalanan sebanyak 833 kes (39%) telah berjaya dikurangkan dan Jenayah Harta Benda sebanyak 48 kes(1%).

b) Di kawasan Kuala Lumpur pula, 109 unit CCTV yang dipasang telah membantu pihak PDRM dalam mengurangkan indeks Jenayah Keseluruhan sebanyak 5,286 kes (24.3%). Bagi Indeks Jenayah Jalanan dan Indeks Jenayah Harta Benda masing-masing telah menurun sebanyak 3,678 kes (54%) dan 3,213 kes (14%).

c) Di kawasan Petaling Jaya sebanyak 24 unit CCTV telah dipasang. Mengikut statistik, Indeks Jenayah Keseluruhan telah menurun sebanyak 992 kes (11%). Disamping itu Indeks Jenayah Jalanan juga telah menurun sebanyak 263 kes (10%) dan Jenayah Harta Benda turun sebanyak 699 kes (10%),

d) Bagi kawasan Georgetown terdapat 24 unit CCTV telah dipasang. Indeks Jenayah Keseluruhan telah menurun sebanyak 1,389 kes (36%) dan Indeks Jenayah Jalanan telah menurun 202 kes (31%) manakala Indeks Jenayah Harta Benda mencatatkan penurunan sebanyak 1,243 kes

(38%).

e) Untuk makluman ahli-ahli Dewan Yang Mulia, kawasan Kota Kinabalu tidak melaksanakan pemasangan CCTV dalam Fasa Pertama pada tahun 2010. Bagaimanapun terdapat perancangan untuk memasang sebanyak 32 unit CCTV dalam Fasa Kedua di kawasan Kota Kinabalu pada tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Strategi pemasangan CCTV di kawasan tumpuan sememangnya telah mendatangkan impak yang berkesan dalam usaha Kementerian mengurangkan kadar Jenayah sejajar dengan hasrat Kerajaan menjadikan Negara ini selamat untuk semua.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2011

PERTANYAAN: JAWAB LESAN

DAR1PADA : YB DATO' IBRAHIM BIN AH

(PASIR MAS)

TARIKH 16 JUN 2011

SOALAN : 10

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah benar pihak MARA kekurangan dana bagi melaksanakan program-program pelajaran untuk pelajar Bumiputera kerana mengikut dakwaan banyak permohonan biasiswa pelajar Bumiputera yang layak telah diketepikan akibat daripada kekurangan dana.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program-program pelajaran untuk pelajar Bumiputera adalah bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan kepada MARA setiap tahun.

Sejak MARA ditubuhkan pada 1 Mac 1966, MARA telah menaja seramai **394 ribu 7 orang pelajar (394,007)**

dengan jumlah peruntukan sebanyak **15 billion 349 juta 779 ribu 585 ringgit (RM15,349,779,585).**

Justeru itu, bilangan pelajar yang ditaja adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

No. Soalan :
PR-1242-
L43979

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**JAWAB LISAN**
DARI PADA	**YB DATO' HENRY SUM AGONG (LAWAS)**
TARIKH	**16 JUN 2011**
SOALAN	**YB DATO' HENRY SUM AGONG (LAWAS)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status perundingan persempadanan di antara negara jiran Brunei Darussalam dan Indonesia dengan Malaysia khusus berkaitan sempadan di Bahagian Sri Aman, Kuching dan Limbang,

Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lawas di atas persoalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia sentiasa mengambil pendekatan perundingan bagi memuktamadkan persempadanan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Brunei Darussalam.

3. Dalam konteks persempadanan darat antara Malaysia dan Indonesia, ianya adalah didasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mei 1973, di mana satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia pada 26 November 1973. MOU tersebut telah menyatakan persetujuan kedua-diia negara supaya kerja-kerja menanda dan mengukur sempadan darat antarabangsa dibuat berasaskan Konvesyen dan Perjanjian di antara Kerajaan British dan Kerajaan Belanda yang ditandatangani pada 20 Jun 1891 dan 28 September 1915 di London dan pada 26 Mac 1928 di The Hague, Belanda.

4. Susulan itu, kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan Malaysia-lndonesia bagi Sektor Sarawak-Kalimantan Barat telah dimulakan pada 10 September 1975 dan siap pada 20 September 2001. Jumlah keseluruhan jarak sempadan bagi sektor tersebut adalah sejauh 1,647.8km.

Memorandum Persefahaman (MOU) bagi menerima jajaran sempadan yang telah ditanda dan diukur termasuk di Bahagian Sri Aman telah ditandatangani, kecuali bagi 4 kawasan yang belum dimuktamadkan oleh kedua-dua negara. Bagi sektor persempadanan Malaysia-lndonesia yang berdekatan dengan Bahagian Sri Aman, sebanyak lima (5) MOU telah ditandatangani bagi menerima jajaran persempadanan yang telah siap diukur.

5. Jawatankuasa Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-lndonesia pula telah bermesyuarat sebanyak 35 kali semenjak 1974, di mana kali terakhir diadakan di Alor Star, Kedah dari 19-21 April 2011. Mesyuarat tersebut adalah bagi meneruskan perbincangan dan persetujuan yang dicapai mengenai persempadanan darat kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berkaitan isu persempadanan yang melibatkan Limbang di Sarawak, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam telah menandatangani pertukaran surat *(Exchange of Letters* atau ringkasnya EOL) mengenai penyelesaian isu persempadanan Malaysia-Brunei Darussalam pada 16 Mac 2009 yang antara lain melibatkan perkara- perkara yang berkaitan dengan sempadan maritim dan sempadan darat antara Malaysia dan Brunei Darussalam.

7. Selaras dengan mandat EOL tersebut, Jawatankuasa Teknikal Bersama kedua-dua negara telah ditubuhkan dan bermesyuarat sebanyak lima (5) kali dan yang terbaru adalah dari 8-9 Jun 2011 di Bandar Seri Begawan. Setakat ini, proses rundingan penyediaan draf Terma-terma

Rujukan (TOR) dan Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Penandaan dan Pengukuran Persempadanan Darat antara Malaysia dan Brunei Darussalam sedang giat dilaksanakan di peringkat Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

8. Sehubungan itu, kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat akan dilaksanakan sebaik sahaja draf TOR dan MOU tersebut dimuktamadkan dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan seterusnya ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak kelak. Aktiviti penandaan dan pengukuran sempadan darat ini diharapkan dapat dimulakan seawal-awalnya pada penghujung tahun 2011, yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Ukur kedua-dua negara seperti yang dizahirkan semasa Rundingan Tahunan Pemimpin Malaysia - Brunei Darussalam ke-14 pada 21 September 2010 yang lalu di Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. MUJAHID BIN HAJIYUSOF RAWA

TARIKH : 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [**Parit Buntar**] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk pemantauan yang dibuat ke atas pengusaha rumah-rumah pemulihan akhlak serta syarat-syarat untuk

membuka pusat pemulihan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan pemantauan ke atas pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) yang menyediakan kemudahan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Jabatan, bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan menepati standard yang ditetapkan oleh JKM.

Bagi tujuan pemantauan terhadap PSK yang berkenaan, JKM melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:-

i. Melantik Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah atau negeri sebagai pegawai *ex-officio* PSK bagi memberi bimbingan, khidmat nasihat dan memantau program-program yang dilaksanakan;

ii. Menyemak Laporan Kemajuan PSK setiap tahun sebelum kelulusan pemberian geran dipertimbangkan; dan

iii. Melakukan lawatan dan naziran bagi memastikan PSK beroperasi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menubuhkan pusat pemulihan adalah seperti berikut:

i. Sesebuah pertubuhan atau PSK perlu menubuhkan Jawatankuasa dan

membentuk perlembagaan bagi pertubuhan tersebut;

ii. Pertubuhan tersebut perlu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan *(Registrar of Society)-,* dan

iii. PSK tersebut juga perlu berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS ___(2011) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)

TARIKH : 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama-nama dan jumlah syarikat yang telah diberikan hak mengeluarkan sijil halal, pendapatan mereka yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, dan bayaran yang diperolehi oleh kerajaan untuk pemberian hak mengeluarkan sijil tersebut.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam

Negeri(JAIN/MAIN), tidak memberi kebenaran kepada mana-mana syarikat mengeluarkan Siiil Halal Malaysia. Namun demikian, pada masa sekarang, terdapat syarikat swasta yang megeluarkan sijil halal yang

dibenarkan di bawah *Trade Descriptions Order 1975 (Expression of Halal)* oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperas(KPDNKK). Antara syarikat tersebut ialah :

i) **Syarikat Bahtera Lagenda Sdn. Bhd.** Pada tahun 2004, syarikat ini telah menubuhkan **IFANCA International** bagi menguruskan pensijilan luar negara. Pada tahun 2006, **International Food Research Centre (IFRC)** pula di daftarkan juga di bawah syarikat ini bagi menguruskan pensijilan halal dalam negara. Mereka juga mengeluarkan sijil halal - **Halal Food Council South East Asia.**

ii) Syarikat **SAS-H Consultancy;** dan

iii) **Perak Religious Officer Association.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN. RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA		DATUK DR. MARCUSMOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH		16 JUN 2011
SOALAN		

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan: -

SOALAN NO: 16

a) sama ada Kementerian berpuas hati ke atas tahap kesihatan masyarakat luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak.

b) berapa jumlah bilangan klinik 1 Malaysia yang telah diwujudkan di negeri tersebut serta kos pengendalian dan adakah rawatan percuma ini dipanjangkan kepada warga asing seperti pemegang IMM13.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan/menaiktaraf kesihatan masyarakat luar bandar melalui penyampaian perkhidmatan yang komprehensif di fasiliti-fasiliti kesihatan yang terdapat di seluruh negara. Bagi negeri Sabah setakat ini terdapat 77 buah klinik kesihatan, 190 buah Klinik Desa dan 22 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, manakala bagi negeri Sarawak terdapat 194 buah klinik kesihatan, 10 buah Klinik Desa dan 22 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak

Bagi masyarakat yang tinggal jauh di kawasan pedalaman, perkhidmatan kesihatan disampaikan oleh pasukan klinik bergerak yang masih aktif beroperasi iaitu 13 pasukan di Sabah dan 98 pasukan di Sarawak. Klinik bergerak ini beroperasi menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4WD), menggunakan bot atau perahu yang dibeli dan perkhidmatan klinik bergerak udara melalui "Flying Doctor Service" (FDS).

Tahap kesihatan boleh diukur melalui indikator kesihatan iaitu Kadar Kematian Bayi *(Infant Mortality Rate, IMR)* dan Kadar Kematian Ibu *(Maternal Mortality Rate, MMR).* Untuk negeri Sarawak terdapat penurunan pada Kadar Kematian Bayi iaitu dari 7.66/1000 kelahiran hidup pada tahun 2005 ke 6.69/1000 kelahiran hidup pada 2010 , manakala Kadar Kematian Ibu juga menurun dari 30.8/100,000 kelahiran hidup pada tahun 2005 ke 19.9/100,000 kelahiran hidup pada tahun 2010. Bagi negeri Sabah pula, Kadar Kematian Bayi juga menurun dari 11.25/1000 kelahiran hidup pada tahun 2005 ke 8.09/1000 kelahiran hidup pada 2010, manakala Kadar Kematian Ibu

juga
menurun dari 43.9/100,000 kelahiran hidup pada tahun 2005 ke 33.5/100,000 kelahiran hidup pada tahun 2010.

Sebagai usaha memperluaskan perkhidmatan penyampaian kesihatan ke kawasan-kawasan yang sukar mendapat akses ke kemudahan kesihatan statik, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan klinik bergerak dengan konsep baru, Klinik Bergerak 1 Malaysia menggunakan bas dan bot secara kerjasama dengan Yayasan 1 Malaysia Development Berhad (Yayasan 1MDB).

Klinik Bergerakl Malaysia (KB1M) menggunakan bot di Sg Baram, Sarawak telah diperkenalkan dan telah beroperasi pada Mac 2011. Setakat ini, KB1M bot di Sg Baram, telah memberikan perkhidmatan kepada 1,233 orang penduduk yang merangkumi 11 stesen dan 20 kampung. Purata kedatangan ialah 62 sehari. KB1M bot di Sg Rejang bersama Polis Marin akan bermula operasi 20 jun 2011 di mana 10 stesen, 20 kampung dan 1,822 orang penduduk akan menikmati perkhidmatan ini. Manakala KB1M bot di Sg Kinabatangan, Sabah dalam perancangan untuk mendapatkan bot yang sesuai dan akan memberikan perkhidmatan kepada 8580 orang penduduk yang merangkumi 16 stesen dan 24 kampung.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa berusaha membantu meningkatkan akses dan memperkukuhkan perkhidmatan serta memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan rakyat dipertingkatkan agar selari dengan semangat ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.’

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, jumlah Klinik 1 Malaysia yang telah diwujudkan di negeri Sabah adalah sebanyak 5 buah, manakala di negeri Sarawak sebanyak 7 buah.

Jumlah kos pengendalian Klinik 1 Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 2010 masing-masing adalah berjumlah RM 1,020,302.40 dan RM 1,008,302.40.

Semua pengguna Klinik 1 Malaysia warga asing seperti pemegang IMM13 akan di kenakan bayaran mengikut Akta Fee 1951 - Perintah Fee Perubatan 1982.

NO.SOALAN : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
TARIKH	16.06.2011(KHAMIS)

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:

(a) apakah cadangan melarang pembelian gula bersubsidi kepada semua pihak industri termasuk kecil dan sederhana telah dilaksanakan;dan

(b) berapakah jumlah gula yang diimport oleh pengilang makanan dan
minuman pada tahun 2010 melalui permit (AP).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Penstrukturan semula pemberian subsidi gula kepada industri makanan dan minuman berskala besar secara berperingkat-peringkat telah dilaksanakan kepada 13 syarikat pada 1 Januari 2011 bagi mengurangkan tanggungan bebanan Kerajaan. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan peruntukan yang disediakan mencukupi untuk

menampung subsidi gula kepada pengguna domestik selain melaksanakan liberalisasi subsidi gula secara berperingkat.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk liberalisasi subsidi, Kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan 13 syarikat makanan dan minuman berskala besar yang purata penggunaan gula melebihi 500 metrik tan sebulan daripada membeli gula bersubsidi. Pelaksanaan pengecualian pembelian gula oleh industri akan memberikan penjimatan kepada Kerajaan sebanyak RM 128 juta setahun.

Cadangan pengecualian pembelian gula bersubsidi kepada semua pihak industri termasuk kecil dan sederhana akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat supaya tidak membebankan pihak industri dan pengguna akibat peningkatan harga produk akhir.

Pada tahun 2009, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan larangan pembelian gula bersubsidi oleh syarikat yang menghasilkan produk untuk dieksport. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersetuju membenarkan pembukaan permit import (AP) gula kepada pengilang makanan dan minuman mulai tahun 2010.

Walau bagaimanapun, untuk makluman semua ahli dewan, tiada permohonan mendapatkan permit import di terima pada tahun 2010. Bagi tahun 2011, dua syarikat telah diluluskan permit import (AP) gula seperti berikut:

Bil		
1.	Malaysia Milk Sdn Bhd	300 metrik tan setahun
2.	Able Dairies Sdn Bhd	10,000 metrik tan setahun

PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT *Ud*:

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
Tarikh Menjawab	16 Jun 2011 (Khamis)
Soalan	No. 17

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapakah sambutan ke atas tanaman kenaf tidak begitu menggalakkan dan tidak ditanam secara besar-besaran memandangkan keperluan adalah lebih daripada hasil tanaman.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah memperkenalkan tanaman kenaf sebagai sumber pertumbuhan baru dan sebagai tanaman alternatif kepada tanaman tembakau di Kelantan dan Terengganu mulai tahun 2006. Tanaman ini telah diperluaskan meliputi Kedah, Perlis dan Pahang, di mana pada akhir tahun 2010 jumlah keluasan tanaman kenaf adalah 1,693 hektar.

Pada tahun 2011, LKTN merancang untuk menanam seluas 3,000 hektar tanaman kenaf di Perak dan Johor.

Bagi menggalakkan tanaman kenaf dikalangan pekebun kecil, LKTN memberi insentif sebanyak RM3,500 sehektar semusim bagi menampung kos penanaman, termasuk benih, baja, racun dan kemudahan jentera membajak serta menuai.

Selain itu, bagi menggalakkan tanaman kenaf secara besar-besaran, LKTN sedang bekerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan bagi menghasilkan kualiti benih kenaf yang tinggi dan pembangunan produk-produk baru berasaskan kenaf. Ini akan meningkatkan produktiviti tanaman kenaf di samping permintaan dari segi

mempelbagaikan kegunaanya oleh industri hiliran.

SOALAN NO : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	
DARIPADA	**LISAN** **TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN]**
TARIKH SOALAN	**16 JUN 2011**

Tuan Manogaran A/L Marimuthu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

a. Apakah kawalan dan pemantauan terhadap penyakit denggi yang dilaksanakan oleh Kementerian; dan

b. Sila beri angka kes denggi untuk seluruh negara bagi lima tahun (2006-2010) termasuk angka kematian.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa memantau situasi demam denggi di negara ini. Dari pemantauan yang dijalankan, bagi lima (5) tahun terdahulu, jumlah kes dan kematian denggi yang dilaporkan pada tahun 2006 adalah (38,556 kes / 92 kematian), 2007 (48,846 kes / 98 kematian), 2008 (49,335 kes / 112 kematian), 2009 (41,486 kes / 88 kematian) dan 2010 (46,171 kes / 134 kematian (Maklumat terperinci adalah seperti di dalam lampiran 1).

Berikutan dengan tren peningkatan kes dan kematian ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan tindakan yang lebih drastik bagi meningkatkan aktiviti kawalan dan memerangi denggi di seluruh negara. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi telah diadakan pada 20 September 2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Hasil daripada mesyuarat ini, tindakan berikut telah dilaksanakan iaitu:

(i) Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah diaktifkan serta merta di mana Pegawai Daerah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa ini pada setiap minggu dengan melibatkan pelbagai agensi bagi mendapatkan penglibatan dan penyertaan optimum daripada semua pihak di peringkat tempatan.

(ii) Melaksanakan tindakan tegas penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan memgenakan kompaun minima RM500 setiap kesalahan terhadap premis yang mempunyai pembiakan

aedes dan mereka yang mengulangi kesalahan perlu dibawa ke mahkamah untuk hukuman yang lebih berat. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 3,700,329 premis telah diperiksa dan 48,683 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Sejumlah 22,706 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM 6,223,006 dan 1,610 kes yang dirujuk ke mahkamah telah dikenakan denda bernilai RM 183,820.

(iii) Meningkatkan perlaksanaan Program COMBI *(Communication for Behavioural Impact)* di peringkat komuniti. Sepanjang tahun 2010, pada keseluruhannya terdapat 1,740 lokaliti bermasalah denggi melaksanakan Program COMBI dan 1,052 daripadanya merupakan lokaliti baru yang melaksanakan program ini.

(iv) Kempen Media Denggi juga dipertingkatkan pada tahun 2010 termasuk iklan di televisyen, radio dan akhbar utama negara yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 4.9 juta. Selain dari itu pihak Kementerian Kesihatan juga telah membina 30 unit papan iklan di lokaliti *Hot Spot* Denggi di sekitar negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur bagi memastikan masyarakat peka terhadap masalah denggi di komuniti masing-masing.

(v) Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan kempen Anti-Denggi iaitu kempen gotong-royong perdana ‘Jom Ganyang Aedes’ yang melibatkan selebriti Encik Aznil Haji Nawawi sebagai ikon kempen tersebut. Semua negeri juga telah berjaya melaksanakan kempen ini dan ia memberi impak yang baik dalam menggalakkan masyarakat

menyertai aktiviti gotong-royong.

(vi) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak yang bertanggungjawab termasuk individu perlu memastikan tempat- tempat di bawah tanggungjawab masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Hasil daripada tindakan tersebut, bilangan kes dan kematian Demam Denggi telah menurun dengan ketara pada tahun 2011. Sehingga 4 Jun 2011 sebanyak 8,865 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010 (20,418 kes). Begitu juga dengan kes kematian, sehingga 4 Jun, sebanyak 14 kematian Denggi dilaporkan, penurunan sebanyak 78% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010 (64 kematian).

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJUNG MANIS)

TARIKH : 16.6.2011

SOALAN : 19

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**
menyatakan bilakah Kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan bagi projek elektrik solar di Kg. Sebako, Pulau Bruit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) ke Kg. Sebako, Pulau Bruit telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2011 oleh Kementerian.

Penyambungan bekalan elektrik menggunakan kabel dasar laut akan disambung dari Tanjung Manis ke Kg. Sebako kini di peringkat akhir reka bentuk dan pelaksanaan projek dijangka akan dapat dimulakan pada bulan September 2011 dan akan siap sepenuhnya sebelum 28 Februari 2012.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **16JUN 2011 [KHAMIS]**

DARIPADA **Y.B. TUAN AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]**

SOALAN :

Tuan Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai subsidi RM4.360 yang diberikan kepada setiap orang yang akan menunaikan haji untuk kali yang pertama. Dari manakah sumber subsidi ini serta kos secara terperinci yang perlu dibayar oleh jemaah ketika menunaikan ibadat haji.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

NO. SO ALAN: 20

Kos Haji langsung bagi musim 1432H (2011) adalah berjumlah RM14,340 seorang. Bagi musim haji 1432H (2011), Bayaran Haji bagi bakal haji yang akan menunaikan haji buat pertama kali bagi dirinya

dan pergi secara Muassasah adalah sebanyak RM9.980 seorang, iaitu *TH* masih meneruskan tanggong jawab sosial koporat (CSR) sebanyak RM4,360 seorang. Walau bagaimanapun, ditegaskan bahawa ini hanya diberikan kepada jemaah yang pertama kali menunaikan haji dan secara Muassasah mulai musim haji tahun ini [1432H(2011)]. lanya tidak merangkumi bagi jemaah haji yang menunaikan haji secara pakej.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 21

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 (13 JUN HINGGA 28 JUN 2011) PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA **Y.B. DATO HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

TARIKH

16 JUN 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam soal isu keciciran pelajaran yang melibatkan anak-anak Orang Asli yang kian membimbangkan dengan kira-kira 2,264 orang tidak menghabiskan persekolahan mereka sehingga ke Tingkatan 5.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah dan sekolah menengah pada tahun 2010 adalah seramai 27,585 dan 11,314 orang pelajar. Manakala pada tahun 2011, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah adalah seramai 26,268 orang dan sekolah menengah pula seramai 12,148 orang pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, keciciran pelajar Orang Asli terbahagi kepada tiga iaitu:-

i) keciciran di peringkat sekolah rendah darjah 1 hingga 6 (tidak menamatkan tempoh pelajaran sepenuhnya;

ii) keciciran dari sekolah rendah ke menengah (tidak menyambung ke peringkat menengah); dan

iii) keciciran di peringkat sekolah menengah (tidak menamatkan pelajaran sepenuhnya ke tingkatan 5).

Pada tahun 2010, tiada keciciran dicatatkan oleh pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah (darjah satu hingga ke darjah 6) berbanding keciciran selepas tamat darjah 6 menyambung ke tingkatan satu iaitu 29.74% (1270 orang pelajar). Manakala, keciciran di peringkat sekolah menengah (tidak menamatkan pelajaran sepenuhnya ke tingkatan 5) adalah sebanyak 37.35% (994 orang pelajar).

Tuan Yang Di Pertua,

Antara faktor- faktor yang menyumbang kepada keciciran di kalangan pelajar Orang Asli di peringkat sekolah menengah adalah seperti berikut:-

Jarak perjalanan dari rumah ke sekolah adalah jauh dan terdapat pelajar Orang Asli yang terpaksa mengharungi jalan tanah merah serta menyeberangi sungai untuk sampai ke sekolah masing-masing;

Perubahan persekitaran sekolah terutamanya bagi pelajar Orang Asli yang bersekolah rendah di sekolah 100% Asli beralih ke sekolah menengah campuran. Perkara ini berlaku kerana pelajar Orang Asli berkenaan sukar menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran tersebut apabila mereka terpaksa bergaul dan berkomunikasi dengan pelajar lain yang bukan berketurunan Asli;

Kekurangan asrama bagi pelajar Orang Asli sekolah menengah turut menjadi faktor penyebab kepada isu ini kerana pelajar Orang Asli yang beralih dari sekolah rendah ke sekolah menengah amat memerlukan kemudahan

asrama memandangkan jarak kediaman mereka dari sekolah adalah jauh; dan

[4]

iv. Kurangnya kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan pelajar Orang Asli untuk menghabiskan pelajaran di peringkat sekolah menengah.

Bagi menangani masalah keciciran pelajar Orang Asli, Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah untuk mengatasi keciciran dengan mengadakan pelbagai program dan skim bantuan galakan pendidikan seperti berikut;

i. Penyediaan kemudahan pengangkutan pelajar ke sekolah;
ii. Pemberian insentif wang saku kepada pelajar Orang Asli di sekolah menengah dengan kadar RM2 setiap pelajar sehari;

iii. Pembiayaan yuran persekolahan;
iv. Pemberian bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar

Miskin (KWAPM) menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia;

v. Penyediaan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah rendah kepada pelajar Orang Asli yang berada di kawasan pedalaman;

vi. Mengadakan pelbagai kursus dan seminar perubahan minda kepada ibu bapa dan pelajar seperti Program Mesra Didik, Program SKOR A, Program Pembangunan Minda Insan (PPMI);

vii. Memperluaskan Kurikulum Pendidikan Khas kepada Ibu Bapa Orang Asli melalui Kurikulum Dewasa Asli Penan (KEDAP) di kawasan penempatan Orang Asli dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia; dan

viii. Penyediaan kemudahan prasarana pendidikan seperti memperluaskan liputan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9), membina asrama untuk pelajar sekolah menengah khususnya di

daerah yang kekurangan asrama dan membina Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Kuala Rompin, Pahang yang menempatkan pelajar Orang Asli sederhana cemerlang.

Adalah diharapkan menerusi pelbagai program dan projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ini, masalah keciciran di kalangan pelajar Orang Asli dapat dikurangkan dan kualiti pendidikan masyarakat Orang Asli akan terus dipertingkatkan setanding dengan masyarakat umum.

SOALAN NO.: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

KAWASAN PASIR PUTEH

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini projek jalan raya Tok Bali - Pasir Puteh dan berapakah tambahan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kegagalan projek ini siap mengikut jadual.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Menaik Taraf jalan Pasir Puteh/Gong Kulim/Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan telah dimulakan pada 1 Februari 2006 dan sepatutnya disiapkan pada 28 Mac 2010.

Walau bagaimanapun, berikutan oleh kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor, Jabatan Kerja Raya (JKR) terpaksa menamatkan kontrak tersebut pada 28 Julai 2010. Pada masa kontrak tersebut ditamatkan, kemajuan siap kerja yang dicatatkan ialah sebanyak 72.9% berbanding 100% mengikut jadual, atau bersamaan nilai kerja yang dilaksanakan sebanyak RM40.7 juta berbanding RM56 juta harga kontrak asal.

Sehubungan dari penamatan kontrak tersebut, JKR telah melantik kontraktor penyiap yang baru pada 13 April 2011 bagi menyiapkan baki kerja projek ini. Berdasarkan kepada perancangan, Projek Menyiapkan Kerja Terbengkalai Menaik Taraf Jalan Pasir Puteh/Gong Kulim/Tok Bali dijangka akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan, iaitu sehingga 12 Oktober 2012. Harga kontrak semasa bagi projek ini ialah sebanyak RM30 juta. Pertambahan kos bagi menyiapkan projek ini adalah disebabkan oleh perubahan pada reka bentuk kepada jambatan baru yang merentangi Terusan Kemasin

Semerak di samping faktor kenaikan harga bahan-bahan binaan di pasaran.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH 16JUN 2011

SOALAN

Dato' Norainl binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kehilangan pinggir pantai Negara ini seperti yang dijangka akan berlaku termasuklah di Batu Pahat seperti yang dilaporkan oleh satu penyelidikan universiti tempatan baru-baru ini akibat daripada proses kenaikan aras laut kesan daripada pemanasan global.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan di akhbar tempatan yang memetik hasil penyelidikan satu universiti tempatan bahawa aras laut negara akan naik sebanyak 100 milimeter (mm) setahun akibat pemanasan global dan bahawa ekoran daripada fenomena ini beberapa kawasan seperti Batu Pahat akan tenggelam pada tahun 2020 adalah tidak tepat.

Ini ialah kerana kajian-kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menunjukkan bahawa kadar

SOALAN NO.: 23

peningkatan aras laut negara adalah jauh lebih rendah iaitu, di antara 0.2 mm -

7.0 mm setahun. Kajian-kajian ini dijalankan menggunakan beberapa kaedah termasuk data tolok pasang surut dan data satelit altimeter.

Hasil kajian di atas adalah selaras dengan kenyataan yang dibuat oleh *United Nations Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) iaitu, peningkatan aras laut global terkini adalah sebanyak 1.8 mm hingga 3.1 mm setahun. Kadar kenaikan ini adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, bergantung kepada pelbagai faktur, antaranya perubahan suhu, tekanan atmosfera, angin dan peredaran laut di lokasi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan di atas diramal wujud jika tindakan mitigasi untuk menangani fenomena perubahan iklim tidak dilaksanakan. Tindakan mitigasi ini diambil di peringkat domestik dan melalui pendekatan pelbagai hala (multilateralism) di peringkat antarabangsa.

Di peringkat domestik, pelbagai tindakan diambil untuk melaksanakan hasrat YAB Perdana Menteri yang telah diumumkan di Copenhagen pada tahun 2009 iaitu, untuk mengurangkan secara sukarela intensiti pelepasan gas rumah hijau *(greenhouse gases* atau GHG) berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga 40% berbanding tahap tahun 2005 menjelang 2020. Bagi mencapai indikator ini, kita telah menyediakan kerangka peta laluan atau *roadmap* yang meliputi tiga program utama, iaitu Kecekapan Penggunaan Tenaga *(energy efficiency* - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui *(renewable energy* - RE) dan Pengurusan Sisa Pepejal (PSP). Hasil daripada pelaksanaan program EE dan RE sehingga kini 62% or 23.5 juta tan of C02 telah dikurangkan. Pengurangan ini telah dicapai menerusi program EE (4.5 juta tan) and program RE (19 juta tan).

Di peringkat antarabangsa, Malaysia sentiasa menyokong usaha-usaha mitigasi secara *multilateral* untuk mengurangkan pelepasan GHG. Pendirian negara adalah bahawa masyarakat dunia terutama negara-negara maju perlu mengambil tindakan untuk menangani isu perubahan iklim sepertimana dipersetujui dalam Kyoto Protokol dan Bali *Roadmap.* Dalam hubungan ini, negara-negara maju hendaklah mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 5% berdasarkan pelepasan pada tahun 1990 bagi tempoh komitmen pertama (2008 hingga 2012). Bagi tempoh komitmen seterusnya, negara-negara maju hendaklah mengambil

tindakan untuk mencapai pengurangan GHG yang lebih mendalam (deeper cuts) supaya kenaikan suhu dunia
tidak melebihi paras 2°C berbanding dengan paras sebelum zaman perindustrian (pre-industrial levels) dan pencapaian ini adalah kritikal untuk mengelakkan kesan perubahan iklim yang merbahaya.

Selain langkah mitigasi, Malaysia juga mengambil langkah-langkah adaptasi termasuk untuk melindungi kawasan pantai seperti berikut:

i. Menjalankan kajian untuk menghasilkan unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai negara bagi tahun 2020 hingga 2100. Unjuran ini akan digunakan untuk penilaian impak kepada infrastruktur sedia ada melalui kaedah *Coastal Vulnerability Index* (CVI) dan *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP);

ii. Menjalankan kajian Indeks Kerentanan Pantai (atau CVI) untuk mengenal pasti kawasan pantai yang terdedah kepada kesan kenaikan aras laut serta untuk mengelakkan pembangunan di kawasan tersebut;

iii. Melaksanakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (Integrated Shoreline Management Plan - ISMP) untuk membantu dalam perumusan dasar, garis panduan dan strategi supaya pembangunan di kawasan pantai dilaksanakan secara mapan;

iv. Memantau secara berterusan kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sedia dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu; dan

v. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk melaksanakan projek pengukukan ban yang merangkumi pembinaan benteng batu dan meninggikan ban.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kesinambungan atau justifikasi Kerajaan untuk mewujudkan Peguam Negara (Syariah) dan mengkodifikasikan Kod Tatacara Amalan Mufti Negeri-Negeri, Fatwa dan Iain-lain serta adakah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bercadang memberi tempoh tertentu kepada negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan untuk melantik Hakim Syarie Wanita.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan **jawatan Peguam Negara Syarie** adalah suatu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai peruntukan mengenai pelantikan Peguam Negara (Syariah).

Menurut Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan "Menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-

Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara **undang-undang.** dan melaksanakan apa- apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujukkan atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana- mana undang-undang bertulis yang lain.”.

Berdasarkan tafsiran perkataan **undang-undang** tersebut, jelas bahawa kuasa Peguam Negara untuk menasihati Kerajaan mengenai apa-apa perkara undang-undang di bawah Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan itu adalah luas, iaitu meliputi semua undang-undang bertulis yang bersifat substantif atau subsidiari yang dibuat oleh Parlimen, Badan Perundangan sesuatu Negeri atau pihak berkuasa yang berkenaan dan ini termasuklah undang-undang bertulis yang berkenaan dengan undang-undang Syariah.

Selain memberikan nasihat kepada Kerajaan, Peguam Negara juga mempunyai kuasa budi bicara di bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

Bagi pendakwaan di mahkamah Syariah, kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan jenayah Syariah adalah terletak di bawah kuasa budi bicara Ketua Pendakwa Syarie yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja selaku Ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri yang

berkenaan. Ini jelas diperuntukkan di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri dan adalah selaras dengan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh, subseksyen 78(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 *[Enakmen 1 Tahun 2003]* memperuntukkan seperti yang berikut:

> **"Ketua Pendakwa dan Pendakwa Syarie**
>
> 78. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.
>
> (2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.".

Oleh itu, sekiranya Kerajaan melantik seorang Peguam Negara (Syariah) di peringkat Persekutuan untuk mengendalikan pendakwaan di mahkamah Syariah di setiap negeri maka ini akan bercanggah dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri tersebut.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk menyelaras dan memantapkan perjalanan prosiding pendakwaan Syariah dan prosiding sivil (mal) di Mahkamah Syariah telah dilakukan secara berterusan dari masa ke semasa. Sebagai contoh, penubuhan dan penyusunan semula Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), pewujudan Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara dan yang terkini ialah penempatan para Pegawai Syariah dari JKSM sebagai Penolong Penasihat Undang-undang Syariah di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri-negeri.

Mengenai cadangan untuk mengkodifikasikan Kod Tatacara Amalan Mufti Negeri-Negeri dan Fatwa, Kerajaan mengambil maklum bahawa pada masa ini semua peruntukan mengenai mufti dan fatwa ada diperuntukkan di bawah Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing kecuali Negeri Sabah dan Kedah yang telah pun menggubal undang-undang khusus mengenai mufti dan fatwa, iaitu menerusi Enakmen Fatwa (Negeri Sabah) 2004 *[Enakmen 7 Tahun 2004]* dan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 *[Enakmen 10 Tahun 2008].* Undang-undang tersebut secara umumnya memperuntukkan mengenai pelantikan Mufti, fungsi Mufti dan tatacara pembuatan sesuatu fatwa.

Walaupun tiada peruntukan khusus mengenai Kod Tatacara Amalan Mufti dan Fatwa di dalam kedua-dua undang-undang tersebut, namun dari segi amalannya, semua Mufti sentiasa berpegang kepada prosedur dan etika yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak dalam proses pembuatan fatwa. Kerajaan berpandangan bahawa perkara yang penting ialah seseorang yang hendak dilantik ke jawatan Mufti hendaklah merupakan seorang yang benar-benar berkelayakan dari segi hukum

Syarak serta mempunyai pengetahuan, adab, akhlak, integriti dan kredibiliti yang tinggi dan terpuji. Sekiranya setiap Mufti yang dilantik itu memiliki kriteria-kriteria tersebut, maka sudah pasti orang yang dilantik tersebut akan sentiasa berpegang kepada garis panduan dan etika yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak dalam membuat sesuatu fatwa.

Buat masa ini, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil sedang mengkaji untuk mengadakan undang-undang model yang lebih komprehensif berkenaan dengan mufti dan fatwa. Walaupun institusi Mufti dan Fatwa berada di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja sebagai Ketua agama Islam, namun Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu memartabat dan menambah baik institusi Mufti dan Fatwa di negara ini. Justeru, cadangan untuk mewujudkan Kod Tatacara Amalan Mufti Negeri-Negeri dan Fatwa itu perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri selaku penasihat utama kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja mengenai hal ehwal agama Islam.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat untuk melantik Hakim Syarie Wanita di Negeri-Negeri lain selain Wilayah Persekutuan, berdasarkan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, ia merupakan kuasa prerogatif dan hak mutlak Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja selaku Ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri yang berkenaan.

Sebagai contoh, di bawah subseksyen 56(1), 57(1), 58(1) dan 59(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 jelas memperuntukkan bahawa pelantikan Ketua Hakim Syarie, Hakim

Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Oleh itu, adalah diluar bidangkuasa Kerajaan untuk memaksa atau memberi tempoh kepada pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri agar segera melantik Hakim Wanita di Mahkamah Syariah. Namun begitu pihak kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ketika ini telah bersedia untuk menyediakan pegawai Syariah Wanita jika wujud pertambahan pelantikan Hakim Wanita pada masa hadapan di semua peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (**2011**) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO'OTHMAN SAID (PENGERANG)

TARIKH :16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauhmanakah keberkesanan dan tahap pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan dalam menjamin status halal makanan yang siap diproses dan dibungkus oleh pengilang-pengilang yang diragui.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL

KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan IslamMalaysia(JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) serta agensi-agensi lain yang berkaitan sentiasa membuat pemantuan dari semasa ke semasa bagi menjamin produk makanan dipasaran adalah halal dan baik (*halalan wa thoyiban).* Pemantauan ini juga bagi memastikan kredibiliti dan integriti pensijilan halal yang dikeluarkan JAKIM dan JAIN/MAIN.

Pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui 3 kaedah, iaitu:

i. **Pemantauan Berkala** iaitu dilakukan ke atas pemegang sijil halal JAKIM sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Pemantauan ini dijadualkan pada setiap bulan dengan keutamaan pemantauan ke atas syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalaman. Maka pemantauan akan dilakukan lebih dari sekali setahun. Sebaliknya adalah syarikat yang berisiko rendah maka pemantauan hanya sekurang-kurangnya setahun sekali.

ii. **Pemantauan Aduan Awam** iaitu dilakukan bersama agensi penguatkuasa berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kastam, pihak berkuasa tempatan dan Iain-lain agensi yang difikirkan perlu.

iii. **Pemantauan Susulan** iaitu pemeriksaan terhadap syarikat yang gagal mematuhi Prosedur Pensijilan Halal berdasarkan pemeriksaan terdahulu. Pemeriksaan akan diberi keutamaan kepada syarikat yang telah melakukan kesalahan besar dan diambil tindakan

gantung sijil halal. Ini bagi memastikan syarikat telah membuat tindakan pembetulan ke atas laporan ketakakuran dan juga telah mematuhi prosedur yang ditetapkan.

Pada tahun 2010, sebanyak 1,384 pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan. Dimana sebanyak 1,202 (87%) adalah secara berkala, aduan 95 (7%) dan susulan 87(6%). Secara purata JAKIM menjalankan pemeriksaan sebanyak 115 premis/kilang sebulan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1077 (78%) kategori produk makanan, 267 (19%) premis makanan (hotel dan restoran), 38 (3%) rumah sembelih dan 2 logistik (gudang) telah dibuat pemantauan pada tahun 2010.

Hasil pemantauan, secara keseluruhannya mendapati 1193 (86%) adalah komited halal (mematuhi piwaian halal). Manakaka 191 (14%) masih terdapat Laporan Ketidakakuran (Non Comformence Report (NCRJ,) yang perlu dilakukan pembetulan oleh industri. Dalam konteks ini, objektif JAKIM adalah ke arah sifar NCR. Daripada jumlah ketidakakuran tersebut, didapati 131 (68%) syarikat telah melakukan kesalahan kecil, 51 (27%) kesalahan besar dan 9 (5%) kesalahan serius.

Dimaklumkan juga bahawa JAKIM banyak menerima pelbagai aduan berhubung penyalahgunaan logo dan sijil halal. Hanya aduan yang lengkap dan berkaitan penyalahgunaan sijil dan logo halal sahaja (kesalahan kecil, besar dan serius) yang akan diambil tindakan. Sebanyak 261 aduan telah diterima tetapi hanya 136 (52%) sahaja yang di bawah bidangkuasa JAKIM.
Dari segi hukuman, sebanyak 51 syarikat telah dikenakan tindakan penggantungan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) kerana melakukan

pelbagai kesalahan melanggar piawaian halal Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **6** syarikat telah **ditarikbalik** SPHM oleh Panel Pengesahan Halal dan tidak dibenarkan menggunakan logo halal. Manakala sebanyak **23** syarikat telah **dikembalikan semula** SPHM kerana Panel Pengesahan Halal berpuashati dengan tindakan pembetulan syarikat sebagaimana diarahkan, **22** syarikat lagi **masih dalam tindakan pembetulan.** Selain itu, sebanyak **33** syarikat **dikeluarkan dari sistem e-halal** kerana syarikat telah berpindah atau syarikat telah menamatkan operasinya.

Sekain, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**
TARIKH BERSIDANG	**16 JUN 2011**
SOALAN	

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria untuk membina hospital untuk setiap pekan dan bandar dan sama ada sebuah hospital dapat dibina di Rawang.

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan pembinaan sesebuah hospital di sesuatu kawasan adalah berdasarkan keperluan setempat. Antara faktor-faktor yang diambilkira di dalam perancangan sesebuah hospital adalah kepadatan penduduk, kemudahan kesihatan/hospital sediada disekitarnya, kemudahan perhubungan jalanraya dan Iain-lain. Selain itu, perancangan pembinaan sesebuah hospital baru bukan sahaja perlu mengambilkira keupayaan kewangan kerajaan, tetapi juga keupayaan kerajaan menyediakan kakitangan terlatih untuk berkhidmat di hospital tersebut.

Buat masa ini, penduduk di Rawang mendapat perkhidmatan perubatan dari hospital awam dan swasta sekitar Lembah Klang. Hospital awam berhampiran iaitu Hospital Selayang (terletak 13 km) yang mempunyai 852 buah katil dan Hospital Sungai Buloh (terletak 20km) yang mempunyai 620 buah katil dijangka dapat menampung keperluan penduduk sekitarnya termasuk penduduk di Rawang. Walaubagaimanapun, KKM sentiasa memantau keperluan penduduk dari masa ke semasa dan sekiranya terdapat keperluan akan mempertimbangkan cadangan untuk mempertingkatkan lagi kemudahan sediada termasuk cadangan pembinaan hospital baru.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

SOALAN NO.: 27

DARIPADA : TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]

TARIKH : 16 JUN 2011

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PERTANIAN DAN** INDUSTRI ASAS TANI menyatakan rancangan dan usaha Kementerian untuk membersihkan, menambahbaikan dan membina semula parit-parit serta pintu air akibat kerosakan sepanjang Jalan Kelupu dari Pekan Bintangor seperti yang dikemukakan dalam sesi Parlimen yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerosakan di sepanjang Jalan Kelupu dari Pekan Bintangor adalah sekitar 1.5 km dan kos untuk memperbaiki semula parit- parit serta pintu air adalah dianggarkan sebanyak RM 3.2 juta dan ianya adalah di bawah bidangkuasa Majlis Daerah Maradong dan Julau.

Namun begitu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sarawak terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja membersih sistem saliran sedia ada di Taman Bahagia, Taman Foh Phin dan Kuarters Kastam di Jalan Kelupu menggunakan peruntukan di bawah N40 Meradong dengan dana di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sarawak untuk kerja-kerja kecil.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

[IPOH BARAT]

TARIKH **16 JUN 2011**

SOALAN

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan untuk mengimplementasikan peperiksaan wajib kepada kesemua graduan perubatan dari Universiti tempatan mahupun dari luar negara sebelum diberikan pengiktirafan untuk menjalankan tugas.

Tuan Yang dI-Pertua,

Majlis Perubatan Malaysia belum mempunyai sebarang pelan implementasi bagi mengadakan peperiksaan wajib kepada semua graduan perubatan dari universiti tempatan mahupun dari luar negara sebelum diberikan pendaftaran untuk menjalankan tugas. Ini adalah kerana perkara ini masih di peringkat perbincangan / cadangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT *Ud*:

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]
Tarikh Menjawab	16 Jun 2011 (Khamis)
Soalan	No. 29

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah kementerian ini sedar masalah bekalan benih getah yang amat serius dan banyak skim-skim penanaman semula telah terbengkalai dan gagal ditanam. Oleh sebab yang demikian, apakah tindakan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran anak benih getah di Malaysia pada masa kini (sehingga Mei 2011) adalah sebanyak 5.34 juta. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak 75% berbanding permintaan tahunan sebanyak 22 juta.

Bagi menangani masalah ini, Kerajaan telah menubuhkan empat Pusat Pengeluaran Benih Getah atau *Malaysian Rubber Budwood Centre* (MRBC) yang mampu mengeluarkan 14,472,000 ranting

tunas hijau untuk tujuan menghasilkan pengeluaran anak benih getah. Pusat-pusat tersebut adalah di:

i. Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) Kota Tinggi, Johor;
ii. Stesen Penyelidikan RRIM Similajau, Sarawak;
iii. Stesen Penyelidikan RRIM Bukit Kuantan, Pahang; dan
iv. Stesen Penyelidikan RRIM Sg. Sari, Kedah.

Selain itu, sebuah lagi MRBC akan ditubuhkan di Sabah. Dengan beroperasinya kesemua MRBC ini, ia dijangka akan dapat menangani masalah kekurangan anak benih getah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

NO. SOALAN : 30

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**
TARIKH	**16.06.2011 (KHAMIS)**

TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan rasional di sebalik penetapan Kementerian yang memerlukan kereta terpakai diperiksa oleh PUSPAKOM sebelum dijual kepada penjual kereta terpakai kemudiannya diperiksa sekali lagi sebelum kereta itu dijual kepada pihak ketiga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan peruntukkan **Seksyen 4G (1) Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010)** iaitu mana-mana orang yang ingin memasuki perjanjian sewa beli yang melibatkan kenderaan bermotor terpakai hendaklah membuat perisytiharan secara bertulis selaras dengan Laporan Perakuan Pemeriksaan daripada Pihak Berwibawa yang ditetapkan oleh Pengawal tentang kecacatan yang wujud pada kenderaan tersebut.

Manakala **Seksyen 4G(2)** Akta yang sama pula menyatakan kecacatan termasuk mekanikal atau sistem pengoperasian, pembuatan, struktur dan pembinaan serta perkakasan pada kenderaan terpakai tersebut.

Pemeriksaan sewa beli (HPI) ini akan melindungi bakal pembeli dan pengguna dimana pendedahan maklumat mengenai status dan kondisi sebenar kenderaan bermotor terpakai dibaikpulih diketahui sebelum memasuki sesuatu transaksi sewa beli dibawah perjanjian sewa beli. Di samping itu, pihak industri seperti institusi kewangan, insuran dan peniaga kenderaan terpakai dibaikpulih juga dapat meningkatkan keyakinan rakyat dengan membekalkan kenderaan bermotor terpakai dibaikpulih yang lebih berkualiti. Dalam masa yang sama, Kerajaan dapat membendung kegiatan penjualan kenderaan tidak selamat dan tiada sesuai berada di atas jalanraya seperti kenderaan yang diisytiharkan sebagai *total lost,* pembaikan, pengubahsuaian dan penggantian bahagian-bahagian kenderaan tanpa kelulusan JPJ serta penjualan kereta potong sambung .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang]

TARIKH 16 Jun 2011 (Khamis)

SOALAN

NO. SOALAN : 31

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengarahkan Jabatan Insolvensi Malaysia supaya tidak menyenarai hitamkan Pasport Terhad Malaysia yang tinggal di Limbang yang menghadapi masalah tindakan undang- undang memandangkan kedudukan Limbang yang duduk di antara dua daerah negara jiran tersebut supaya mereka dapat juga bergerak keluar daerah Limbang untuk apa-apa tujuan dalam Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang kebankrapan di Malaysia menghalang seseorang bankrap ke luar Negara kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi. Rasionalnya supaya bankrap perlu memberi keutamaan untuk menjelaskan hutang. Halangan ini juga bertujuan untuk mengawal selia kelakuan bankrap supaya tidak keluar masuk Malaysia tanpa kawalan atau terus meninggalkan Malaysia sehingga menjejaskan kepentingan dan faedah pemiutang-pemiutang.

Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai budi bicara dalam memberi pertimbangan dan kelulusan kepada bankrap untuk ke luar Negara berlandaskan kepada beberapa peraturan dan kriteria yang perlu dipatuhi oleh setiap bankrap supaya rasional bagi halangan tersebut tidak dijejaskan. Bankrap harus juga memberi kerjasama yang baik dengan mematuhi semua peraturan dan arahan yang diberikan bagi menjamin pentadbiran kebankrapan mereka yang berkesan. Sebagai contoh, keluar negara bagi tujuan melancong atau sosial amnya dilarang, permohonan

bagi tujuan beribadat biasanya dibenarkan sekali sahaja. Namun, bagi permohonan untuk bekerja amnya akan diluluskan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2010, Ketua Pengarah Insolvensi telah meluluskan sebanyak 3493 (63%) permohonan bankrap untuk bekerja di luar Malaysia.

Dalam kes bankrap di Limbang, Ketua Pengarah Insolvensi boleh mempertimbangkan dan memberi kelulusan sewajarnya untuk bankrap yang ingin keluar masuk sempadan Malaysia khususnya untuk mencari nafkah hidup dan apa-apa tujuan lain yang munasabah yang tidak menjejaskan rasional halangan itu diadakan oleh perundangan.

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan yang ada kerana ianya merupakan mekanisma kawalan bankrap.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pengisian kekosongan hakim-hakim Mahkamah Perusahaan masih belum dilakukan sepenuhnya, menyebabkan banyak kes tertangguh.

SOALAN NO: 33
PR-1242-L44379

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia telah mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini dan dalam pertimbangan sewajarnya agar kekosongan jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini dapat diisi dengan kadar segera. Sehingga kini terdapat 7 kekosongan jawatan

Sabah, Johor dan Pulau Pinang, manakala 4 lagi di Kuala Lumpur. Walaubagaimanapun 2 orang Pengerusi Mahkamah Perusahaan Kontrak telahpun dilantik bagi mengisi kekosongan *Cawangan Johor dan Sabah* dan akan mula berkhidmat pada 16 Jun 2011.

2. Bagi menangani masalah tunggakan kes di Mahkamah yang tiada Pengerusi Mahkamah Perusahaan, kes-kes yang menjadi keutamaan telah diagihkan semula di kalangan Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang ada untuk diteruskan bicara dan juga penurunan *award.* Hasil pengagihan semula kes telah dapat mengurangkan kes tertunggak di Mahkamah yang tiada Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Kedudukan baki kes di Mahkamah Perusahaan yang tiada Pengerusi Mahkamah Perusahaan sehingga 31 Mei 2011 adalah seperti berikut:

Mahkamah	**Baki kes**
Mahkamah 6 (Kuala Lumpur)	4
Mahkamah 9 (Pulau Pinang)	134
Mahkamah 17 (Sabah)	27
Mahkamah 20 (Johor)	30

Mahkamah 21 (Kuala Lumpur)	0
Mahkamah 22 (Kuala Lumpur)	1
Mahkamah 28 (Kuala Lumpur)	27
Jumlah	**223 kes**

Kes tertunggak di Mahkamah yang tiada Pengerusi Mahkamah Perusahaan hanya **9** % daripada jumlah kes tertunggak.

3. Sehingga 31 Mei 2011 sebanyak 2,439 kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan masih tertunggak dan belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan .

Butiran Kes tertunggak	**Jumlah kes**
Kes dirujuk lebih 1 tahun	996
Kes dirujuk kurang 1 tahun	1024
Kes menunggu *award*	233
Kes menunggu hujahan	154
Kes menunggu prosiding cetiorari	32
Jumlah kes tertunggak	2439

4. Oleh itu kekosongan jawatan Pengerusi bukanlah sebab utama kes tertangguh. Antara sebab-sebab kes masih belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan adalah seperti berikut:

a. Kes tertangguh kerana terdapat permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi, kemudiannya dirayu ke Mahkamah Rayuan dan akhir sekali ke Mahkamah Persekutuan. Sementara menunggu keputusan kes tidak dapat diteruskan. Apabila keputusan Mahkamah Persekutuan memutuskan kes perlu diteruskan oleh Mahkamah Perusahaan barulah kes tersebut dihantar semula ke Mahkamah Perusahaan dan diteruskan untuk sambung bicara.

b. Terdapat permohonan sampingan yang lain ke Mahkamah Tinggi dalam masa yang sama seperti permohonan penggantungan, permohonan untuk membuat rayuan yang mana prosesnya memakan masa yang lama dan kes di Mahkamah Perusahaan ditangguhkan sementara sehingga permohonan di Mahkamah Tinggi selesai.

c. Kebanyakkan kes yang tertangguh adalah kes-kes yang rumit dan melibatkan ramai pihak menuntut (perayu) dan saksi.

d. Terdapat juga kes-kes di mana walaupun tarikh bicara telah

ditetapkan, pihak-pihak bertikai memohon untuk meminda *pliding* atau penggabungan beberapa kes dalam satu kes ataupun, pencantuman pihak lain ke dalam kes tersebut. Permohonan tersebut akan didengar terlebih dahulu dan sekiranya terdapat bantahan dari pihak yang satu lagi ia akan mengambil masa yang lebih panjang.

e. Peguam pihak-pihak bertikai memohon untuk penangguhan tarikh bicara yang telah ditetapkan atas pelbagai alasan dan ini menyebabkan tarikh bicara terpaksa dijadualkan semula mengikut tarikh kelapangan kesemua pihak.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR

TARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak pekerja tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan dalam berbagai-bagai sektor dalam negara

dan peratusan pekerja tempatan berbanding pekerja asing dalam sektor pembinaan dan pertanian.

PR-1242-L44800

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan pekerjaan rakyat tempatan dan sentiasa menggalakkan supaya mereka bekerja dalam pelbagai sektor di negara ini. Isu ini ditangani secara menyeluruh dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan. Antaranya, Kerajaan

melalui Kementerian Sumber Manusia menjalankan dan menguruskan satu *jobs portal* yang dipanggil *JobsMalaysia* yang diberikan secara percuma kepada rakyat negara ini untuk mendaftar sebagai pencari kerja.

2. *JobsMalaysia* bukan hanya beroperasi sebagai sistem carian pekerjaan sahaja tetapi telah ditambahbaik dengan mengadakan perkhidmatan khidmat kerjaya oleh pegawai-pegawai tertentu yang memberi nasihat kepada pencari kerja. Pusat *JobsMalaysia* telah ditambah nilai dengan menempatkan pegawai-pegawai yang terlatih untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada mereka yang mencari kerja supaya mereka boleh mendapat peluang-peluang pekerjaan.

3. Bagi memperluaskan akses *JobsMalaysia* kepada semua rakyat, Kerajaan telah mewujudkan 12 buah Pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara. Selain itu, bagi memudahkan rakyat tempatan mendaftar, Pusat *Jobs Malaysia* dibuka pada hari Sabtu dari 8 pagi hingga 5 petang supaya mereka yang telah mendapat pekerjaan tetapi ingin mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, atau masih menganggur untuk mendapat khidmat nasihat, boleh mendaftarkan diri sebagai pencari kerja dan seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sesuai. Walau bagaimanapun, pencari kerja masih boleh juga terus mendaftar di semua Pejabat Tenaga Kerja dan Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara.

4. Kementerian juga menggalakkan majikan melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja secara manual dengan menyertai program penempatan anjuran Jabatan bagi membolehkan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja mengisi

kekosongan tersebut. Program yang dikenali sebagai Program Penempatan Pekerjaan (3P) diadakan dari masa ke semasa bagi menemukan terus majikan dan pekerja. Dalam tempoh 1 Januari 2011 hingga 1 Jun 2011, sebanyak 38 program 3P telah diadakan. Jumlah penempatan yang telah dibuat bagi tempoh tersebut adalah 24,878 orang terdiri daripada 8,126 siswazah dan 16,752 bukan siswazah.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Kerajaan memang komited untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing. Kerajaan sentiasa melihat bahawa keperluan pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara dan bukannya bersifat kekal. Pelbagai usaha telah diambil bagi menggalakkan lebih ramai pekerja tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

i. Menggalakkan majikan dalam sektor yang berintensif buruh bertukar kepada penggunaan teknologi yang dikendalikan oleh pekerja mahir tempatan disamping memperkenalkan insentif-insentif yang menyediakan persekitaran kerja yang kondusif.

ii. Menggalakkan majikan meningkatkan penggunaan teknologi dengan menggunakan sistem automasi dan mengelakkan

iii. Bagi restoran majikan sentiasa digalakkan untuk melaksanakan penggunaan sistem yang berintensifkan buruh bagi perkhidmatan layan diri sebagai langkah mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kebergantungan kepada pekerja.

iv. Meningkatkan penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU), pesara, bekas banduan dan bekas penagih dadah dan pelbagai golongan di dalam masyarakat bagi memenuhi kekosongan yang ada dalam pasaran pekerjaan.

v. Menggalakkan penyertaan rakyat tempatan untuk bekerja separa masa seperti suri rumah, ibu tunggal, pesara, OKU dan pelajar bekerja untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja memandangkan Peraturan Separa Masa telah pun dikuatkuasakan pada 1 0ktober2010.

vi. Kerajaan menggalakkan penubuhan Pusat Asuhan Kanak- Kanak berkonsepkan komuniti berdasarkan kerjasama dengan industri bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran pekerjaan.

vii. Kementerian turut terlibat dalam Program Kutu Rayau / Gelandangan di mana program tersebut bertujuan untuk membantu warga tempatan di sekitar bandaraya yang tiada pekerjaan dan tempat tinggal diambil bekerja dengan majikan- majikan tempatan. Langkah ini adalah merupakan langkah

Tuan Yang Dipertua,

6. Kementerian terus mengambil pelbagai langkah untuk menarik minat pekerja tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap

yang perlu dalam membantu mereka meneruskan kehidupan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

pekerja asing. Sebagai contoh di sektor perladangan atau pembinaan bagi menjamin pekerja tempatan mahu bekerja sebagai buruh dan bertahan dengan pekerjaan tersebut, Kementerian telah melaksanakan beberapa strategi mengekalkan minat mereka antaranya seperti berikut

i. Mempromosikan agar kategori pekerjaan yang bersesuaian di ladang-ladang diisi oleh pekerja tempatan seperti Penyelia ladang, kerani, pembantu pejabat dan pemandu jentera ladang. Pekerja-pekerja asing hanya dibenarkan untuk diambil bekerja hanya bagi kategori asas. Selain itu pekerja-pekerja tempatan yang bekerja di bawah kontraktor disaran digajikan terus oleh syarikat perladangan.

ii. Menggalakkan majikan di sektor perladangan menyediakan kemudahan perumahan dan prasarana asas yang kondusif dan selamat serta menyediakan pelbagai insentif bagi menarik minat rakyat tempatan bekerja di dalam sektor-sektor ini. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti Pusat Asuhan Kanak-kanak, bekalan air, bekalan elektrik, klinik, tanah untuk

bercucuk tanam, dewan komuniti serta kemudahan beribadat dan rekreasi.

iii. Menggalakkan sektor pembinaan menggunakan bahan pasang-siap atau Industrialised Building Systems (IBS) manakala di sektor perladangan, digalakkan meningkatkan penggunaan automasi mengikut kesesuaian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Tuan Yang Dipertua,

7. Bagi mengalakkan lebih ramai pekerja tempatan mengisi peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor **termasuk sektor pembinaan dan pertanian,** Kementerian dari masa ke semasa mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil majikan dan pekerja bagi mengenai pasti masalah yang timbul dan membincangkan langkah-langkah penyelesaian. Ini bertujuan untuk memastikan keselesaan dan kebajikan para pekerja dalam sektor berkenaan terjaga dengan baik. Usaha ini diharap dapat mengekalkan dan menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja dalam sektor tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Peratusan pekerja tempatan dan asing bagi **sektor pertanian dan pembinaan** pada tahun 2010 adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 1 : Peratusan pekerja tempatan dan asing bagi sektor pertanian dan pembinaan pada tahun 2010

Sektor	Pekerja Tempatan	Pekerja Asing	
		Pegawai Dagang	Buruh Asing
Pembinaan	44,605	448	12,648
Pertanian, pemburuan dan perhutanan	92,806	197	176,398
Jumlah	137,411	645	189,046
Peratus (%)	42	0.2	57.8

NO. AUM : 58

NO. AUP :3<f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**
TARIKH	**:**	**16 JUN 2011**
RUJUKAN		**3702**

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia, En. S Arutchelvan ditahan semula pada 1 Mei 2011 di Balai Polis Stadium, Dang Wangi atas alasan kes kecurian yang berlaku pada tahun 1996. Siapakah yang memasukkan butir- butir palsu dalam sistem komputer polis, dan bilakah ini dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Encik Arutchelvan a/l Subramaniam telah ditahan polis pada 1 Mei 2011 dan telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi bagi membantu siasatan satu kes bersabit Alor Setar Repot 6581/95. Walau bagaimanapun, beliau telah dibebaskan pada hari yang sama setelah didapati tiada keterangan kukuh untuk menahan beliau lebih lanjut.

SOALAN:35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJUNG MALIM)
TARIKH: 16.06.2011 (KHAMIS)

DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJUNG MALIM) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan

a) jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan untuk semua produk petroleum untuk tahun 2010; dan

b) kenaikan harga minyak telah memberi kesan langsung ke atas kos-kos lain yang turut naik. Sejauh mana usaha Kementerian menangani kenaikan kos yang boleh menjejaskan kualiti hidup rakyat telah berhasil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a) Pada tahun 2010, Kerajaan telah menanggung subsidi sebanyak RM 9.2 bilion untuk produk petroleum iaitu RM 3.6 bilion untuk petrol, RM 4 bilion untuk diesel dan RM 1.6 bilon untuk LPG.

b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang ialah:

i. menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan di antara pihak industri dan KPDNKK. Sebarang perubahan harga barangan ini perlu mendapat kebenaran daripada KPDNKK;

ii. menetapkan harga barang kawalan bersubsidi secara undang-undang sama ada di peringkat borong dan runcit di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan LPG. Ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikkan harga barangan secara melampau dan sewenang-wenangnya;

iii. mempertingkatkan pemantauan harga ke atas premis-premis menjual makanan sedia masak bagi menentukan peniaga tidak ada mengambil kesempatan menaikkan harga berikutan dengan kenaikan harga barang gula dan petrol. Kerajaan juga melakukan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara dengan melaksanakan pemantauan secara berterusan juga dilaksanakan ke atas 355 barang di seluruh negara.

iv. Kementerian turut menjalankan Kempen Penurunan Harga di hypermarket dan pasaraya dalam membendung kanaikan kos yang ditanggung oleh rakyat.

v. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Kaamatan dan Hari Gawai;

vi. mewajibkan peniaga meletakan tanda harga ke atas barangan yang dipamerkan untuk jualan runcit bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barangan berkenaan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993;

vii. mengadakan program kesedaran pengguna dan peniaga bagi meningkatkan kesedaran terhadap hal serta peranan masing-masing di dalam menangani isu kenaikan harga barang; dan

viii. mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikan harga produk akhir sekiranya harga barang kawalan terutamanya gula dinaikkan.

Soalan No : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN

Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rasional lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang perlu memasuki ujian bahasa untuk memasuki Universiti Al-Azhar kerana ia seolah-olah merendahkan kualiti sijil ini, sedangkan ia tidak berlaku kepada lulusan sijil thanawi dan diploma kolej-kolej kerajaan negeri sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rasional lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) menduduki ujian bahasa Arab untuk memasuki Universiti Al-Azhar adalah untuk memastikan pelajar- pelajar yang akan mengikuti pengajian di universiti tersebut telah menguasai bahasa Arab sepenuhnya. Ini adalah bagi memastikan pelajar-pelajar dari negara ini tidak menghadapi masalah ketika mengikuti pengajian di universiti tersebut yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Arab.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, syarat menduduki ujian ini telah ditetapkan oleh Universiti Al-Azhar dan merupakan tahun kedua pelaksanaannya. Sebelum ini, ujian tersebut dijalankan di universiti berkenaan di Mesir. Namun begitu, atas inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi, mulai tahun ini (Julai 2011) ujian tersebut akan dilaksanakan di dalam negara.

NO. AUM : 42
NO. AUP : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN **3873**

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah Kerajaan bersetuju untuk mengadakan perjanjian dengan Kerajaan Australia untuk menempatkan 800 pelarian yang dihantar oleh Australia ke Malaysia. Apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia dalam perjanjian dua- hala tersebut dan kenapakah Kerajaan tidak menandatangani Konvensyen Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Malaysia merupakan negara ahli kepada kumpulan *Bali Process* yang bertujuan menangani isu-isu pergerakan secara tidak sah *(irregular movement)* merangkumi migran, pelarian termasuk pemohon suaka di rantau Asia Pasifik. Kumpulan *Bali Process* telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan dipengerusikan secara bersama oleh Australia dan Indonesia, lanya dianggotai oleh 41 negara termasuk pertubuhan antarabangsa seperti Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) dan Organisasi Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM). Kumpulan *Bali Process* mengadakan mesyuarat secara berkala di peringkat Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan. *Bali Process* adalah merupakan satu badan konsultatif dan segala keputusan tidak mengikat (*non-binding*) negara-negara ahli.

Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri *Bali Process* pada 30 Mac 2011 telah bersetuju dengan cadangan kerangka kerjasama serantau yang dikemukakan oleh UNHCR bagi menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement)* migran di rantau Asia Pasifik termasuk pelarian dan pemohon suaka. Kerangka kerjasama ini

bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan dari segi tanggungjawab yang dikongsi bersama di kalangan negara-negara asal, transit dan destinasi dalam menangani masalah ini. Kerangka kerjasama ini tidak meletakkan syarat bahawa negara yang berminat untuk menyertai kerjasama ini perlu menjadi negara ahli kepada Konvenyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Kerjasama serantau ini juga boleh dilaksanakan secara bilateral atau multilateral.

Cadangan pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara Malaysia dan Australia ini melibatkan elemen penghantaran 800 pemohon suaka yang tiba dengan bot secara haram di perairan Australia ke Malaysia. Sebagai balasan Australia akan menerima seramai 4,000 pelarian di Malaysia yang telah berdaftar dengan UNHCR bagi tujuan penempatan semula dalam tempoh masa empat (4) tahun. Malaysia berpandangan bahawa cadangan pertukaran ini akan dapat menyelesaikan isu jumlah pelarian yang semakin bertambah di negara ini.

Pada masa ini, Malaysia tidak bercadang untuk menyertai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian 1953 dan Protokolnya 1967. Ini adalah kerana penyertaan Malaysia ke Konvensyen tersebut akan membuka laluan kepada kebanjiran pemohon suaka ke negara ini untuk memohon status pelarian daripada UNHCR.

NO. AUP : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

NO. AUM : 58

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]**

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN **3699**

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) apakah kesalahan telah dilakukan oleh Kadir Hashim seorang OKU sehingga ditahan di bawah ISA; dan

(b) apakah kesalahan oleh Abdul Majid Bin Kunji Mohamad, warganegara Singapura ditahan dibawah ISA.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), tindakan menangkap Kadir Hashim pada 1 April 2011 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 adalah berdasarkan kepada risikan keselamatan dan siasatan mendapati beliau telah terlibat dalam kegiatan berunsur subversif yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan Negara.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Abdul Majid Bin Kunji Mohamad merupakan seorang warganegara Singapura dan dikehendaki oleh pihak berkuasa negara tersebut kerana terlibat dalam aktiviti yang mengancam keselamatan negara tersebut. Beliau telah dikesan bersembunyi di Malaysia sebelum ditangkap dan diserahkan kepada pihak berkuasa Singapura. Selain itu, beliau juga didapati terlibat dalam menyalurkan dana kepada sebuah kumpulan militan yang berpengkalan di Selatan Filipina.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA TUAN TENC BOON SOON
[TEBRAU]

SOALAN

TUAN TENC BOON SOON [TEBRAU] mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN tempatan** menyatakan bilangan Projek Perumahan Sakit mengikut negeri. Apakah mekanisma pemantauan untuk memastikan projek perumahan tidak sakit dan apakah langkah yang telah diambil untuk membantu pembeli-pembeli rumah yang menjadi mangsa kepada projek sakit ini khususnya rakyat golongan berpendapatan rendah yang merupakan pembeli rumah kali pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 1 Januari 2011 hingga 31 Mei 2011 bilangan keseluruhan projek perumahan sakit adalah sebanyak 229 projek. Pecahan projek perumahan sakit mengikut negeri adalah seperti berikut: -

Bil	Negeri	2010 (Disember)					
1	Perlis	2					
2	Kedah	15					
3	Pulau Pinang	10					
4	Perak	12					
5	Selangor	84					
6	Wilayah Persekutuan	13					
7	Negeri Sembilan	9					
8	Melaka	11					
9	Johor	34					
10	Pahang	8					
11	Terengganu	15					
12	Kelantan	15					
Jumlah Kumulatif		228	221	229	230	234	229

KPKT melaksanakan beberapa mekanisme untuk memastikan projek perumahan berjalan lancar melalui :

1) Semakan Laporan Kemajuan Projek (Laporan 7f)

Berkuatkuasa 2011, pemaju diwajibkan untuk menghantar Laporan 7f ini sebanyak 4 kali setahun (1 kali setiap 3 bulan) bagi menunjukkan status kemajuan projek di tapak.

Kompaun minimum sebanyak RM 50,000.00 dan maksimum RM 250,000.00 dikenakan di atas kegagalan pemaju untuk menghantar laporan 7f ini.

2) Lawatan ke tapak projek dan premis pemaju

Kerap dilakukan ke atas projek yang dikenalpasti sebagai bermasaiah.

Tindakan susulan yang diambil hasil semakan daripada Laporan 7f yang telah diterima daripada pemaju.

3) Semakan Laporan Kewangan Beraudit (Laporan 7e) syarikat pemaju

Dihantar oleh pemaju di dalam tempoh 6 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan syarikat

Semakan dilakukan untuk memastikan akaun syarikat pemaju dan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) sentiasa beraudit dan dalam keadaan teratur.

Kompaun minimum sebanyak RM 50,000.00 dan maksimum RM 250,000.00 dikenakan di atas kegagalan pemaju untuk menghantar laporan 7(e) ini.

4) semakan Akuan Pemajuan Perumahan (HDA)

Pemaju dikehendaki mengekalkan baki minima sebanyak RM 200,000.00 pada satu-satu masa di dalam HDA ini. ini adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991.

Tindakan pembekuan HDA akan diambil sekiranya akaun HDA didapati penyenggaraan akaun tidak teratur (Seksyen 7C, Akta Pemajuan Perumahan 1966)

5) Mesyuarat bersama pemaju bermasalah

Mesyuarat diadakan untuk mendapatkan penjelasan pemaju tentang jadual kerja baru di dalam menyiapkan projek bermasalah.

Mesyuarat juga diadakan bersama kehadiran agensi- agensi/ jabatan-jabatan teknikal bagi menyiapkan projek perumahan sehingga mendapatkan CF/ CCC.

6) Pengesyoran kompaun

Pengesyoran kompaun/ pendakwaan dilakukan ke atas pemaju yang dikenalpasti melakukan kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) & Peraturan-peraturan.

Pengesyoran senarai hitam (secara pentadbiran)

Kriteria-kriteria bagi menyenarai hitam syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) syarikat:-

a) Pemaju yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai;

b) Pemaju yang gagal mematuhi award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR);

c) Pemaju yang gagal membayar kompaun bagi kesalahan yang

dilakukan;

d) Pemaju yang terlibat dengan projek sakit; dan

e) Pemaju yang melakukan kesalahan di bawah Akta 118 yang didakwa di mahkamah dan disabitkan kesalahan.

Tujuan tindakan senarai hitam di lakukan untuk memastikan sebarang permohonan pemaju berkaitan pembaharuan permit iklan dan jualan, atau permohonan lesen pemajuan perumahan yang baru ditahan.

Antara usaha dan tindakan yang diambil oleh KPKT untuk membantu pembeli rumah projek perumahan swasta yang sakit ialah:

1) Mengeluarkan Surat Pengesahan Projek Bermasalah atau Surat pengesahan Projek Terbengkalai kepada para pembeli perumahan.

Surat pengesahan ini dikeluarkan kepada para pembeli yang mana projek perumahan yang dibeli berada di dalam status lewat, sakit

atau terbengkalai.

Surat pengesahan ini dikeluarkan untuk tujuan seperti berikut:-

a) Mengurangkan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan oleh pihak pembiaya atau institusi kewangan;

b) Permohonan pengeluaran simpanan kali kedua daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

c) Berurusan dengan Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan bagi tujuan

i) Membatalkan pinjaman dan membuat permohonan pinjaman baru perumahan;

ii) Menangguhkan pengenaan faedah pinjaman sebanyak 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang lebih terdahulu).

Mengadakan perbincangan antara pemaju , pembeli, pembiaya dan agensi utiliti (TNB,lWK,SYABAS) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenalpasti permasalahan projek. Sekiranya projek berdaya maju, KPKT akan berusaha mendapatkan pemaju penyelamat untuk menyiapkan projek tersebut.

3) Menerima aduan mengenai projek perumahan daripada pembeli secara *online* melalui laman web KPKT.

Status terkini projek boleh diketahui oleh pembeli rumah bermasalah.

4) Untuk membantu bakal-bakal pembeli, KPKT menyediakan senarai projek lewat, sakit dan terbengkalai melalui laman web rasmi www.kpkt.gov.mv.

Sebagai medium rujukan kepada para pembeli perumahan untuk mengelakkan pembeli terjerumus dalam membeli projek perumahan bermasalah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH : **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

DARIPADA : **Y.B. DR. TAN SENG CIAW**
[KEPONGI

SOALAN

Y.B. DR. TAN SENG CIAW I KEPONG 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan Dewan ini pelbagai rancangan Kerajaan untuk membina lebih banyak rumah bagi rakyat termasuk para pemuda. Berapa syarikat yang terlibat serta jenis dan bilangan rumah yang telah dan akan dibina.

SOALAN (41)

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan perumahan bagi rakyat dengan mewujudkan Program Perumahan Rakyat Untuk Disewa dan Dimiliki bagi golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah. Kerajaan akan meneruskan pembinaan rumah di bawah program ini di dalam RMKe-10. Bagi memenuhi permintaan perumahan bagi golongan muda, Kerajaan telah mewujudkan satu skim perumahan baru iaitu Skim Rumah Pertamaku pada awal tahun ini yang dikendalikan oleh Cagamas Berhad. Skim ini adalah untuk membantu golongan-golongan muda untuk

i

mendapatkan bantuan pinjaman bagi rumah-rumah pertama mereka yang berharga di antara RM100.000 hingga RM220,000.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jun 2011

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. DATO[1] SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :16/06/2011

SOALAN

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

a) jumlah cukai yang diperolehi Kerajaan daripada kutipan tol di setiap lebuh raya dalam negara ini; dan

b) apakah tindakan yang diambil oleh Bank Negara mengenai kemungkinan terhadap penipuan yang berlaku dalam proses tambah nilai "Kad Touch n Go" dan berapa nilai kerugian setakat ini yang dihadapi melalui kaedah "Kad Touch n Go".

JAWAPAN DILULUSKAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai pendapatan yang diperolehi Kerajaan daripada syarikat-syarikat konsesi tol bagi tahun taksiran 2007 hingga 2010 adalah sebanyak RM197 juta. Pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun	**Kutipan Cukai Pendapatan (RM)**
2007	46,320,220
2008	56,804,203
2009	55,099,628
2010	38,727,904
Jumlah	196,951,955

Berhubung isu penipuan "Kad Touch n Go" pula, dalam usaha untuk memastikan keselamatan operasi wang elektronik termasuk proses tambah nilai, pengeluar-pengeluar wang elektronik yang mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjalankan operasi pengeluaran wang elektronik di bawah seksyen 25(1), Akta Sistem Pembayaran 2003 perlu mematuhi Garis Panduan Wang Elektronik yang telah dikeluarkan oleh BNM. Garis panduan tersebut adalah bagi memastikan pengurusan kewangan dan risiko serta operasi perniagaan dan sistem pengeluar-pengeluar wang elektronik dijalankan secara selamat dan efisien.

BNM juga sentiasa membuat pemantauan ke atas operasi pengeluar-pengeluar wang elektronik tersebut melalui pemeriksaan berkala bagi memastikan kepatuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan serta keselamatan operasi wang elektronik berada pada tahap yang memuaskan.

Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, BNM mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas pengeluar-pengeluar wang elektronik di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003. Walau bagaimanapun, tindakan hanya akan diambil selepas kajian yang menyeluruh dilakukan ke atas ketidakpatuhan tersebut dan jenis tindakan yang diambil adalah bergantung kepada tahap ketidakpatuhan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

TARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan bagi menangani masalah pekerja tempatan yang di diskriminasi di sektor perkilangan termasuklah gaji yang rendah, tidak memberikan faedah persaraan dan sebagainya serta lebih mengutamakan untuk mendapatkan pekerja asing daripada pekerja tempatan.

PR-1242-L44174

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat telah memberi kesan kepada setiap golongan rakyat di negara ini untuk meningkatkan mutu dan taraf hidup mereka. Faktor peningkatan taraf pendidikan menyebabkan golongan belia negara ini memilih pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan yang dimiliki. Oleh itu,

sektor utama seperti perkilangan yang terlibat dengan 3D *{Dirty, Dangerous, Difficult)* turut mengalami kesan kekurangan gunatenaga dan menyebabkan majikan beralih untuk menggaji pekerja asing bagi mengisi kekosongan tersebut.

2. Penggajian pekerja asing adalah sebagai langkah sementara *(temporary measures)* untuk menampung kekosongan jawatan yang tidak dapat dipenuhi oleh pekerja tempatan dan kerajaan membenarkan para pengusaha menggaji pekerja asing. Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan mengenai kemasukan pekerja asing ke negara ini adalah jelas, di mana pengusaha harus memberi keutamaan penggajian kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.

3. Isu berkaitan diskriminasi termasuk penawaran upah yang rendah, tidak memberi faedah persaraan dan majikan lebih mengutamakan pengambilan pekerja asing berbanding pekerja tempatan turut timbul dan menjadi isu utama diperbincangkan. Pihak Kementerian sentiasa menitikberatkan isu ini dan mengambil langkah dengan mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan majikan terutamanya di sektor perkilangan bagi menasihati mereka untuk menawarkan kadar upah yang lebih berpatutan seiring dengan kos sara hidup semasa yang semakin tinggi. Sekiranya majikan didapati menawarkan upah yang rendah sebagai contoh di bawah kadar RM.500, maka majikan adalah dinasihati untuk menaikkan kadar upah yang ditawarkan sekurang-kurangnya kepada kadar yang lebih munasabah iaitu disekitar RM 600 sehingga RM750.

4. Sekiranya majikan enggan dan setelah dinasihati dan masih mengemukakan permohonan bagi mendapatkan pekerja asing, maka permohonan mereka tidak akan dipertimbangkan. Jika dibenarkan, dikhuatiri majikan akan terus menawarkan kadar upah yang rendah terutamanya kepada pekerja tempatan. Keadaan ini akan menyebabkan pekerja tempatan semakin tidak berminat untuk bekerja di sektor perkilangan dan beralih untuk bekerja di sektor lain yang menawarkan upah yang lebih tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

5. Sejak tahun 2009, sebahagian daripada syarikat disektor perkilangan yang membuat permohonan pekerja asing, setelah dinasihati oleh pihak kementerian, 43 syarikat telah menaikkan kadar upah bagi jawatan asas (operator) sebagai langkah menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Anggaran kenaikan kadar upah bagi 43 syarikat ialah seperti berikut:

a) 8 **syarikat** telah menaikkan upah pokok kepada RM700 **hingga** RM800,

b) 28 **syarikat** telah menaikkan upah pokok kepada RM500 **hingga** RM650 **tetapi kurang daripada** RM700,

c) **6 syarikat** telah menaikkan upah pokok kurang daripada RM500; dan

d) terdapat 1 syarikat yang telah membuat kenaikan upah secara berperingkat sehingga **RM650** mulai Januari 2010 yang lalu.

6. Disamping itu, syarikat-syarikat yang terlibat ini juga telah diminta untuk mengemukakan pelan perancangan sumber manusia bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Menaikkan elaun serta memperkenalkan skim/insentif baru sebagai usaha untuk menarik pekerja tempatan dan mengekalkan pekerja yang sedia ada.

ii. Menukar proses pengeluaran daripada manual kepada automasi dan mempertingkat serta menambahbaik proses automasi yang sedia ada di syarikat.

iii. Bagi mengekalkan kualiti dan produktiviti selaras dengan pelaksanaan automasi, syarikat akan memperkenalkan dan melaksanakan skim latihan bagi meningkatkan tahap kecekapan dan melahirkan pekerja yang mempunyai kepakaran seterusnya menjadi aset penting kepada syarikat.

iv. Mengadakan polisi pembangunan pekerja dengan menyediakan latihan dan peluang pembangunan kepada pekerja sebagai contoh memberi bantuan pendidikan kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran (Diploma, Ijazah, Sarjana atau *Doctorate)* secara sambilan.

7. Antara langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah diskriminasi pekerja tempatan adalah seperti berikut:

i) KSM telah pun memperkenalkan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti atau *Productivity Linked Wages System* (PLWS). Garis Panduan mengenai sistem upah ini telah dipersetujui oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan *(National Labour Advisory Council)* pada 1 Ogos 1996. Sistem ini bertujuan untuk mewujudkan kaitan yang lebih rapat di antara upah dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing syarikat dan negara di samping menyumbang kepada peningkatan upah dan kualiti hidup pekerja.

ii) Langkah mewajibkan majikan mendaftar kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* adalah merupakan langkah bagi memastikan majikan mengutamakan pengambilan pekerja tempatan dan berusaha untuk menggajikan pekerja tempatan sebelum dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Majikan perlu mengiklan kekosongan jawatan dalam portal ini dan sekiranya didapati tiada pekerja tempatan yang berminat, barulah sokongan untuk menggajikan pekerja asing dikeluarkan kepada majikan.

iii. Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal Akta Majlis

Konsultasi Gaji Negara. Majlis ini akan berfungsi untuk mencadangkan kepada Kerajaan kadar gaji minimum dan mekanisma pelaksanaannya untuk semua sektor pekerjaan bagi menangani isu gaji rendah.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Mengenai faedah persaraan, perkara ini adalah bergantung kepada budi bicara syarikat. Pihak kementerian menggalakkan majikan memberikan faedah-faedah lain yang lebih baik untuk menarik pekerja tempatan bekerja dengan mereka. Kerajaan akan terus komited bagi menangani masalah pekerja tempatan yang didiskriminasi di sektor perkilangan.

NO. AUM : 06

NO. AUP : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**LISAN**
DARIPADA	**DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3872**

SOALAN:

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa mengapi-apikan semangat perkauman yang ditiupkan oleh Akhbar Utusan dan sesetengan NGO adalah bertentangan dengan syariat Islam, selain dari membahayakan kepada keselamatan dan keharmonian negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sentiasa bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil sebarang tindakan di sisi undang-undang untuk membendung dan seterusnya membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak yang membangkitkan isu-isu sensitif perkauman sehingga boleh mengundang ketegangan kaum di negara ini.

Tindakan ini termasuk kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dalam penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui surat khabar, majalah, internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS). Dalam hubungan ini, pihak Kementerian sentiasa memantau isi kandungan berita yang dikeluarkan oleh akhbar-akhbar tempatan serta kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak tanpa ada pengecualian.

Namun demikian, tindakan hanya akan diambil sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut benar-benar melanggar undang-

undang dan mampu menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam. Pada masa yang sama, meskipun wujud tanggapan awam bahawa kecenderungan untuk memprovokasi isu-isu sensitif dilakukan oleh seseorang individu dalam sesuatu kes, perkara tersebut hanyalah tanggapan atau persepsi umum terhadap sesuatu isu. Setiap siasatan oleh pihak Polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang. Sekiranya didapati kes berkenaan tidak memenuhi kehendak undang-undang, maka pendakwaan tidak boleh dibuat terhadap individu atau kumpulan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA		DATO' SERI TIONGKING SING [BINTULU]
TARIKH		16 JUN 2011
SOALAN		

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

a. apakah perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1 Malaysia yang telah diperkenalkan dapat menjamin ubat-ubat yang diminta akan

dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman seperti rumah panjang terletakjauh dari bandar terutamanya di Bintulu dan

SOALAN NO: 45

b. adakah pihak Kementerian akan mencari jalan merendahkan kos penghantaran bagi Sabah dan Sarawak yang kini dikenakan RM8.00 berbanding Semenanjung yang hanya RM5.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1 Malaysia (UMP1M) merupakan satu usahasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Pos Malaysia Berhad.

Melalui perkhidmatan ini, bekalan ubat susulan pesakit akan dihantar menggunakan perkhidmatan kurier PosLaju dari fasiliti kerajaan ke rumah, pejabat atau mana-mana destinasi pilihan pesakit yang diliputi oleh perkhidmatan PosLaju termasuklah kawasan Bintulu.

Walau bagaimanapun bagi kawasan-kawasan pedalaman yang berada di luar kawasan serahan PosLaju, KKM sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan kiriman ubat melalui pos ini dapat digunakan oleh semua pesakit.

Sejajar dengan itu, pihak KKM telah mengadakan perbincangan dengan wakil Pos Malaysia bagi tujuan memperluaskan kawasan penghantaran PosLaju untuk membolehkan ubat pesakit dihantar ke kawasan- kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan kos penghantaran ubat, caj kiriman di dalam Sabah/ Sarawak adalah RM5.00 iaitu sama seperti caj penghantaran di Semenanjung Malaysia.

Caj RM8.00 adalah hanya bagi penghantaran ubat di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak

Soalan No: 45

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **YB DATUK AARON AGO**
ANAK DAGANG (KANOWIT)

TARIKH **16.06.2011**

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada Kerajaan dapat menolong rakyat miskin luar bandar seperti di rumah-rumah panjang di Sarawak supaya mereka ini diberi peruntukan khas atau geran dalam lingkungan RM 5 ribu RM 10 ribu, untuk baikpulih rumah-rumah mereka kepada tahap yang lebih lengkap dan selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya di bawah pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR), terdapat bantuan untuk membaik pulih rumah keluarga-keluarga miskin dan miskin tegar termasuklah bagi mereka yang menghuni di rumah- rumah panjang di Sarawak. Kadar bantuan semasa bagi kerja-kerja membaik pulih rumah-rumah ini pada kadar maksimum sebanyak RM12,000 seunit di negeri Sarawak.

Bagi tahun 2011, sejumlah 27 rumah panjang membabitkan 83 keluarga akan dibaiki di kawasan Kanowit dengan kos sebanyak RM0.99juta.

SOALAN (46)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU I

SOALAN

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU I mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN kerajaan TEMPATAN** menyatdkan adakah Kerajaan bercadang dengan secepat mungkin untuk mewajibkan setiap projek perumahan merangkumi nisbah yang sewajarnya, jenis rumah yang berharga sederhana dan berharga rendah demi kepentingan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan nisbah pembinaan perumahan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri mengikut keperluan masing-masing.

Pada umumnya, nisbah yang ditetapkan oleh Kerajaan- Kerajaan Negeri khususnya dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah berbeza-beza.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDIN [REMBAU]

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Khairy Jamaludin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu masalah kenaikan kos yang tidak tertanggung oleh para pengusaha bas sehingga ada yang terpaksa menamatkan operasi laluan mereka, bukan sahaja di kawasan laluan luar bandar tetapi juga bandar dan pengantara bandar.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengenai pasti dan menganalisa beberapa faktor dan punca yang menyumbang

kepada penamatan operasi perkhidmatan bas di kawasan bandar dan luar bandar dan apabila analisa yang sedang dijalankan lengkap, SPAD akan merangka beberapa langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang supaya perkhidmatan pengangkutan awam diluar bandar tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE (SETIAWANGSA)
TARIKH	16.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kepentingan Malaysia untuk menduduki kerusi Jawatankuasa Warisan Dunia (WHC) khususnya untuk memainkan peranan yang efektif sebagai anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Peranan aktif Malaysia dalam UNESCO telah mendapat pengiktirafan peringkat dunia. Ini dapat dibuktikan dengan menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO sebanyak enam kali iaitu bagi tempoh 1978-1981, 1982-1985, 1988-1991, 1994-1997, 2000-2003 dan 2007-2011.

Untuk makluman, Lembaga Eksekutif UNESCO, dianggotai oleh 58 orang ahli adalah merupakan badan kedua tertinggi selepas Persidangan Agung yang bertanggungjawab menggubal dasar UNESCO, menentukan hala tuju badan tersebut, menangani cabaran dalam semua bidang kompetensi, dan mengawasi pelaksanaan semua program dan aktiviti UNESCO. Semenjak menyertai UNESCO, keahlian Malaysia dalam Lembaga Eksekutif, Organisasi Subsidiari dan Jawatankuasa UNESCO dalam pelbagai bidang kompetensi dilihat memberi

impak yang besar kepada negara di arena antarabangsa dalam konteks seperti berikut:

i. Malaysia akan mempunyai *platform* yang kukuh untuk mempengaruhi penggubalan dan pelaksanaan dasar serta aktiviti UNESCO dengan lebih berkesan;
ii. Malaysia akan berpeluang untuk memberi sumbangan serta merumus langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan perjalanan Lembaga Eksekutif, Organisasi Subsidiari dan Jawatankuasa UNESCO secara langsung;
iii. Hasrat untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia akan dapat direalisasikan menerusi penyertaan dan perkongsian ilmu dan kepakaran di pelbagai peringkat di forum-forum antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia telah menawarkan Pelan Induk Perancangan Pendidikan (PIPP) 2006 - 2010 sebagai asas sistem pendidikan negara yang menyeluruh untuk dikongsi di arena pendidikan antarabangsa; dan
iv. Malaysia akan berpeluang untuk memastikan program dan aktiviti yang dirancang di peringkat UNESCO akan mengambil kira kepentingan/keutamaan negara secara khusus dan kepentingan rantau Asia-Pasifik secara menyeluruh. Dalam tempoh Malaysia menduduki kerusi Lembaga Eksekutif terdahulu, pelbagai institusi dan organisasi di negara ini telah berjaya menerima manfaat menerusi pelbagai program/aktiviti UNESCO yang dilaksanakan di dalam negara atau di rantau ini.

World Heritage Committee (WHC) merupakan sebuah jawatankuasa yang paling berprestij di peringkat UNESCO dalam memberi pengiktirafan tapak warisan dunia dan Malaysia merupakan anggota kepada badan ini sejak tahun 1972. Namun, Malaysia belum pernah bertanding sejak menandatangani Konvensyen berkenaan pada tahun 1972 dan sekiranya Malaysia berpeluang mempunyai kerusi dalam *World Heritage Committee* (WHC), ini merupakan kelebihan yang

sangat bermakna dan berkepentingan besar kepada negara. Sekiranya menganggotai kerusi ini juga, secara langsung akan meningkatkan visibiliti Malaysia dalam platform penting di dunia serta membuka peluang kepada Malaysia untuk menyenaraikan lebih banyak warisan negara sebagai Tapak Warisan Dunia pada masa akan datang.

Rjm 34

SOALAN NO: 49

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PERTANYAAN	LISAN
TARIKH		Dato' Rashid bin Din [Merbok] 16 Jun 2011 (Khamis)
SOALAN		Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah kerugian akibat penyeludupan/penyelewengan minyak diesel/petrol nelayan bersubsidi, mengikut negeri dari tahun 2008 sehingga Julai 2010 dan berapakah jumlah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang terlibat dalam kes-kes tersebut.
JAWAPAN		Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), sebanyak 10 kes yang melibatkan diesel subsidi nelayan bagi tahun 2008 hingga 2010 dengan jumlah sitaan sebanyak 52,165.50 liter bernilai RM76,668.83. Daripada 10 kes tersebut, 5 kes tangkapan adalah di Langkawi, 2 kes di Perlis dan 3 kes di Kelantan. Sebanyak 3 kes telah selesai dengan jumlah denda dikenakan sebanyak RM11,500 manakala 7 kes lagi masih dalam siasatan pihak KPDNKK.

Pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) turut berjaya membuat 40 tangkapan dari tahun 2008 hingga Julai 2010 yang melibatkan

kesalahan menyeludup diesel dan petrol serta tiada permit untuk membawa diesel dan petrol. Pada tahun 2010, sebanyak 135,225 liter diesel dan 30,995 liter petrol yang berjumlah RM256.858.75 telah dirampas.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjalankan penguatkuasaan secara pentadbiran sahaja. LKIM bertanggungjawab menyenarai hitamkan pemilik Kad eDiesel yang didapati terlibat dengan kes tangkapan oleh APMM. Sehingga kini, 288 buah kad daripada 17,242 buah kad pintar eDiesel telah disenarai hitam. Dengan ini, pemilik kad

tersebut tidak dapat membeli diesel bersubsidi lagi dari pusat jualan diesel bersubsidi.

NO SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARI PAD A	**:**	**YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**
TARIKH	**:**	**16.06.2011 (KHAMIS)**

$OALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa Kerajaan tidak ntembantah siasatan Majistret Perancis mengenai pembelian Kapal Slelam Scorpene sebagai gangguan luaran mencemar imoj negara.

JAWAPAN:

!

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, siasatan mengenai pembelian Kapal Selam Soorpene masih lagi dalam siasatan Majistret Perancis; Oleh yang demikian, pihak Kerajaan mengambil pendirian untuk tidak rhencampuri sebarang urusan perundangan daiaman Kerajaan Perancis demi menjaga hubungan baik di antara Kerajaan Malaysia cjan Perancis.

NO. AUM : 20 ^

NO. AUP : (T/

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOK SENA]

TARIKH 16 JUN 2011

RUJUKAN 3694

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DA LAM NEGERI menyatakan

(a) jumlah notis saman ekor yang masih terdapat dalam senarai PDRM dan nyatakan juga jumlah pemilik kenderaan dan pemegang lesen pemandu yang terlibat serta berapakah kes yang dalam pertimbangan mahkamah; dan

(b) bilakah Kerajaan akan menghapuskan senarai notis saman ekor tersebut dari rekod PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Borang Notis POL 170A ini, dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berdaftar menurut Seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987, adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai identiti dan alamat pemandu yang telah dikesan secara menggunakan kamera perakam elektronik, melakukan sesuatu kesalahan trafik yang kebiasaannya berkaitan had laju. Sehingga 31 Mei 2011, terdapat sebanyak **12,048,599** jumlah Notis Saman POL 170A masih dalam senarai Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan jumlah ini melibatkan 6,164,567 pemilik kenderaan atau pemegang lesen memandu. Dalam masa yang sama, sejumlah 365,380 Notis POL 170A yang tidak mendapat respon daripada pemilik kenderaan dalam masa yang ditetapkan telah diisu menjadi Saman POL 257 berdasarkan Seksyen 53 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 untuk dibawa ke mahkamah. Oleh kerana tindakan ini adalah berlandaskan undang-undang, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan senarai Notis Saman POL 170A ini.

NO. SO

ALAN: <u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)

TARIKH 16 JUN 2011

SOALAN

Y.B TUAN KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR) minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan berkenaan ‘backlog’ bagi kes-kes di Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan setakat 30.4.2011.

JAWAPAN: **YB PATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kajian Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah Bil. 3/2008, 'backlog' atau kes tertunggak adalah kes-kes yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2007 dan belum diselesaikan atau dilupuskan.

Pada setakat tarikh 30 April 2011,

a) jumlah kes tertunggak di Mahkamah Majistret adalah sebanyak 160 kes,
b) di Mahkamah Sesyen sebanyak 451 kes,
c) di Mahkamah Tinggi sebanyak 2179 kes,
d) di Mahkamah Rayuan sebanyak 108 kes dan
e) tiada kes tertunggak di Mahkamah Persekutuan.

Pecahan kes mengikut kategori dan mahkamah adalah seperti di Lam pi ran A.

Sekian. Terima kasih.

LAMPIRAN A

JUMLAH 'BACKLOG[5] KES-KES DI MAHKAMAH RENDAH, MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH RAYUAN DAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN SETAKAT 30 APRIL 2011.

BIL.	MAHKAMAH	JENAYAH	SIVIL	JUMLAH
1	MAJISTRET	144	16	160
2	SESYEN	150	301	451
3	TINGGI	37	2142	2179
4	RAYUAN	32	76	108
5	PERSEKUTUAN	-	-	-

NO:53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Tuan Wong Ho Leng [Sibu]**

TARIKH **16 Jun 2011 (Khamis)**

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyak peruntukan pengangkutan awam di pentadbiran bekas **53** yang telah disediakan untuk meningkatkan sistem Sarawak berikutan penjimatan dari subsidi minyak semasa Perdana Menteri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak mempunyai peruntukan khusus untuk negeri Sarawak. Namun demikian, sebarang permohonan boleh dikemukakan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam (JKKMPA) yang mempunyai baki dana sebanyak RM 216 juta. Dana ini adalah terbuka kepada semua negeri khususnya permohonan untuk menaiktarafkan sistem pengangkutan awam di negeri masing-masing.

SOALAN NO:54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PAD A : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 16 JUN 2011

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penyiasatan kematian Ahmad Sarbani Mohamed yang jatuh dari bangunan SPRM dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan keyakinan awam terhadap institusi tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan kes kematian bekas Penolong Pengarah Kastam, Allayarham Ahmad Sarbaini dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan mendapat kerjasama sepenuhnya dari SPRM. Pihak PDRM telah mengemukakan hasil siasatan berhubung kes ini kepada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) di mana pihak AGC bersetuju supaya satu inkues diadakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, selepas insiden kematian Allahyarham Ahmad Sarbaini yang berlaku di perkarangan bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua orang pegawai SPRM telah ditahan kerja untuk tujuan siasatan kerana dikatakan melakukan pelanggaran ingkar perintah berhubung dengan pengendalian saksi atau pelanggan di premis SPRM di mana pegawai-pegawai tersebut dikatakan gagal berada bersama saksi/pelanggan sepanjang masa ketika saksi/pelanggan berada dalam premis SPRM. Proses tahan kerja ini adalah bagi membantu melicinkan penyiasatan dalaman berhubung perkara ini dan tindakan tahan kerja ini juga adalah sehingga siasatan dalaman selesai dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, SPRM telah mengeluarkan arahan dari segi aspek keselamatan dan disiplin yang menekankan langkah-langkah keselamatan yang maksimum ke atas semua individu yang berurusan dengan SPRM terutamanya melibatkan orang yang kena tuduh, orang yang disyaki, saksi atau pengadu, termasuklah keselamatan dalam pejabat dan pegawai SPRM sendiri. Semua urusan dengan mereka diselesaikan di aras bawah bagi pejabat-pejabat milik SPRM. Manakala bagi pejabat SPRM yang tidak mempunyai aras bawah (contohnya pejabat SPRM yang disewa yang terletak di bangunan bukan milik SPRM atau bangunan gunasama), semua orang yang berurusan dengan SPRM

diawasi sepanjang masa oleh pegawai SPRM.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM

NO. AUP : rr

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3695**

SOALAN:

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang tegas dan cepat boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menyentuh perkara-perkara sensitif, termaktub dalam Perlembagaan kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Jerantut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang menyentuh perkara-perkara sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan kita sehingga menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

NO. AUM

NO. AUP :S^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3696**

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor-faktor yang mendorong penyambungan kontrak Ketua Polis Negara baru-baru ini dan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik Timbalan Ketua Polis Negara kini.

JAWAPAN:

Tuan yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Kubang Kerian yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, jawatan Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara adalah merupakan jawatan yang ditetapkan sebagai Jawatan Khas di bawah Perkara 140(4) dan 140(5) Perlembagaan Persekutuan, yang mana lantikan ke jawatan ini adalah tertakluk kepada perkenan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Y.A.B Perdana Menteri atas perakuan Suruhanjaya Pasukan Polis yang dipengerusikan oleh Y.B Menteri Dalam Negeri.

Pelantikan semula secara kontrak selepas bersara Tan Sri Ismail bin Haji Omar sebagai Ketua Polis Negara untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa mulai 17 Mei 2011 adalah dibuat memandangkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Polis Negara baru sahaja lapan (8) bulan dan tempoh ini adalah terlalu singkat. Keadaan tersebut mengekang Tan Sri Ismail untuk melaksanakan pelan pembaharuan dan perancangan strategik secara lebih menyeluruh dalam usaha memperkasakan organisasi PDRM. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang sama beliau telah berjaya menunjukkan komitmen, kesungguhan dan keprihatinan yang tinggi dalam melaksanakan bidang tugas dan tanggungjawab beliau. Kesungguhan beliau boleh dilihat dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan pendekatan baru yang terbukti

memberi impak positif kepada gerak kerja serta corak pentadbiran warga PDRM contohnya seperti memperkenalkan sistem 4P iaitu Pelindung, Proaktif, Penumpuan dan Prestasi untuk dijadikan amalan teras di kalangan pegawai dan anggota PDRM semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Pelantikan Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar sebagai Timbalan Ketua Polis Negara yang baru berkuat kuasa 15 April 2011 yang lalu dibuat atas dasar integriti, kredibiliti dan daya kepimpinan Dato' Sri Khalid serta pengalaman beliau yang luas terutamanya dalam bidang kepolisan. Beliau baru berumur 54 tahun dan merupakan seorang pegawai kanan polis yang berwibawa dan mampu untuk bersama-sama dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail dalam memimpin dan menerajui Pasukan PDRM.

Soalan No : 57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO**
	(HULU RAJANG)
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah kenaikan pangkat baru pegawai-pegawai dalam Kementerian yang dicadangkan baru-baru ini serta berapa banyak dana yang diperuntukkan bagi tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada sambutan Hari Guru yang telah diadakan pada 16 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa sebanyak 1,228 jawatan Pengetua Sekolah Menengah Gred DG48 dinaikkan ke Gred DG52, manakala sebanyak 6,585 jawatan Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum Sekolah Menengah Gred DG44 dinaikkan ke Gred DG48 dan seterusnya sebanyak 99 jawatan GPK Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum Sekolah Rendah (Kluster) Gred DGA32 dinaikkan ke Gred DGA34. Kementerian menjangkakan sebanyak RM132.25 juta diperlukan terhadap perubahan kenaikan pangkat tersebut.

Rjm 35

NO. AUM *.26W* NO.

AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

[SETIAWANGSA]

TARIKH : 16JUN2011

RUJUKAN 3697

SOALAN:

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keberkesanan semasa Kementerian di dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin terutama di kawasan kota memandangkan jumlah mereka semakin bertambah dan mendatangkan ancaman kepada keamanan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Setiawangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) khususnya di kawasan kota, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Operasi-operasi ini sama ada dilaksanakan oleh JIM sendiri atau secara bersepadu.

Kebanjiran warganegara asing menimbulkan persepsi umum seolah- olah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menyekat dan mencegah kemasukan warganegara asing tidak berkesan. Keadaan sempadan negara yang luas menghadkan keberkesanan tindakan tersebut.

Adalah mustahil untuk mencegah kemasukan warganegara asing sama sekali.

Kerajaan sentiasa bertindak proaktif dalam merangka pelbagai strategi yang lebih berkesan dalam menangani isu ini. Berbagai usaha bersama seperti sesi percambahan fikiran dan perbincangan juga diadakan untuk menjana langkah-langkah penyelesaian yang inovatif. Antaranya adalah, inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing iaitu *National Enforcement and Registration (Biometric) System* (NERS) atau Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran (Biometrik) Warga Asing di pintu-pintu masuk di seluruh negara yang telah dilaksanakan pada 1 Jun 2011. Melalui sistem ini, Kerajaan telah mempertingkatkan kaedah penyaringan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warganegara asing yang masuk, berada dan berlepas dari Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas PATI di kota adalah tidak terhad kepada peranan Jabatan Imigresen sahaja tetapi sebaliknya melibatkan pelbagai usaha pencegahan secara bersepadu oleh agensi-agensi seperti pihak Polis Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Namun begitu, usaha-usaha berterusan dan gigih terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi memastikan bahawa kesejahteraan rakyat negara ini tidak dimudaratkan oleh kemasukan warganegara asing. Semua rakyat Malaysia juga perlu turut serta dalam membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka dengan menyewa premis atau harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Selagi rakyat Malaysia sendiri bersekongkol dengan PATI, adalah sukar bagi agensi

penguatkuasaan mengurangkan atau membanteras PATI dalam negara.

SOALAN NO:^g

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LIS AN

DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH 16 JUN2011 (KHAMJS)

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta PERDANA MENTERI menyatakan

(a) berapakah jumlah anak kapal Malaysia yang telah diculik atau diserang oleh lanun-lanun dan di manakah penculikan dan serangan itu berlaku setiap tahun sejak 2003; dan

(b) mengapakahterdapat penangguhan oleh pihak Pejabat Peguam Negara (AG Chamber) berhubung penyediaan undang-undang kelanunan terutama sekali selepas Malaysia telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kelanunan pada 2009.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZR1I ABDUL AZIZ. MENTER1 DI JABATAN PERDANA MENTER1

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan soalan di perenggan (a), untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, insiden serangan lanun dan pencuiikan yang telah diiaporkan kepada pihak berkuasa penguatkuasaan Malaysia sejak tahun 2003 sehingga kini melibatkan kapal dan anak kapal seperti yang berikut:

(a) MT Penrider - kapal dagang yang membawa 3 orang anak kapal Malaysia dan diserang di Pelabuhan Klang pada tahun 2003;

(b) Nepline Delima- kapal dagang yang membawa 18 orang anak kapal Malaysia dan diserang di Pulau Langkawi pada tahun 2005;

(c) MT Bunga Melati 2 - kapal dagang milik *Malaysian International Shipping Corporation* (MISC) yang membawa 39 orang anak kapal iaitu 29 rakyat Malaysia dan 10 rakyat

Filipina. Kapal dagang ini telah diserang pada 19 Ogos 2008 di luar pantai Yemen di Teluk Aden. Walau bagaimanapun, kapal tersebut dan semua anak kapalnya telah dilepaskan pada 29 September 2008;

(d) MT Bunga Melati 5 - kapal minyak milik MISC yang membawa 41 orang anak kapal iaitu 36 rakyat Malaysia dan 5 rakyat Filipina. Kapal minyak ini telah diserang pada 29 Ogos 2008 di Teluk Aden. Walau bagaimanapun, kapal tersebut dan semua anak kapalnya telah dilepaskan pada 28 September

2008;

(e) Masindra 7 - *tugboat* yang didaftarkan di Malaysia dan membawa 11 orang anak kapal rakyat Indonesia telah diserang di luar pantai Somalia pada 16 Disember 2008. Kapal tersebut dan anak kapalnya telah dilepaskan pada 2 Ogos 2009;

(f) Atlantic 3- *tugboat* yang membawa 2 orang anak kapal Malaysia dan diserang di kawasan sempadan Malaysia- Thailand padatahun 2010; dan

(g) MV Albedo - kapal yang didaftarkan di Malaysia yang membawa 23 orang anak kapal iaitu 7 rakyat Pakistan, 7 rakyat Bangladesh, 6 rakyat Sri Lanka, 2 rakyat India dan 1 rakyat Iran telah diserang pada 26 November 2010 di Lautan Hindi. Kapal tersebut dan anak kapalnya masih ditahan oleh lanun Somalia.

Bagi serangan lanun dan penculikan yang melibatkan bot nelayan, sebanyak 9 kes dilaporkan dan melibatkan 33 orang anak kapal Malaysia dari tahun 2003 sehingga kini. Insiden serangan lanun dan penculikan ini berlaku di Pulau Pangkor, Pulau Perak, Sabak Bernam, Sandakan, Semporna, Desaru dan Tawau.

Walau bagaimanapun, statistik yang diberikan ini tidak termasuk insiden

penahanan oleh pihak berkuasa negara lain seperti Indonesia dan Thailand, dan insiden rompakan *(robbery at sea).*

Berhubung dengan soalan di perenggan (b) pula, tindakan untuk menggubal peruntukan undang-undang khusus berhubung dengan perbuatan pelanunan dan kesalahan yang berkaitan dengannya kini adalah dalam perhatian Majlis Keselamatan Negara dan tidak ditangguhkan.

Isu dasar dan pelaksanaan tertentu perlu diputuskan secara khusus memandangkan tindakan penguatkuasaan terhadap jenayah pelanunan memerlukan Malaysia menuntut bidang kuasa atas kesalahan yang dilakukan di laut lepas *(high seas)* dan menguatkuasakan bidang kuasa jenayah luar wilayah (*extra-territorial criminal jurisdiction)* selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang terpakai.

Rang Undang-Undang khusus mengenai perbuatan pelanunan ini akan dibentangkan di Parlimen setelah dasar dan mekanisme pelaksanaannya dipersetujui dan diluluskan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG

DARIPADA

GELANG PATAH

KAWASAN

16.6.2011 (KHAMIS)

TARIKH NO.

60

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG minta MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah dan bilakah untuk merealisasikan bantuan kewangan kepada wanita kaum Cina yang berminat untuk menceburi dalam bidang perniagaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- **Kerajaan sememangnya sentiasa mengiktiraf serta menghargai peranan dan sumbangan wanita di dalam membangunkan ekonomi negara. Tanggungjawab dan sumbangan wanita akan dipertingkatkan seiring dengan pembangunan ekonomi yang ingin dikecapi Negara.**

- **Prog ram-prog ram yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi khusus untuk usahawan wanita adalah tanpa mengira kaum. Program yang disediakan meliputi bantuan kewangan, program capaian serta pembangunan modal insan dan keusahawanan. MITI melalui SME Bank misalnya, menyediakan pinjaman mudah kepada semua usahawan wanita yang layak tanpa mengira kaum bagi meningkatkan kemampuan dalam perniagaan yang dilaksanakan. Antara program bantuan kewangan lain untuk meningkatkan bilangan usahawan wanita adalah:**

i. **<u>Geran Teman 1Azam</u>**

   - **Bantuan ini yang disediakan oleh Jabatan**

Pembangunan Wanita memberikan geran bantuan sehingga RM5,000 seorang untuk wanita yang berminat memulakan perniagaan.

ii. <u>Program Francais Wanita (PFW)</u>

- **Progam ini dikendalikan oleh Perbadanan Nasional Berhad bertujuan untuk melahirkan usahawan wanita yang kompetitif dan berkeyakinan dalam perniagaan francais melalui pembiayaan modal kerja.**

iii. <u>Skim Pembiavaan Inisiatif</u>

- **Skim ini yang disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia melalui pembiayaan kepada isirumah khususnya golongan wanita untuk membolehkan mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan pendapatan isirumah.**

- **Di samping program bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan, Kerajaan turut melaksanakan program-program capaian *(outreach)* seperti Bengkel Usahawan Wanita dan Bicara Petang bersama Tokoh Usahawan Wanita yang dilaksanakan oleh MITI melalui agensinya, SME Corp. Malaysia serta Program Pembangunan Usahawan Wanita oleh Jabatan Pembangunan Wanita. Program-program capaian ini bertujuan memberikan pendedahan, pengetahuan dan perkongsian amalan terbaik perniagaan untuk meningkatkan operasi perniagaan usahawan wanita.**

- **Manakala dari segi program pembangunan modal insan dan keusahawanan, Kerajaan melalui MITI telah melaksanakan Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP) yang membantu PKS milikan wanita mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menembusi dan meluaskan pasaran eksport. Program Inkubator Keusahawanan Wanita (1-KeuNITA) dan Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (l-KIT) pula yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan**

Wanita menyediakan latihan kemahiran intensif dan bantuan keusahawanan untuk wanita berpendapatan rendah dan ibu tunggal bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri.

NO. AUM : 51

NO. AUP : &

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3700**

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kriteria-kriteria utama dalam pemberian kewarganegaraan atau status kerakyatan dan memberikan statistik kelulusan kewarganegaraan mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan Taraf Kewarganegaraan atau Status Kerakyatan kepada penduduk yang bertaraf ‘Bukan Warganegara’ atau warga asing adalah dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat dan kelayakan sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia dikategorikan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

(i)	P erkara 15(1)	tahun di mana ibu atau bapa bertaraf warganegara Malaysia;
(ii)	P erkara 15(2)	permohonan oleh ibu, bapa atau penjaga yang mempunyai tali persaudaraan dalam suatu keadaan khas bagi seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun;
(iii)	Perkara 15(A)	isteri kepada warganegara; anak yang berusia kurang daripada 21

(iv) Perkara 16 - seseorang yang berumur 18 tahun atau lebih yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka; dan

(v) Perkara 19(1) -- seorang warga asing yang berumur 21 tahun ke atas, jika telah 12 tahun menjadi Penduduk Tetap.

Pemohon dikehendaki mempunyai pengetahuan di dalam Bahasa Melayu serta berkelakuan baik. Dalam konteks ini, pemohon mestilah tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah ataupun mempunyai niat serta kelakuan yang boleh mengancam atau menggugat kedaulatan, keharmonian dan keselamatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon yang telah dianugerahkan Taraf Kewarganegaraan Malaysia daripada tahun 2006 hingga April 2011 adalah sebanyak 34,512 orang.

NO SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]
TARIKH : 1.6 JUN 2011

SOALAN:

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta **MENTERI** menyatakan adakah sebarang usaha Kerajaan untuk memberikan pengiktirafan kepada Universiti di Syria dan apakah kriteria yang telah dipenuhi oleh universiti tersebut.

NO SOALAN : 62

JAWAPAN: **YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan Urus Setia kepada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi dan dianggotai oleh:

i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
ii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
iii. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran;

iv. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;
v. Ketua Pengarah Kesihatan;
vi. Ketua Pengarah Kerja Raya;
vii. Ketua Pengarah Pertanian;
viii. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (Pembangunan);
ix. Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT; dan
x. Naib Canselor IPTA.

NO SOALAN : 62

Sehingga kini, Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan dari universiti di Syria seperti berikut:

Universiti Damascus:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan serta Sains Am.

Prinsip-prinsip utama yang digunakan dalam menilai dan mengiktiraf sesuatu kelayakan ialah:

i. Penilaian dan pengiktirafan ke atas sesuatu kelayakan adalah dikaitkan dengan keperluan dalam perkhidmatan awam;
ii. Nilai taraf yang diberi kepada sesuatu kelayakan akan dirujuk kepada struktur dan skim dalam perkhidmatan awam;
iii. Pengiktirafan kelayakan-kelayakan profesional yang berkaitan dengan amalan diselaraskan antara Kerajaan dengan badan-badan profesional yang berkenaan;
iv. Kelayakan dari luar negara adalah dibanding dengan standard dan

kualiti kelayakan yang serupa daripada institusi pengajian tinggi tempatan;

v. Penilaian dan pengiktirafan tidak berdasarkan kepada institusi tetapi kepada program dan kelayakan yang dikeluarkannya; dan

vi. Keutamaan adalah diberi kepada kelayakan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 16 JUN 2011

SOALAN

TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kedudukan atau kejayaan terkini langkah Kerajaan menyiasat dan mengatasi masalah kebocoran hasil Negara termasuk kes operasi 3B yang melibatkan pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM) yang juga melibatkan imej SPRM apabila salah seorang Pegawai Kanan Kastam mati di bangunan mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan Operasi 3B iaitu berhubung kebocoran hasil negara dengan kerjasama Bank Negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Peguam Negara yang memberikan nasihat daripada segi perundangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM telah menjalankan siasatan ke atas amalan rasuah jabatan yang berkaitan dan sebanyak 63 tangkapan telah dibuat. Memandangkan isu yang dibangkitkan ini masih lagi dalam tindakan siasatan oleh SPRM, adalah sukar untuk menetapkan sesuatu tempoh masa untuk sesuatu siasatan itu dapat dilengkapkan dan diselesaikan. Dalam persoalan yang ditimbulkan ini, SPRM adalah tertakluk pada Seksyen 29 (4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, siasatan kes kematian bekas Penolong Pengarah Kastam, Allahyarham Ahmad Sarbaini dijalankan oleh

pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan mendapat kerjasama sepenuhnya dari SPRM. Pihak PDRM telah mengemukakan hasil siasatan berhubung kes ini kepada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) di mana pihak AGC bersetuju supaya satu inkues diadakan.

Dalam memastikan keselamatan saksi semasa berurusan dengan SPRM, pihak SPRM telah mengetatkan aspek kawalan keselamatan dan disiplin pegawai-pegawai. Keselamatan yang maksimum perlu ditekankan ke atas semua individu yang berurusan dengan SPRM terutamanya melibatkan orang yang kena tuduh, orang yang disyaki, saksi atau pengadu, termasuklah keselamatan dalam pejabat dan pegawai SPRM sendiri. Semua urusan dengan mereka diselesaikan di aras bawah bagi pejabat-pejabat milik SPRM. Manakala bagi pejabat SPRM yang tidak mempunyai aras bawah (contohnya pejabat SPRM yang disewa yang terletak di bangunan bukan milik
SPRM atau bangunan gunasama), semua orang yang berurusan dengan SPRM diawasi sepanjang masa oleh pegawai SPRM.

SPRM telah memperketat arahan berkaitan dan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap keselamatan dan keselesaan pelanggan-pelanggannya termasuk orang yang disyaki, tertuduh, saksi dan

sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 59

NO. AUP : 45 H

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGi JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARI PADA	**:**	**TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]**
TARIKH	**:**	**16 JUN 2011**
RUJUKAN		**3874**

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERi DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kenyataan sekumpulan orang perkauman extremist mengenai "jihad terhadap Kristian" yang begitu menghasut dan seditious.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini keadaan keselamatan negara dalam keadaan terkawal dan rakyat dapat hidup dengan aman dan makmur. Keadaan ini adalah atas usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab dan juga kerjasama daripada rakyat dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Kerajaan sentiasa bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak tanpa mengira latar belakang dan apa cara sekalipun yang cuba menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Berkenaan perkara seperti pertanyaan Yang Berhormat tersebut, Kementerian ingin menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah dalam tindakan Kementerian dan siasatan oleh pihak polis masih berjalan.

NO. AUM : 60

NO. AUP : *(>r*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN **3703**

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan bilangan banduan yang berada di bilik akhir dalam negeri setakat 30.4.2011.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara setakat 30 April 2011 menunjukkan terdapat seramai 744 banduan hukuman mati atau banduan akhirsedang ditahan di penjara kerana berbagai kesalahan.

Hukuman terhadap mereka belum dapat dilaksanakan kerana Jabatan Penjara belum menerima sebarang keputusan atau perintah daripada Lembaga Pengampunan Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
LISAN
DARIPADA
DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] 16 JUN 2011
TARIKH
3875
RUJUKAN

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenai kemungkinan bahawa kekuatan unit penguatkuasaan undang-undang di Sabah diberikan kakitangan yang lebih dan dibekalkan peralatan, kemudahan, dan barang- barang teknologi tinggi. Sebagai contoh, Malaysia Maritime Enforcement Agency, Polis, Operasi Unit Khas, Field Force, dan Iain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah berkompromi dari segi kualiti, nilai dan jenama kelengkapan, peralatan dan gajet keselamatan dalam menjaga keamanan negara. Segala peralatan dan kelengkapan yang berteknologi tinggi khusus untuk keselamatan negara adalah berkualiti dan dijamin keberkesanannya. Keperluan ini telah dibincangkan di peringkat agensi dengan memperincikan spesifikasi yang sesuai dengan keperluan dan penggunaannya. Selain daripada itu, latihan kepada kakitangan dan anggota penguatkuasa undang-undang juga turut diberikan. Ini bagi memastikan semua anggota keselamatan siapsiaga dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara.

No. Soalan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah individu sejak dikuatkuasakan telah melalui Program Perlindungan Saksi melalui Akta Perlindungan Saksi dan adakah mereka ini masih selamat berada di negara ketiga serta berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan mengikut tahap keseriusan kes-kes.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Akta Perlindungan Saksi yang dikuatkuasakan pada 15 April 2010 telah dipertanggungjawabkan kepada Unit Perlindungan Saksi, JPM untuk melaksanakannya. Setakat ini, beberapa operasi perlindungan telah dijalankan berdasarkan kepada permohonan yang diterima dan melibatkan sejumlah kos perbelanjaan kerajaan mengikut tahap dan profil kes yang melibatkan saksi.

Buat masa ini, perbelanjaan kerajaan hanya dalam kos minimum kerana kebanyakan kemudahan diperolehi dengan mendapatkan bantuan agensi lain yang memiliki kemudahan seperti rumah, pusat

latihan dan latihan kepakaran.

Untuk makluman juga, bagi tujuan keselamatan, jumlah individu atau organisasi yang terlibat serta jumlah sebenar perbelanjaan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang. Ini adalah berdasarkan seksyen 17.(1) Akta Perlindungan Saksi 2009 iaitu:

> ’’Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawainya, sama ada dalam tempoh pemegangan jawatannya atau tempoh penggajiannya atau selepas itu, dan mana-mana orang lain yang melalui apa-apa cara

mempunyai akses maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal program, tidak boleh memberikan atau selainnya mendedahkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang."

Bagi peserta program yang berada di luar negara, tiada jaminan keselamatan semasa berada di negara lain kerana akta ini hanya berkuatkuasa di dalam negara. Oleh itu, peserta boleh dinasihatkan agar tidak membuat lawatan ke luar negara semasa berada di dalam program perlindungan.

Sekian, terima kasih.

NO.AUM : 64

NO. AUP : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]
DARIPADA		16 JUN 2011
TARIKH		3704
RUJUKAN LISAN		

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Kerajaan masih membenarkan warga asing dari negara-negara tertentu masuk ke Malaysia, sedangkan mereka sudah dikenal pasti sebagai penjenayah, seperti dalang serta penggiat dalam pengedaran dadah, pelacuran, pengacau dan penipuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak sewenang-wenangnya membenarkan warga asing masuk ke Malaysia tanpa melalui semakan kawalan imigresen dan agensi-agensi penguat kuasa di pintu-pintu masuk negara. Setiap warga asing yang masuk perlu mempunyai dokumen perjalanan yang sah, visa bagi negara-negara yang memerlukannya serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam perundangan dan peraturan Imigresen. Walau bagaimanapun, Kerajaan amat peka akan senario kemasukan warga asing yang berisiko tinggi daripada negara-negara tertentu daripada Timur Tengah, Afrika dan Latin Amerika yang sering dikaitkan dengan aktiviti jenayah seperti dadah, *money laundering,* pelacuran dan aktiviti sosial yang tidak sihat.

Justeru itu, demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan sebagai langkah dalam menangani isu-isu jenayah yang berpunca daripada elemen warga asing di dalam negara, Kerajaan telah mula melaksanakan *National Enforcement and Registration System (Biometric)* (NERS) atau Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran (Biometrik) Warga Asing dan penggunaan teknologi barkod 2-dimensi (2-D *barcode)* ke atas pelekat pas yang dikeluarkan oleh

Jabatan

NO.AUM : 66

Imigresen Malaysia (JIM) bermula pada 1 Jun 2011 di 63 pintu-pintu masuk di seluruh negara. Pelaksanaan ini akan dibuat secara berfasa sehingga kesemua 96 pintu masuk negara dilengkapi dengan sistem NERS bagi tujuan menyokong agenda nasional dalam memantapkan pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan warga asing yang masuk, berada dan berlepas dari Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya warga asing ini didapati menyalahi perundangan dan peraturan negara, maka data biometriknya akan direkodkan dan disimpan di dalam Sistem Pangkalan Data Biometrik Warga Asing secara kekal bagi tujuan semakan kawalan imigresen di pintu-pintu masuk negara. Langkah ini bertujuan untuk membolehkan pihak penguatkuasa menjejak, mengekang dan memantau kemasukan semula mereka sebagai pelawat asing di pintu-pintu masuk negara.

Selain itu, Kementerian juga mempunyai beberapa mekanisme pemantauan yang lain seperti menerusi perkongsian maklumat inteligen domestik dan juga antarabangsa diantara agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Iain-lain bagi menyaring kemasukan pelawat asing yang berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara. Penyaringan ini penting bagi memastikan pelawat asing yang masuk ke Malaysia ini adalah bersih dari rekod imigran yang dilarang.

PEMBERITAHUAN

NO SOALAN U&fr'

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. DATO[1] SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 16/06/2011

SOALAN

Y.B. DATO[1] SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai terkini pengurangan subsidi sejak mula dikuatkuasakan yang mengakibatkan kenaikan harga gula dan bahan bakar, berapakah unjuran purata peningkatan kos sara hidup rakyat setahun berikutan kenaikan tersebut serta apakah langkah kerajaan bagi meringankan impak pengurangan subsidi tersebut terhadap golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.7 bilion atau 14.6% daripada perbelanjaan mengurus bagi jumlah keseluruhan subsidi untuk tahun 2011. Pecahan terperinci perbelanjaan tahunan subsidi mulai tahun 1999 hingga 2011 adalah seperti berikut (*sila lihat Lampiran 1).*

Kenaikan harga komoditi utama dunia termasuk minyak mentah dan minyak sawit mempunyai kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berikutan ia merupakan antara komponen terbesar dalam perbelanjaan subsidi. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengapungkan secara terkawal harga runcit petrol RON97 supaya ia selaras dengan harga minyak mentah di pasaran dunia. Selain itu, untuk mengekalkan harga runcit RON95,

Kerajaan juga terpaksa menambah peruntukan bagi subsidi petroleum, diesel dan LPG sebanyak RM5.6 bilion daripada RM10.3 bilion kepada RM15.9 bilion bagi tahun 2011. Peruntukan bagi subsidi minyak masak di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak juga ditambah sebanyak RM700 juta daripada RM928 juta kepada RM1.6 bilion bagi tahun 2011.

Pada bulan Mei 2011, subsidi gula telah dikurangkan 20 sen yang dijangka memberi penjimatan sebanyak RM117 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih lagi menanggung subsidi gula sebanyak RM283 juta. Selain itu, pemansuhan diesel super subsidi bagi pengangkutan darat tertentu seperti penggerak utama *(prime mover),* kargo am dan teksi limosin serta nelayan laut dalam (zon C2) mulai 1 Jun 2011 dijangka menghasilkan penjimatan sebanyak RM712 juta.

Langkah rasionalisasi subsidi adalah perlu dalam usaha untuk memastikan peruntukan sumber yang lebih cekap, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan serta meringankan beban fiskal Kerajaan. Subsidi ke atas barangan dan perkhidmatan mendorong penggunaan secara berlebihan. Malahan, industri tidak mempunyai dorongan untuk menambah baik dan mempertingkatkan produktiviti memandangkan kos input diberi subsidi. Kesan subsidi yang tidak diingini telah menjurus kepada peruntukan sumber yang tidak optimal, memberi kesan ke atas kecekapan pasaran dan persaingan serta membataskan potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, apabila subsidi tidak menepati kumpulan sasaran, sejumlah besar dana awam tidak dapat disalurkan kepada program yang memberi faedah kepada rakyat. Rasionalisasi subsidi ini akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi.

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu golongan yang mudah terjejas bagi mengurangkan beban kenaikan harga barang. Antara langkah yang diambil termasuk:

Meneruskan pemberian subsidi bagi petrol RON 95, diesel dan LPG serta barangan makanan seperti beras ST15%, gula dan tepung gandum;

Menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, gula dan gas masak. Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM200 juta telah diluluskan di bawah Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel bagi menyeragamkan harga

barangan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia;

Meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sehubungan ini, Kerajaan telah menggubal Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 yang berkuat kuasa pada 1 April 2011. Akta ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan mengekang syarikat atau individu menjual barangan atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran secara melampau;

Memantau bekalan barangan keperluan supaya tidak berlaku kekurangan penawaran yang boleh memberi kesan kepada harga;

- Memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis barang makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi, RM230juta untuk intensif pengeluaran dan peningkatan hasil padi serta RM170 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan;

Memperuntukkan sebanyak RM235 juta bagi meningkatkan pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dan kawasan lain dengan menaik taraf sistem pengairan dan penggunaan benih padi bermutu tinggi;

Mewujudkan portal interaktif "IMalaysia Pengguna Bijak" bagi memudahkan rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barangan, meliputi hampir 7 ribu premis perniagaan seluruh negara;

Melanjutkan galakan potongan cukai pendapatan bagi pelabur dan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama 5 tahun sehingga 2015;

Siling kelayakan untuk golongan kurang upaya dinaikkan daripada pendapatan RM750 sebulan kepada RM1,200 sebulan dan siling pendapatan untuk isi rumah miskin menerima bantuan dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ia tidak menjejaskan kehidupan harian rakyat terutama golongan mudah terjejas.

Lampiran I

Jumlah Perbelanjaan Sebenar Subsidi (RM juta)
1999-2011

Komponen	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 [B]
Gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol	458	3,170	2,881	1,651	1,006	3,343	10,984	7,558	7,473	17,556	6,190	9,605	10,256
Bantuan pendidikan [1]	396	455	635	477	709	921	982	1,018	1,176	8,974	6,698	5,987	6,756
Bantuan kebajikan lain [2]			7	9	11	12	14	12	15	37	1,605	2,376	1,879
Subsidi perbezaan kadar faedah dan elektrik		353	38	795		519	628	522	741	815	1,085	1,367	1,581
Padi, beras, gula dan tepung	519	546	566	531	580	635	626	841	709	1,266	2,138	1,927	1,572
Skim penstabilan harga minyak masak										438		828	928
Insentif[3]									155	1,943	1,091	524	401
Lain-lain [4]	29	300	426	214	374	366	153	161	212	4,137	1,538	493	331
Jumlah	**1,402**	**4,824**	**4,553**	**3,677**	**2,680**	**5,796**	**13,387**	**10,112**	**10,481**	**35,166**	**20,345**	**23,107**	**23,704**

[1] Daripada tahun 2008, biasiswa dan bantuan pelajaran diklasifikasikan di bawah subsidi.
[2]Termasuk bantuan kepada golongan miskin, warga emas, Orang Asli, orang kelainan upaya dan golongan mudah terjejas.
[3] Insentif untuk membantu petani, nelayan dan penternak bagi meningkatkan pengeluaran makanan.
[4]Termasuk rebat tunai dan lain-lain.
[B] Bajet 2011

NO SOALAN:70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR**
TARIKH	**16MEI 2011**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar yang diambil oleh Kerajaan untuk generasi kedua FELDA telah membuahkan hasil yang diharapkan dan akan membolehkan mereka untuk menjadi kumpulan berpendapatan tinggi di masa akan datang.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2005 FELDA menyediakan peruntukan berjumlah RM50 juta setahun untuk melatih generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran. Latihan ini bertujuan melatih Generasi Baru dengan sasaran pengambilan 5,000 orang setiap tahun. Melalui latihan kemahiran Generasi Baru Peneroka mendapat peluang pekerjaan yang sesuai selepas menamatkan latihan. Pelbagai

bidang latihan kemahiran yang berdaya maju disediakan mengikut keperluan semasa. Pada masa ini, tumpuan diberikan dalam bidang latihan kemahiran profesional dan berprofile tinggi yang mempunyai pasaran kerja yang terbuka. Sehingga kini, seramai 42,522 generasi baru telah dilatih dalam pelbagai latihan.

Bagi pelajar cemerlang, FELDA menawarkan Dana Khas Pelajar Cemerlang yang mula diwujudkan sejak tahun 2005. Program ini menawarkan pelajar cemerlang mengikuti pengajian ke universiti - universiti terpilih di luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Ireland, Australia, India dan Czech Republik bagi mengikuti kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan dan sebagainya. Pada masa ini FELDA telahpun menghantar seramai 69 orang pelajar mengikuti pengajian ke luar negara, 14 orang sedang mengikuti pengajian persediaan ke luar negara dan pengambilan terbaru seramai 10 orang. Melalui program ini, FELDA dapat menyediakan golongan profesional di kalangan generasi baru FELDA, di samping menyediakan barisan pelapis dalam organisasi FELDA.

Bagi membolehkan generasi FELDA terlibat dalam bidang keusahawanan, FELDA menyediakan kemudahan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) dengan tujuan membantu generasi FELDA dalam pelbagai bidang keusahawanan seperti ternakan, tanaman, perusahaan, akuakultur, perniagaan dan kraf. Pada masa kini, FELDA mempunyai seramai 36,174 pengusaha yang terdiri daripada peneroka, penerokawati, belia dan beliawanis. Daripada jumlah tersebut, seramai

4,166 pengusaha atau 11 peratus(%) daripadanya merupakan daripada kalangan generasi kedua peneroka. FELDA telah menyediakan program Tunas Mekar yang diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kursus ini diwujudkan bagi melahirkan pengusaha-pengusaha baru yang terdiri daripada graduan anak-anak peneroka. Di samping itu, kursus ini dapat memberi peluang kepada generasi baru khususnya membuka peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan yang akhirnya melahirkan usahawan dari kalangan warga FELDA. Pada tahun 2011, seramai 21 orang telah terpilih menyertai program ini dan sejak dilaksanakan pada tahun 2005, program Tunas Mekar telah berjaya melatih seramai 121 orang graduan menjadi usahawan di tanah rancangan.

oooooooooooooooooo

SOALAN NO:71

PEMBERITAHUAN <u>PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

[TENGGARA]

TARIKH : 16 JUN 2011

SOALAN

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi menangani pelbagai isu dari segi perjawatan dan perkhidmatan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya untuk memastikan mutu kerja yang berkualiti di kalangan kakitangan dan kebebasan SPRM.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Tenggara, berhubung cadangan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah, isu yang dikemukakan ini masih dalam kajian terperinci pihak Kerajaan kerana memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, buat masa kini bagi memastikan SPRM mendapatkan calon-calon pegawai yang profesional dan kompeten, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bersetuju untuk mengadakan mesyuarat setiap bulan bersama SPRM bagi proses pengambilan pegawai-pegawai SPRM berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh SPRM sendiri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
KAWASAN : PARIT
TARIKH : 16.6.2011 (Khamis)
NO. SOALAN : 72

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif di dalam usaha menarik pelaburan antarabangsa ke dalam negara memandangkan negara menghadapi saingan yang hebat dari negara serantau.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif di dalam usaha menarik pelaburan

antarabangsa ke dalam Negara terutama untuk menggalakkan kemasukan pelaburan di dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi. berintensif pengetahuan dan kemahiran.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara. Sebagai contoh, meluluskan lesen pengilang secara automatik kecuali bagi aktiviti-aktiviti sensitif mulai Disember 2008 dan pada April 2009. meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di dalam sektor perkhidmatan;

- Memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;

Memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang diiangka menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;

Menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU bagi memastikan koordinasi yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP;

Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga akan dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;

Penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH);

Memperkenalkan pakei-pakei insentif tambahan untuk pengecualian cukai korporat kepada industri yang strategik dan bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti

sektor sumber tenaga alternatif, ’advanced electronics’, bioteknologi, photonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia;

- Menawarkan galakan insentif tambahan seperti insentif kali kedua kepada svarikat-svarikat vang sedia ada bagi menggalakkan proiek pembesaran dan diversifikasi di Malaysia; dan

- Menjalankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banvak pelaburan tempatan dan asing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. TUANWONG HO LENG (SIBU)**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah yang memerlukan pembaikan segera di Sarawak, berapa telah di belanja untuk pembaikan dalam masa 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua jenis sekolah di seluruh negara. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan

negara secara menyeluruh;
merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keupayaan KPM dalam menyediakan kemudahan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada senarai Sekolah bagi Program Audit Fizikal Bangunan Sekolah-Sekolah di Seluruh Malaysia yang telah dijalankan oleh KPM, jumlah sekolah yang memerlukan pembaikan segera di Sarawak adalah mengikut kategori seperti berikut:

a. **Bangunan Asrama Rosak Teruk adalah berjumlah 61 buah**
b. **Pendawaian Bangunan Asrama Rosak Teruk kadalah berjumlah 48 buah**
c. **Blok Bangunan Rosak Teruk berjumlah 175 buah**
d. **Pendawaian bangunan Rosak Teruk berjumlah 169 buah**
e. **Fizikal Rumah Guru Rosak Teruk berjumlah 316 buah**
f. **Pendawaian Rumah Guru Rosak Teruk berjumlah 184 buah**

Manakala perbelanjaan untuk pembaikan yang telah dilakukan di Sarawak dalam tempoh 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

a. **Sekolah Kerajaan :**

2006 - RM 30,330,308.80
2007 - RM 27,402,784.00
2008- RM 67,098,922.60
2009- RM 64,973,919.40
2010- RM 2,060,181.80
2011 - RM 28,000,000.00

b. **Sekolah Bantuan/Mubaligh/Jenis Kebangsaan Cina:**

2006-RM 1,440,000.00
2007 - RM 3,900,000.00
2008- RM 13,970,000.00
2009- RM 53,729,381.90
2010- RM 2,740,000.00
2011 - RM

24,229,486.00

NO. AUM : 72

Rjm 36

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3706**

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendekatan operasi mengesan pesalah trafik/"road block" yang sah dan hukumannya jika perlanggaran oleh pegawai PDRM. Nyatakan saluran orang ramai untuk melapor perlanggaran pematuhannya oleh pegawai PDRM ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan. **NO. AUM : 74**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa diberi kefahaman dan latihan yang cukup dalam melaksanakan tugas serta tanggung jawab mereka. Semua tindakan penguatkuasaan oleh pegawai dan anggota PDRM adalah berpaksikan kepada undang-undang dan Perintah-Perintah Tetap Ketua Polis Negara atau mana-mana arahan yang dibuat di bawahnya yang tidak bercanggah dengan undang-undang. Pematuhan ini termasuklah dalam melaksanakan operasi untuk mengesan pesalah trafik dan mengadakan sekatan jalan raya (*roadblock).*

Sebagai pengguna jalan raya, pegawai-pegawai PDRM juga tidak terlepas dari tindakan saman akibat gagal mematuhi peraturan lalu lintas terutamanya melalui Notis Saman POL 170A, iaitu kesalahan yang dirakam melalui kamera digital automasi PDRM. Walau bagaimanapun, ada juga kesalahan-kesalahan mereka dikecualikan dari tindakan undang-undang. Setelah siasatan dijalankan, didapati bahawa saman-saman yang dikeluarkan berlaku ketika pegawai-pegawai polis berkenaan sedang menjalankan urusan rasmi yang memerlukan mereka memandu melebihi had laju untuk bergegas ke tempat kejadian, mengiringi ketua negara asing dan tetamu negara dan menuju ke tempat tugas rasmi yang perlu disegerakan untuk

menepati *response time* yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Orang ramai boleh melaporkan pelanggaran pematuhan undang-undang oleh pegawai PDRM ini sama ada terus membuat laporan lengkap di mana-mana balai polis atau menulis surat rasmi kepada Ketua Polis Daerah beserta bukti-bukti dan saksi bagi melengkapkan siasatan.

SOALAN NO: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)**
TARIKH	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

(a) Bilangan kapal karam yang dapat dikenalpastikan dalam perairan Malaysia, adakah cadangan untuk menjalankan kerja (salvage)atau menyelamatkan kapal-kapal karam ini: dan

(b) Anggaran nilai harta purba yang akan diperolehi dari kapal-kapal karam ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sehingga kini, bilangan kapal karam yang telah dikenalpasti dan direkodkan di Malaysia adalah sebanyak 75 buah. Angka ini tidak menunjukkan angka sebenar kerana tiap-tiap tahun banyak laporan terhadap penemuan baru kapal karam di Malaysia yang tidak termasuk di dalam rekod tersebut. Namun begitu, lokasi sebenar sebahagian besar kapal karam tersebut amat sukar untuk diketahui

kerana memerlukan teknologi serta peralatan yang canggih. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa mengemaskini data inventori jumpaan kapal karam kerana ia merupakan warisan kebudayaan di bawah air yang tidak ternilai harganya. Harus diketahui bahawa melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), mana-mana pihak yang menjalankan kerja-kerja pencarian kapal karam tanpa kebenaran telah melakukan kesalahan.

b) Sebagai makluman, amat sukar untuk menilai dan menentukan anggaran nilai sebenar khazanah warisan kebudayaan di bawah ini kerana jumpaan artifak ini tidak dinilai dari segi komersialnya tetapi lebih kepada nilai sejarahnya. Akan tetapi rekod kapal karam sedia ada menunjukkan terdapat kapal-kapal dagangan yang karam di perairan Malaysia ini membawa barang dagangan dan harta rampasan. Namun begitu, segala maklumat dan rekod jumpaan artifak dan kapal karam di perairan Malaysia adalah sulit kerana pengetahuannya boleh mengundang keghairahan menjarah khazanah warisan dan sejarah kebudayaan bawah air negara yang tidak ternilai harganya dan jika terlepas kepada orang yang tidak bertanggungjawab terhadap perlindungan harta warisan ini, maka akan musnah dan pupuslah sejarah maritim negara.

No. Soalan : PR-1242-L43710

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
SOALAN	**Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dalam menerangkan agenda negara di bawah Program Transformasi Negara (GTP) dan 1 Malaysia di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Libaran di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa memastikan segala maklumat mengenai agenda nasional seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta Gagasan 1 Malaysia diedarkan kepada semua Perwakilan Malaysia di luar negeri.

3. Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan maklumat berkenaan GTP, Gagasan 1 Malaysia serta agenda nasional yang lain di negara penempatan masing-masing. Perkongsian maklumat ini dilakukan semasa pertemuan mereka dengan pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta komuniti perdagangan. Maklumat-maklumat ini turut ditekankan di dalam ucapan-ucapan Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di majlis-majlis yang diadakan di luar negara. Maklumat ini turut dikongsi bersama dengan rakyat Malaysia melalui pelbagai aktiviti di bawah Program Mendampingi Rakyat Malaysia (PMRM).

4. Kementerian Luar Negeri bersama semua Perwakilan Malaysia di luar negeri akan terus memastikan agar segala agenda dan matlamat kerajaan disampaikan kepada komuniti antarabangsa bagi memastikan ianya difahami oleh masyarakat dunia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :

77 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH : 16JUN2011

SOALAN:

TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah kakitangan atau penjawat awam mengikut Kementerian dan jumlah gaji termasuk elaun dan emolumen sebenar yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan pada tahun ini serta tahun 2012.

JAWAPAN: YBDATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 10 Jun 2011, jumlah keseluruhan pegawai awam Persekutuan (tidak termasuk polis dan tentera) adalah seramai 806,876 orang. Daripada jumlah tersebut, 0.2% adalah Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 28.9% adalah Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 70.9% adalah Kumpulan Pelaksana.

Bagi pecahan mengikut kementerian, memandangkan senarai yang ada pada saya adalah panjang, maka saya akan mengemukakan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan asal bagi tahun 2011 bagi emolumen adalah sebanyak

RM53,550 juta. Ini adalah termasuk emolumen bagi Badan Berkanun Persekutuan dan gaji pekerja kontrak di bawah OS 29000. Bagi peruntukan tahun 2012, ia masih belum dimuktamadkan dan hanya akan dapat dikemukakan kepada pihak tuan selepas ianya dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 77

Pecahan mengikut kementerian/jabatan adalah seperti berikut:

MMIIil ■NM 9 Bl	**KEMENTERIAN/JABATAN**	**Kumpulan Pengurusan Tertinggi**	**Kumpulan Pengurusan dan Profesional**	**Kumpulan Pelaksana**	**JUMLAH**
1.	JABATAN PERDANA MENTERI	362	6,980	29,432	**36,774**
2.	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	6	489	2,832	**3,327**
3.	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	43	1,507	46,627	**48,177**
4.	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	10	432	2,529	**2,971**
5.	KEMENTERIAN KERJA RAYA	44	2,089	4,854	**6,987**
6.	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	406	26,161	147,223	**173,790**
7.	KEMENTERIAN KEWANGAN	87	3,496	15,497	**19,080**
8.	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	57	504	840	**1,401**
9.	KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	48	175,586	221,750	**397,384**
10.	KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA	3	109	420	**532**
11.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	9	644	5,697	**6,350**
12.	KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA	37	1,588	9,605	**11,230**
13.	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	25	2,548	17,814	**20,387**
14.	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	22	1,117	9,669	**10,808**

NO SOALAN : 77

BIL	KEMENTERIAN/JABATAN	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pelaksana	JUMLAH
15.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	19	351	536	**906**
16.	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI.KOPERASI DAN	9	474	2,593	**3,076**
17.	KEMENTERIAN PERTAHANAN	16	472	13,542	**14,030**
18.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	21	1,446	8,347	**9,814**
19.	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	27	954	12,211	**13,192**
20.	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	6	93	123	**222**
21.	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	55	1,468	2,875	**4,398**
22.	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	52	2,136	11,037	**13,225**
23.	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	39	2,102	5,358	**7,499**
24.	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR	9	210	475	**694**
25.	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN	6	133	483	**622**
■■■!	**JUMLAH**	**1,418**	**233,089**	**572,369**	**806,876**

Sumber : Pangkalan Data HRMIS

NO. SOALAN : 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO'NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH JAWAPAN 16 JUN 2011 [KHAMIS]
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan pendirian Kerajaan tentang bil-bil tertunggak Indah Water Konsortium (IWK), kadar-kadar yang dikenakan oleh IWK pada masa kini dan sama ada Kerajaan bersedia memansuhkan caj-caj yang dikenakan oleh IWK.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Masih ramai rakyat di negara ini tidak sedar akan kepentingan perkhidmatan pembetungan dalam usaha untuk mengawal kesihatan dan juga memelihara alam sekitar. Sikap ini juga menyebabkan kebanyakan pengguna enggan menjelaskan bil-bil Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) walaupun telah menerima perkhidmatan.

Pada hakikatnya, adalah menjadi tanggungjawab penghuni atau pemilik

premis untuk menjelaskan caj pembetungan yang dikenakan berdasarkan perkhidmatan yang telah diterima. Sekiranya penghuni atau pemilik premis masih enggan menjelaskan caj perkhidmatan pembetungan yang tertunggak setelah notis peringatan dikeluarkan bagi tiga bulan berturut-turut, baharulah IWK menyusuli melalui saluran undang-undang yang dibenarkan sebagai usaha terakhir untuk menuntut pembayaran bagi perkhidmatan yang telah disediakan.

Tuan Yang Dipertua,

Kadar caj pembetungan bagi rumah yang mempunyai sistem pembetungan bersambung ke loji olahan kumbahan awam hanyalah 27 sen sehari atau RM8 sebulan, manakala bagi rumah kos rendah, caj yang dikenakan hanyalah 7 sen sehari atau RM2 sebulan. Secara umumnya, kadar caj perkhidmatan pembetungan di negara ini adalah yang terendah jika dibandingkan dengan lain- lain caj perkhidmatan utiliti malah merupakan antara caj perkhidmatan pembetungan terendah di dunia. Pada hakikatnya, caj perkhidmatan yang rendah ini sebenarnya hanya mampu membiayai sebahagian daripada kos operasi bagi kerja-kerja pengendalian dan penyelenggaraan lebih 5,600 buah loji olahan kumbahan awam, 14,500 kilometer rangkaian saliran paip pembetungan awam dan penyediaan perkhidmatan pengosongan ke atas 100,000 buah premis milik Kerajaan. Manakala kos operasi yang selebihnya terpaksa ditampung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi bagi memastikan rakyat

NO. SOALAN : 78

tidak terbeban dengan caj pembetungan yang tinggi.

****

NO. SOALAN: 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]**
TARIKH BERSIDANG	**16 JUN 2011**
SOALAN	

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaikkan taraf Klinik Kesihatan yang sedia ada kepada poliklinik di Bidor, Perak, memandangkan bilangan penduduk di kawasan ini telah bertambah dengan pesat, sangat memerlukan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan di seluruh negeri memang sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan dan sekiranya perlu akan dinaik taraf bagi memenuhi keperluan semasa. Mengenai Klinik Kesihatan Bidor KKM akan mengkaji keperluan untuk menaiktaraf klinik berkenaan dan sekiranya perlu akan dicadangkan untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* RMK 10 yang akan datang.

Pada masa ini, terdapat 2 buah Klinik Desa berdekatan yang telah siap di dalam Rancangan Malaysia ke-9 iaitu Klinik Desa Kampung Poh dan Klinik Desa Air Hitam. Sebuah lagi Klinik Desa telah dirancang untuk dilaksanakan di dalam *first rolling plan* RMK-10 iaitu Klinik Desa Batu 12.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]
Tarikh Menjawab	16 Jun 2011 (Khamis)
Soalan	No. 80

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan rasional bayaran-bayaran yang dikenakan (cess *and premium/transportation)* terhadap pekilang-pekilang kelapa sawit dan rasional semua bayaran berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri sawit dikenakan ses sebanyak RM13 bagi setiap tan minyak sawit mentah *(crude palm oil* - CPO) yang dihasilkan oleh kilang- kilang sawit. Ses ini digunaan untuk tujuan-tujuan berikut:

- RM9 digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Langkah ini membolehkan industri sawit

Malaysia terus membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan untuk manfaat industri dari segi penghasilan bahan tanaman bermutu tinggi dan juga produk-produk bernilai tambah tinggi;

® RM2 untuk promosi yang dikendalikan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia. Aktiviti promosi akan membolehkan Malaysia memperkukuhkan pasaran produk-produk sawit sedia ada dan meneroka pasaran-pasaran baru ; dan

• RM2 untuk Dana Penstabilan Harga Minyak Sawit. Dana ini digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti bagi mengawal bekalan minyak sawit dipasaran melalui pembiayaan program- program tanaman semula semasa harga minyak sawit yang rendah.

Selain itu, industri sawit di Sabah dan Sarawak juga dikenakan cukai jualan ke atas CPO yang dihasilkan di mana kadarnya adalah 7.5% di Sabah dan 5.5% di Sarawak.

Bagi Iain-lain bayaran seperti kos pengangkutan, ia merupakan satu urusniaga di antara penjual dan pembeli untuk tujuan penghantaran buah ke kilang-kilang sawit.

SOALAN NO: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

TARIKH: 16JUN2010

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil penyusunan semula sektor guna tenaga swasta sejak tiga tahun lalu dalam usaha menjayakan prinsip keterangkuman.

PR-1242-L43121

AWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep keterangkuman yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) melalui Teras Strategi Ketiga iaitu pembangunan ekonomi secara *inclusiveness,* merupakan prasyarat bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Pendekatan ini akan menjamin keadilan sosial kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan tidak akan ada sesiapa yang terpinggir.

I

2. Kementerian Sumber Manusia sedar akan pentingnya majikan menggaji pekerja berasaskan kepada komposisi kaum yang seimbang. Pada dasarnya soal pengambilan pekerja ditentukan oleh majikan mengikut keperluan. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan dan pelantikan pekerja untuk mengoptimumkan pengeluaran dan mengekalkan daya saing. Kementerian berpandangan, majikan perlu diberi hak dan kebebasan untuk memilih pekerja yang dianggap sesuai oleh mereka.

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa membuat pemantauan ke atas majikan-majikan untuk memastikan pekerja-pekerja dilayan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum. Sehingga kini, komposisi kaum di kalangan pekerja sektor swasta di negara ini adalah agak seimbang dan memuaskan. Sehubungan itu, Jabatan Tenaga Kerja juga telah mengambil tindakan-tindakan proaktif dengan mengadakan beberapa aktiviti yang telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan majikan sedar akan tanggungjawab mereka. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah lawatan-lawatan promosi, dialog industri dan dialog yang melibatkan tiga pihak (tripartisme), kerajaan, majikan dan juga pekerja.

4. Penekanan komunikasi dua hala ini bertujuan bagi merapatkan hubungan pihak swasta dengan kerajaan seterusnya menyampaikan dasar dan aspirasi kerajaan terhadap sektor swasta sebagai nadi pembangunan negara. Dalam hubungan ini, sektor swasta sentiasa digalakkan untuk mengamalkan konsep 1 Malaysia dan prinsip keterangkuman dalam segala aspek termasuklah pengambilan guna tenaga bagi setiap peringkat pekerjaan.

5. Berdasarkan kajian National Employment Return (NER) yang

dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2009 ke atas 1.3 juta pekerja, secara keseluruhan didapati guna tenaga sektor swasta mengikut kaum adalah seperti berikut:

(a) 56.9% Melayu;
(b) 21.6% Cina;
(c) 10.3% India; dan
(d) 11.1% yang lain-lain.

6. Dari segi penglibatan mengikut kategori pekerjaan, kajian menunjukkan struktur guna tenaga di peringkat pegawai kanan dan pengurusan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(a) Melayu 33.5%;
(b) Cina 53.3%;
(c) India 6.9%; dan
(d) lain-lain 6.2%.

7. Bagi kumpulan professional:

(a) Melayu 41.4%;
(b) Cina 45.6%;
(c) India 8.4%; dan
(d) lain-lain 4.6%.

8. Di peringkat pekerja asas:

(e) Melayu 60.8%;
(f) Cina 5.8%;

(g) India 13.6%;dan

(h) Iain-lain 19.9%.

9. Dalam tempoh RMK-10, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang dan akan melaksanakan strategi bagi memastikan peluang untuk menyertai aktiviti ekonomi secara saksama ke arah mencapai pembangunanekonomi secara inklusif di kalangan rakyat dan membolehkanperancangan masa hadapan negara yang lebih berfokus dapat dilaksanakan. Di bawah RMK-10, beberapa langkah telah dirangka oleh Kerajaan untuk menggalak penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi melalui kaedah penawaran dan permintaan yang mesra pelanggan. Antara langkah-langkah yang telah dirangka adalah seperti berikut:

a) Program yang lebih berfokus untuk membangunkan kepakaran di kalangan Bumiputera;

b) Menggalakkan penyertaan Bumiputera terutamanya dalam jawatan pengurusan utama, profesional dan teknikal;

c) Mewujudkan pusat kecemerlangan industri bagi menyediakan latihan penyelidikan dan latihan lepasan ijazah yang akan dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan industri dan institusi penyelidikan atau institusi pendidikan tinggi sedia ada untuk meningkatkan inovasi dan kemahiran dalam sektor yang disasarkan ke arah aktiviti nilai ditambah tinggi;

d) Meningkatkan bilangan Bumiputera yang terlibat dalam program sangkutan dan program penempatan luar negara; dan

e) Syarikat yang mendapat kontrak atau perolehan besar daripada

Kerajaan, serta pelabur tempatan dan antarabangsa yang menerima pra-pakej insentif khas di bawah skim insentif pelaburan langsung asing, akan diminta memberi komitmen kepada sasaran guna tenaga yang seimbang, program latihan dan sangkutan, terutamanya untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

10. Adalah diharapkan menerusi langkah-langkah yang telah dirangka di atas, prinsip keterangkuman yang dihasratkan di negara ini akan dapat dijayakan.

SOALAN (82)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA PUAN TEO NIE CHING
I SERDANC]

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG 1 mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratusan kenaikan harga rumah di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, serdang, Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor dan setiap negeri setiap tahun sejak tahun 2000 sampai sekarang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kenaikan harga rumah yang melonjak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang dikumpul Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan, purata peningkatan harga rumah berbanding tahun sebelum dari tahun 2000 hingga tahun 2010 adalah dalam banjaran 0.3% hingga 7.33%.

Bagi mengelakkan kenaikan harga rumah yang mendadak, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut;

a) Memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah *(Real property Gains Tax)* bermula *1* Januari 2010.
b) Bank Negara Malaysia (BNM) mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai *iloan-to-value)* maksimum sebanyak 70 peratus bagi pinjaman ketiga untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dan kenaikan harga dalam pasaran perumahan.
c) Memfokuskan terhadap penyediaan Rumah Mampu Milik Berkualiti kepada golongan berpendapatan sederhana konsep *“P ublic Private Partnership"* (PPP).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun20H

SOALAN NO : 83

PARLIMEN MALAYSIA PEMBER1TAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri [Bagan Serai]**
TARIKH	**16 Jun 2011 (Khamis)**
SOALAN	**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan penternak kambing dan lembu**
JAWAPAN	**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menyediakan pelbagai bantuan kepada penternak kambing dan lembu. Antara bantuan yang diberikan kepada penternak adalah:

i. **bantuan induk ternakan yang dilaksanakan di bawah Skim Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) bagi membantu meningkatkan bilangan ternakan;**

ii. **bantuan tanaman rumput** *Napier* **bagi makanan ternakan di bawah program** *homeplot,*

iii. bantuan peralatan mesin memproses rumput, sisa ladang dan lain-lain sisa pertanian;

iv. khidmat nasihat, bimbingan dan aktiviti permanian beradas *(artificial insemination)* **oleh pegawai-pegawai perkhidmatan veterinar serta lawatan pemantauan secara berkala;**

v. bantuan vaksinasi dan ubat-ubatan bagi tujuan kawalan penyakit ternakan; dan

vi. latihan keusahawanan bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran kepada penternak.

Selain itu, program pembangunan sumber manusia juga dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran penternak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN DING KUONG HIING[SARIKEI]

TARIKH JAWAPAN 16 JUN 2011[KHAMIS]
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

(a) adakah pihak Kementerian bercadang menyelesaikan masalah penukaran paip jenis AC kepada jenis HDPE di seluruh kawasan Sarikei; dan

(b) nyatakan juga jadual perancangan Kementerian dan jumlah peruntukan dalam RMKe-10 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini mengambil maklum bahawa program penggantian paip-paip usang terutamanya seperti paip jenis *Asbestos Cement* **(AC) kepada paip yang lebih tahan lasak memang perlu dilaksanakan. Sebelum ini, program penggantian paip merupakan sebahagian daripada aktiviti di bawah Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW). Namun, dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), aktiviti penggantian paip dimasukkan di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan.**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan penukaran paip jenis AC kepada jenis *High Density Polyethylene*

NO. SOALAN : 78

(HDPE) bagi kawasan Sarikei telah dikemukakan di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan Negeri Sarawak dalam *rolling plan* **kedua (***RP2***), RMKe-10. Permohonan tersebut melibatkan penggantian paip sepanjang 40 kilometer dengan anggaran kos berjumlah RM8 juta. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, program tersebut dijangka dilaksanakan di antara tahun 2012 hingga 2015 secara berperingkat.**

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. DATO[1] MOHDjlDIN BIN SHAFEE [SETIU]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :16/06/2011

SOALAN

Y.B. DATO[1] MOHDjlDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah mengeluarkan caruman mereka untuk membeli rumah dan sejauh manakah skim ini benar-benar dapat membantu rakyat memiliki rumah sendiri dan sejauh manakah pula status ketirisan yang berlaku dalam maksud tujuan pengeluaran itu dibuat.

NO SOALAN :85

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1977 KWSP telah memperkenalkan pengeluaran membeli/membina rumah yang bertujuan untuk membantu ahli membiayai pembelian sebuah rumah sebagai tempat berlindung apabila bersara nanti. Seterusnya, beberapa jenis pengeluaran berkaitan perumahan telah diperkenalkan selepas itu seperti pengeluaran bagi mengurangkan gadaian atau menyelesaikan baki pinjaman rumah (1994), membantu pasangan mengurangkan/menyelesaikan baki pinjaman rumah (2000), pembelian rumah kedua setelah rumah pertama dijual/dilupuskan atau bencana alam (2001), pengeluaran ansuran bulanan pinjaman perumahan (2008) dan yang terkini ialah pengeluaran perumahan fleksibel (2010). Semua jenis pengeluaran ini adalah untuk membolehkan ahli memiliki sebuah rumah untuk didiami apabila mereka bersara kelak. Pengeluaran perumahan ini boleh

dibuat melalui simpanan dalam Akaun 2 ahli.

2. Statistik mengenai pengeluaran bagi tujuan perumahan mulai tahun 1986 hingga tahun 2010 menunjukkan seramai 2,705,007 orang ahli telah membeli atau membina rumah dengan mengeluarkan sebahagian simpanan KWSP mereka yang melibatkan amaun berjumlah RM29.15 bilion. Manakala, sejumlah RM24.19 bilion pula telah dikeluarkan bagi tujuan menyelesaikan baki pinjaman perumahan atau membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan yang diambil dengan institusi pemberi pinjaman. Pengeluaran bagi menyelesaikan baki pinjaman perumahan boleh dibuat secara tahunan dan bayaran ansuran bulanan pinjaman perumahan pula boleh dibuat secara bulanan sehingga pinjaman perumahan selesai. Sebanyak 4.6 juta permohonan telah diluluskan bagi tujuan menyelesaikan baki pinjaman ini sepanjang tempoh tersebut.

3. Bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil ahli yang telah menjual rumah mereka tanpa mengembalikan semula simpanan KWSP yang telah dikeluarkan tersebut. Sememangnya pengeluaran daripada Akaun 2 ini menjejaskan simpanan persaraan ahli, namun begitu, pengeluaran ini dibenarkan oleh KWSP kerana ia bertujuan untuk memastikan ahli sekurang-kurangnya mempunyai sebuah rumah yang selesa sebagai tempat berlindung apabila bersara kelak. Pembelian rumah juga merupakan aset kekal pencarum.

SOALAN NO. 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YBPUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

(RANTAU PANJANG)

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Slti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa ramaikah senarai keluarga miskin yang telah ditamatkan sumbangan kebajikan

pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 mengikut negeri di seluruh negara. Nyatakan punca dan sebab pemberhentiannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan perkhidmatan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Walau bagaimanapun, perkhidmatan bantuan kewangan Jabatan adalah bersifat sementara dan akan dikaji semula setiap 12 bulan.

Pada tahun 2008, Jabatan telah menamatkan perkhidmatan bantuan kewangan kepada 19,588 penerima bantuan, manakala pada tahun 2009, sejumlah 47,135 kes telah ditamatkan. Untuk tahun 2010 pula, sejumlah 118,345 kes telah ditamatkan. Pecahan kes penerima bantuan yang ditamatkan mengikut tahun dan negeri bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	2008	2009	2010
NEGERI	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
PERLIS	482	975	982
JOHOR	1,052	15,618	31,611
KEDAH	1,716	5,820	8,527
PULAU PINANG	1,330	757	2,074
PERAK	3,406	5,818	6,716
WP KUALA LUMPUR	972	1,319	949
SELANGOR	2,101	3,909	5,200
NEGERI SEMBILAN	346	3,319	3,487
KELANTAN	1,154	2,330	3,344
TERENGGANU	4,659	1,873	1,819
PAHANG	637	2,048	2,475
MELAKA	947	1,262	2,703
SARAWAK	786	0	20,217
SABAH	-	2,074	28,240
WP LABUAN	-	13	1
	19,588	47,135	118,345

Punca dan sebab pemberhentian bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah kerana klien:

1) boleh berdikari dan memperolehi pendapatan melebihi kadar kelayakan bantuan;

2) meninggal dunia;

3) ibu tunggal yang telah berkahwin semula dan mempunyai suami yang mampu menyarai keluarga; dan

4) mempunyai anak-anak yang telah bekerja dan mampu menanggung keperluan keluarga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**DATO' ABD. RAHMAN BIN BAKRI**
	[SABAK BERNAM]
TARIKH	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN:

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2011 baru-baru ini dan nyatakan impak untuk meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang berlangsung pada 22 April

sehingga 1 Mei 2011 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). PBAKL telah mendapat sambutan yang menggalakkan setiap tahun. Berdasarkan statistik MBKM, jumlah pengunjung pada tahun 2011 adalah seramai 1.7 juta orang pengunjung berbanding 1.2 juta pengunjung pada tahun 2010. Peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 41% memberikan satu indikator yang positif bahawa tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan membaca untuk menambah ilmu pengetahuan dan pembangunan sosioekonomi amat terserlah.

KPKK berpandangan bahawa Pesta Buku perlu diperluas ke peringkat negeri dan daerah bagi memudahkan masyarakat setempat mendapatkan bahan penerbitan kegemaran mereka dengan lebih mudah dan harga yang lebih murah. Jalinan kerjasama dikalangan para penerbit tempatan dan penerbit luar negara dilihat dapat memperkasakan lagi industri buku di Malaysia. Lantaran itu, ia boleh memberi impak yang besar kepada budaya membaca rakyat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] minta Menteri Pelajaran menyatakan program penggunaan makmal komputer di sekolah dan kaedah penyelenggaraan. Apakah cara Kementerian mempastikan kemudahan tersebut tidak dibazirkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan kemudahan makmal komputer yang disediakan di sekolah digunakan secara optimum. Bilangan komputer yang dibekalkan di sekolah adalah berdasarkan kepada enrolmen murid dan norma peralatan mengikut kategori model makmal yang telah ditetapkan oleh KPM. Justeru, setiap guru dan murid di sekolah yang dilengkapi dengan makmal komputer seharusnya berpeluang untuk memanfaatkan kemudahan tersebut.

KPM mengambil berat dalam penyelenggaraan komputer di makmal komputer sekolah bagi membolehkan proses p&p berbantukan komputer dapat berjalan dengan lancar di samping mewujudkan budaya penggunaan ICT di sekolah.
Antara usaha yang dijalankan adalah seperti berikut

i. **Penyenggaraan Pencegahan - Aktiviti penyenggaraan untuk mengelak berlakunya kerosakan yang besar kepada komputer;**

ii. **Penyenggaraan Pemulihan - Aktiviti penggantian peranti komputer yang rosak supaya komputer dapat berfungsi semula seperti asal;**

iii. **Naik taraf - Perkakasan komputer lama dinaik taraf, contohnya seperti**

kapasiti memori *(random acces memory),* **cakera keras** *(hard disc)* **dan kad grafik** *(graphic card)* **untuk membolehkan komputer berfungsi dengan lebih laju dan lancar; dan**

iv. Penggantian - komputer lama dan yang telah luput teknologi akan diganti dengan komputer baru.

Selain daripada itu, KPM juga telah mewujudkan jawatan Juruteknik Komputer (F17) yang ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai Pusat Akses dan juga di Pusat Kegiatan Guru. Juruteknik ini ditugaskan untuk menyenggara sistem aplikasi yang digunapakai di sekolah termasuklah melakukan pemeriksaan dan penyenggaraan kelengkapan IT, mendapatkan alat ganti, memastikan perjalanan sistem dalam keadaan baik, menguruskan stok dan rekod peralatan ICT, melaksanakan instalasi program, menjalankan peningkatan perisian ke versi terkini serta menjalankan ujian ke atas perkakasan dan perisian yang baru dibekalkan.

SOALAN NO: 75

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**YB TUAN AMRAN BIN AB GHANI 16 JUN**
TARIKH	**2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan skandal seks Chua Soi Lek selaku Presiden MCA dan apakah Jabatan Peguam Negara telah menerima kertas siasatan untuk kali kedua setelah siasatan lanjut dilakukan.

JAWAPAN:

PATO' SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas siasatan berhubung dengan skandal seks Chua Soi Lek telah beberapa kali dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (JPN) oleh pihak polis. Setelah meneliti keterangan yang dikemukakan dalam kertas siasatan, JPN mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang belum disiasat dan diambil tindakan oleh pihak polis. Oleh yang demikian, arahan untuk membuat siasatan lanjut berhubung dengan perkara ini telah diberikan kepada pihak polis sebelum apa-apa keputusan terhadap kertas siasatan tersebut dapat dibuat.

Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh untuk membuat suatu pendakwaan dan sabitan, arahan akan dikeluarkan agar pihak yang terlibat dihadapkan ke Mahkamah mengikut peruntukan undang-undang yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah manfaat perkhidmatan Email 1 Malaysia yang dilancarkan dan dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta kepada rakyat. Sejauh mana kekuatan kewangan syarikat ini untuk memberikan perkhidmatan email ini dan adakah orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini dikenakan bayaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berasaskan kepada usaha untuk memperluaskan perkhidmatan kerajaan dalam bentuk digital (e-kerajaan), terdapat beberapa usaha penting yang perlu diadakan bagi menganjakkan usaha ini. antara usaha anjakan (tidak 'exhaustive') adalah perkhidmatan atas talian (online), penyediaan jaringan kerajaan untuk menyambungkan pejabat kerajaan dan pengunaan email selamat dan kukuh secara meluas. Penyediaan email ini dimajukan oleh pihak swasta di mana mereka boleh mendapat hasil dari perkhidmatan yang disediakan oleh mereka tanpa kerajaan membuat apa-apa pelaburan.

Dalam membuat penilaian syarikat, status kewangan dikenal pasti, begitu juga kebolehan untuk membiayai projek telah diteliti. Ini telah diperinci melalui pembiayaan projek oleh pihak 'venture capital', sokongan rasmi yang diperoleh daripada salah sebuah gergasi dalam bidang ICT iaitu Microsoft dan penerangan dari pihak Bursa yang

memberi penjelasan tentang kebolehan sesebuah syarikat

NO. SOALAN: 92

yang dalam status 'GN3' untuk terus menjalankan perniagaan ataupun membangunkan perkhidmatan baru untuk penjanaan hasil perniagaan.

PERTANYAAN

Penggunaan emel oleh orang persendirian tidak akan dikenakan bayaran. Bayaran dikenakan sekiranya seseorang mengambil perkhidmatan tambahan nilai yang disediakan. Selebihnya, pihak syarikat ataupun agensi kerajaan yang ingin menggunakan perkhimatan emel ini, akan dikenakan bayaran. Bayaran yang akan dikenakan akan dimaklumkan oleh pihak swasta tersebut di mana yang mana caj yang dikenakan akan bergantung kepada bilangan emel untuk hantaran; perkara ini adalah bersamaan dengan mana-mana prinsip bayaran yang bergantung kepada bilangan/frekuensi penggunaan perkhidmatan (dalam hal ini bilangan emel).

Kerajaan juga ingin menegaskanbahawa penggunaan perkhidmatan MyEmail ini tidak diwajibkan tetapi akan berasaskan kepada prinsip pasaran am.

SOALAN NO: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]**
TARIKH	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan: mekanisme yang digunakan pihak Kerajaan bagi mengawal pengedaran bahan lucah di Internet dan telefon bimbit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengawal pengedaran bahan lucah di Internet, telefon bimbit dan stesen televisyen, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan memantau dan mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) , terhadap individu yang menyalahgunakan Internet dan SMS bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu tersebut boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu

ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain AKM, ia juga tetap tertakluk di bawah peruntukan undang-undang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Penapisan Filem 2002 dan lain-lain yang melarang tayangan pornografi.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN	**LISAN**	
DARIPADA	**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**	
TARIKH	**16 JUN**	**2011 (KHAMIS)**
SOALAN	**92**	

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah projek perkilangan yang akan menghasilkan sisa radioaktif telah diluluskan dari tahun 2005 hingga 2010, apakah butiran projek tersebut seperti nama syarikat, tapak kilang, jumlah pelaburan, jumlah penghasilan sisa setiap tahun dan sebagainya.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, dari tahun 2005 hingga 2010 hanya satu (1) sahaja permohonan yang diterima dan diluluskan bagi pengilangan yang menghasilkan sisa sampingan bahan radioaktif semulajadi.

Syarikat tersebut ialah Lynas (M) Sdn. Bhd. yang akan beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang dengan jumlah pelaburan berjumlah RM700 juta (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Juta). Pada masa ini, kilang Lynas masih belum lagi beroperasi. Status semasa projek ini adalah di peringkat penempatan tapak dan pembinaan (siting and construction). Pada masa kini masih belum terdapat sisa-sisa yang mengandungi bahan sampingan radioaktif semula jadi dihasilkan. Adalah dijangkakan apabila beroperasi kelak, syarikat ini akan menghasilkan sisa dimana hanya 0.165% sahaja adalah thorium, satu bahan radioaktif semulajadi.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, mengikut standard antarabangsa terutamanya dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), sisa yang akan dihasilkan adalah ditakrifkan sebagai bukan sisa radioaktif tetapi merupakan sisa yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (waste residue containing radionuclide of natural origin atau lebih dikenali sebagai Natural Occurring Radioactive Materials [NORM])).

PERTANAYAN **LISAN**

DARIPADA **Tuan Mohd Nizar bin Zakaria[Parit]**

TARIKH **16 Jun 2011**

SOALAN **Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta**

PERDANA
MENTERI menyatakan setakat mana Kerajaan akan terus melakukan perubahan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan apakah hasil penilaian oleh rakyat dalam melaksanakan program tranformasi ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang berpaksikan gagasan 1 Malaysia merupakan inisiatif yang bercita-cita tinggi dan meluas yang bertujuan menangani bidang-bidang utama yang menjadi keprihatinan rakyat, iaitu "Rakyat Didahulukan", di samping menyokong transformasi ekonomi Malaysia menjadi negara yang berpendapatan tinggi, selaras dengan Wawasan 2020 dan Model Baru Ekonomi (MBE).

Pelan Halatuju GTP yang dilancarkan pada Januari 2010 menggariskan program-program spesifik bagi mencapai hasil yang besar dan pantas bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dengan diukur oleh Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI), iaitu ''Pencapaian Diutamakan". GTP dipacu sendiri oleh Perdana Menteri dan Menteri Peneraju, digerakkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), dan dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam.

GTP terbukti berjaya menghasilkan kejayaan yang pantas dan besar, yang belum pernah dicapai sebelum ini. Sebagai contoh, buat kali pertama dalam tempoh 4 tahun, jenayah jalanan dan jenayah indeks telah munurun sebanyak 35% dan 15%, yang merupakan pengurangan tertinggi sejak kemerdekaan. Selain itu, selepas usaha gigih setahun bagi menangani rasuah oleh agensi-agensi penguatkuasaan, langkah meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan, di samping usaha memperbaiki kerangka institusi, pandangan orang awam bahawa usaha Kerajaan

memerangi rasuah adalah berkesan telah meningkat daripada hanya 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010, mengikut laporan *Transparency International Global Corruption Barometer.*

Bagi memastikan ketelusan pencapaian GTP yang sewajarnya, Kerajaan juga menjemput satu *International Panel of Review* **(IPR) untuk mengkaji, menganalisis dan mengkritik pelbagai elemen GTP termasuk sasaran strategik yang telah ditetapkan, proses pelaksanaan, hasil dan pencapaian yang diperoleh, di samping memaklumkan secara kritis dan membina sebarang ketidaksempurnaan, mencadangkan bidang-bidang yang memerlukan langkah penambahbaikan, idea- idea baharu dan amalan terbaik atau** *best practices* **untuk GTP pada masa hadapan.**

IPR telah sebulat suara merumuskan bahawa prestasi GTP tahun pertama sangat berjaya, hasil-hasil tercapai bagi setiap satu NKRA adalah memberangsangkan dan telah memenuhi banyak sasaran yang besar. Di peringkat makro, IPR berpandangan GTP berjaya menggubal rancangan mengikut sasaran yang diperincikan dan disokong oleh pelan tindakan yang menyeluruh serta mewujudkan sistem bagi memantau dan menilai kemajuan pada semua peringkat kerajaan termasuklah di peringkat menteri.

Perkara-perkara yang disyorkan oleh IPR untuk penambahbaikan termasuklah memastikan penyampaian sektor awam yang mampan, memastikan semangat dan kaedah tranformasi dapat diperturunkan ke segenap sektor awam, berinovasi secara berterusan dalam konteks Malaysia yang unik, mewujudkan belanjawan yang mampan dari segi fiskal, menjajarkan sasaran yang boleh dijangka dengan matlamat utama,

memastikan integriti data, mengurangkan karenah birokrasi untuk membendung rasuah dan meningkatkan kemampanan melalui penilaian keupayaan.

Oleh kerana GTP, dan juga ETP, merupakan program transformasi yang raksasa yang tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan, ianya adalah penuh dengan cabaran. Oleh itu, penerimaan, penyertaan, sokongan, bantuan dan kerjasama dari semua pihak amatlah diperlukan dan dialu-alukan.

NO. AUP : 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
RUJUKAN	**3709**

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada tindakan tegas yang diambil terhadap Utusan Malaysia berhubung laporan "Kristian Agama Rasmi" pada 7 Mei 2011 yang bersifat hasutan dan menyemai elemen permusuhan agama berbanding dengan tindakan keras yang diambil terhadap Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan soalan.

Kementerian sentiasa memantau akhbar-akhbar berdasarkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana akhbar yang didapati melanggar akta tersebut. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;
b) Memberi surat tunjuk sebab; atau
c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Akhbar Utusan Malaysia telah dikeluarkan surat teguran pada 12 Mei 2011 kerana menyiarkan berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk *'Kristian Agama Rasmi?'* pada keluaran 7 Mei 2011.

Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

Kementerian menggantung permit penerbitan akhbar Sarawak Tribune selama dua minggu adalah kerana menyiarkan karikatur yang menghina Nabi Muhammad. Akhbar China Press telah didapati menyiarkan berita tidak benar melibatkan perletakan jawatan Ketua Polis Negara dan Suara Keadilan telah menyiarkan berita yang tidak benar bertajuk Felda Bankrap.

NO. SOALAN: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

TARIKH **16 Jun 2011**

SOALAN

Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

(a) apakah natijah spesifik dalam tender Petronas bersabit pemberian kontrak pembangunan "marginal oilfield" kepada syarikat-syarikat swasta dan asing, termasuk syarikat-syarikat tanpa sebarang rekod prestasi dalam bidang tersebut; dan

(b) siapakah syarikat-syarikat yang telah diberikan kontrak "marginal oilfield" tersebut setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kontrak pembangunan untuk mengendalikan medan kecil minyak dan gas ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria utama yang digariskan

seperti rekod prestasi yang baik, kedudukan kewangan yang kukuh, kepakaran teknikal dan kemahiran profesional untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan mempunyai kemahiran khusus dalam bidang yang diperlukan, mampu untuk melaksanakan bidang-bidang kerja yang ditetapkan mengikut jangka waktu yang ditetapkan dengan kos yang optimum.

Pembangunan medan kecil minyak dan gas ini akan membantu menghasilkan pulangan dan menampung permintaan dalam negara, menarik pelaburan dari kontraktor-kontraktor yang mempunyai kemahiran khusus *(niche player),* serta menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan yang layak untuk bergiat secara langsung dalam kerja-kerja pembangunan dan pengeluaran petroleum.

Buat masa ini, hanya satu pemberian Kontrak Khidmat Risiko telah dikeluarkan oleh PETRONAS iaitu kepada Petrofac Energy Development Sdn. Bhd., anak syarikat kepada syarikat antarabangsa Petrofac daripada United Kingdom. Petrofac Energy Development Sdn. Bhd. akan menjadi pengendali utama Medan Berantai *(Berantai Field*) ini dengan pegangan 50 peratus kepentingan ekuiti manakala baki 50 peratus dikongsi secara sama rata oleh Kencana Energy Sdn. Bhd. dan Sapura Energy Venture Sdn. Bhd. Pemilihan dua syarikat tempatan ini dibuat oleh Petrofac Energy Development Sdn. Bhd. sendiri berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu kepakaran teknikal huluan dan kedudukan kewangan yang mantap.

SOALAN NO.

96 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak dalam tempoh 20 tahun yang lalu dan nyatakan bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang telah didirikan oleh Kerajaan Pusat. JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap isu penjagaan kanak-kanak. Bagi memastikan kualiti penjagaan kanak-kanak di Pusat Jagaan dan TASKA, pengusaha dan pengendali disyaratkan mendaftar premis dengan JKM di bawah peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan di bawah peruntukan Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

Kerajaan ada menyediakan geran penyenggaraan dan catuan kepada Pusat Jagaan Kanak-kanak yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), terdapat 231 Pusat Jagaan Kanak-kanak di bawah kendalian PSK sehingga tahun 2010 dengan geran berjumlah RM22.4 juta. Bilangan Pusat Jagaan Kanak-kanak yang berdaftar dengan JKM sehingga kini berjumlah sebanyak 270 buah.

Mulai tahun 2006, Kerajaan juga telah menyediakan geran penubuhan kepada TASKA 1 Malaysia sebanyak RM1.1 Juta. Sehingga kini terdapat sebanyak 30 buah TASKA 1 Malaysia di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]**
TARIKH	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

Y.B. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti jalan raya dalam Rancangan SCORE. Sila jelaskan adakah projek-projek ini sudah ditenderkan dan seterusnya ditawarkan pada penender.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) sebanyak enam (6) projek jalan raya sepanjang 457km ke Empangan Hidro (Murum, Kapit-Baleh, Baram dan Limbang) dan Nod Pertumbuhan Tunoh telah mula dilaksanakan. Kerja-kerja awalan seperti penyiasatan tanah, survei ukur jalan, kajian impak alam sekitar, survei keselamatan jalan raya, rekabentuk dan tender telah dibuat dalam tempoh RMKe-9 kecuali Jalan Akses ke Tunoh, Kapit sepanjang 37km yang

Soalan No : 98

mana masih diperingkat reka bentuk atas sebab perubahan jajaran jalan *(road re-alignment).*

PERTANYAAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	**LISAN** **Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO* DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian Kerajaan yang mahu penggunaan Bahasa Melayu digunakan di peringkat acara antarabangsa dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada peringkat antarabangsa, kerajaan sedang berusaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia dan digunakan dalam acara di peringkat antarabangsa. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha di peringkat antarabangsa untuk memenuhi keperluan serta menghantar tenaga pakar ke luar negara di samping memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dengan bersungguh-sungguh supaya dapat mengimbangi lalu lintas maklumat dan memetakan dengan jelas bahasa Melayu dalam ilmu dunia.

Kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada bahasa kebangsaan bagi acara-acara antarabangsa yang Malaysia anjurkan untuk promosi, bahan program, mengacarai majlis dan sebagainya. Di peringkat

Soalan No : 100

antarabangsa pula,
PERTANYAAN

pemimpin digalakkan menggunakan bahasa kebangsaan dalam ucapan seperti di UNESCO, PBB dan sebagainya kerana khidmat penterjemah disediakan dalam acara tersebut.

Pada peringkat serantau, keanggotaan Malaysia dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam- Indonesia - Malaysia (MABBIM) sejak tahun 1972 telah berhasil mengeluarkan berbagai pedoman dan peraturan ejaan dan istilah, selain daftar istilah. Jumlah istilah yang banyak itu sudah tentunya memperkaya khazanah kosa kata dalam bahasa Melayu, yang dapat digunakan dalam bidang pendidikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui agensinya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga sentiasa menerima permintaan daripada Prince of Songkla University, Pattani, Chulalungkorn University dan Thammasat University, Bangkok, Thailand untuk mengikuti program peningkatan penggunaan bahasa Melayu.

Pada peringkat antarabangsa, DBP terus diminta untuk memberikan bantuan dan sokongan tenaga pakar ke institusi tertentu di luar negara untuk membantu mereka menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul. Antara institusi yang pernah dan sedang mendapat khidmat tenaga pakar bahasa termasuklah Beijing Foreign Studies University (BFSU), China Radio International (CRI), Comunication University of China, International Institute for Asian Studies (HAS), Leiden University, Belanda, University Frankfurt, Jerman dan Guangxi University for Nasionalities, China.

La Rochelle University telah menghantar pelajarnya ke DBP untuk program latihan industri. Deakin University, Australia juga telah memberikan kepercayaan kepada DBP dan UPM mengendalikan kursus

Soalan No : 102

bahasa Melayu kepada pelajarnya pada tahun 2004 hingga 2006.

PERTANYAAN

Pengiktirafan Kerajaan Malaysia kepada usaha pemerintah Republik Rakyat China dalam memartabatkan bahasa Melayu di China telah menghasilkan penubuhan Kursus Pegajian Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU) China, iaitu Kursus Pengajian Melayu yang ketiga sesudah Kursi di Leiden University, Belanda dan Victoria University, New Zealand.

Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri juga telah dijadikan sebagai acara tahunan sejak tahun 2006 yang disertai oleh pelajar daripada puluhan universiti dari luar negara. Dengan usaha yang dilakukan dari semasa ke semasa, Kerajaan yakin bahasa Melayu akan dijadikan sebagai salah satu bahasa utama dunia kelak.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Y.B. DATO[1] HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH

DARIPADA LISAN

KOTA BHARU

16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

KAWASAN TARIKH Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA

menyatakan bilakah pembinaan jalan raya Kota Bharu ke Kuala Krai akan dilaksanakan. Berapakah kos projek keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua;

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Projek Membina Jalan Baru dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Kelantan telah ditangguhkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10. Ini kerana Kerajaan berpandangan bahawa skop dan kos faedah projek ini perlu disemak semula menerusi makmal Pengurusan Nilai *(value management)* sebelum memutuskan sebarang perkara dasar berhubung dengan pelaksanaan projek tersebut.

Walau bagaimanapun, tumpuan Kerajaan bagi meningkatkan rangkaian pembinaan dan menaik taraf jalan raya di seluruh negara, termasuk Jalan *Central Spine* di Semenanjung Malaysia yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Lembah Klang masih tidak terjejas dan akan diteruskan pelaksanaannya secara berperingkat-peringkat dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10. Ini merupakan antara sebahagian dari komitmen Kerajaan di bawah program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER). Skop projek ini melibatkan menaik taraf Jalan Persekutuan FT08 dan FT09 sedia ada dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 390 kilometer kepada 2 lorong 2 hala berdasarkan piawaian JKR R5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini projek menaik taraf Jalan Persekutuan Gua Musang ke Kg. Relong, Pahang

(Pakej 3, Fasa 1, Segmen 5) telah hampir siap dibina dengan kemajuan fizikal kerja ialah 98% mengikut jadual. Manakala pelaksanaan pakej-pakej Iain sedang dalam tindakan, iaitu melibatkan pelbagai status projek seperti reka bentuk, tender dan kerja-kerja awalan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**
TARIKH	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) apakah kelebihan syarikat Tricubes dibenarkan untuk menguruskan projek Email 1 Malaysia; dan

(b) berapa kadar caj yang dibenarkan untuk penghantaran setiap Email 1 Malaysia Kerajaan kepada rakyat dan siapakah yang bertanggungjawab membuat bayaran kepada Tricubes.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

E-Kerajaan merupakan penggunaan teknologi CCI (Communications, Content and Infrastructure) untuk meningkatkan penyampaian Kerajaan dan akses kepada perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dan perniagaan. Inisiatif E-Kerajaan Malaysia yang dilancarkan beberapa tahun yang lepas diiktiraf oleh kajian kes antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat peluang bagi penambahbaikan selanjutnya dan salah satu contoh untuk penambahbaikan ini adalah Membolehkan saluran komunikasi yang selamat kepada E-Perkhidmatan Kerajaan yang boleh diakses menerusi pelbagai peranti: @MyEmail.my

Berdasarkan makmal NKEA yang telah dikendalikan pada tahun lepas, hasil daripada pencariannya mendapati bahawa E-Kerajaan akan memupuk persekitaran perniagaan lebih baik, memperkukuh tadbir urus.memperkembangkan penyertaan orang ramai dan mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan agensi, Kerajaan. SKMM akan menerajui proses tersebut. SKMM akan menyelaras, bersama-sama dengan MAMPU, semua kementerian dan syarikat telekomunikasi untuk menentukan keperluan dan langkah yang perlu untuk mendorong perpindahan kepada E-Kerajaan.

Jawapan (a):
Pihak Tricubes telah berjaya menunjukkan pelan perniagaan yang kukuh dan jelas. Mereka juga telah disokong secara rasmi oleh syarikat gergasi ICT iaitu Microsoft. Lanjutan itu, pihak Tricubes telah dibandingkan dengan 3 lagi syarikat yang telah menyatakan hasrat untuk membangunkan perkhidmatan emel yang selamat dan kukuh.

Pihak Tricubes adalah sebuah syarikat yang ulung dalam bidang keselamatan; terutama dalam bidang keselamatan biometrik yang digunapakai oleh lebih dari 200 pelanggan dalam dan luar negara. Mereka juga menguasai lebih dari 60 peratus dari pasaran dalam negara dalam bidang ini.

Jawapan (b):
Caj atau bayaran tidak dikenakan kepada penguna persendirian untuk menggunakan perkhidmatan emel ini. Bayaran akan dikenakan kepada syarikat swasta ataupun agensi kerajaan yang menggunakan perkhidmatan ini.dimana caj yang dikenakan akan bergantung kepada bilangan emel untuk hantaran; sama seperti mana-mana prinsip bayaran perkhidmatan yang bergantung kepada bilangan/frekuensi penggunaan perkhidmatan (dalam hal ini bilangan emel)

Soalan No : 101

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)
TARIKH	16.06.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan

(a) barapakah bilangan rumah guru yang tidak digunakan dan apakah sebabnya; dan

(b) apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sebagai satu usaha meningkatkan pendidikan negara ialah dengan menjaga kebajikan guru seperti penyediaan kemudahan kuarters guru yang selesa dan mencukupi dengan kadar sewa atau potongan yang berpatutan di lokasi yang sesuai. Sehingga kini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telahpun melaksanakan pembinaan kuarters guru sebanyak 30,511 unit di seluruh negara.

Daripada 30,511 unit Kuarters tersebut, sebanyak 21,698 unit (71.1%) telahpun diduduki, manakala baki sebanyak 8,812 unit (28.9%) lagi masih belum diduduki. Dalam memastikan Kuarters yang masih kosong dapat diisi dalam masa yang

terdekat, satu pelan tindakan telah dirancang. KPM telah menubuhkan satu kumpulan *Task Force* yang akan bergerak ke setiap negeri untuk mengenalpasti Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) yang masih kosong dan kelak akan membuat syor cadangan langkah-langkah pengisian.

(b) KPM juga telah mengenalpasti beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada masalah pengisian penghuni di Kuarters. Walau bagaimanapun, KPM telah mengenalpasti beberapa cadangan bagi membantu mengatasi masalah pengisian penghuni. Antara cadangan yang telah dikenalpasti adalah seperti menawarkan kepada agensi dan kementerian lain yang memerlukan kuarters untuk kakitangan mereka serta menukar guna kuarters tersebut seperti dijadikan pusat latihan.

SOALAN NO: 102
PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAY AT I BIN OTHMAN

TARIKH: 16 JUN 2010

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah saham syarikat arak yang masih dilaburkan oleh Perkeso dalam 2009, 2010 dan hingga kini.

PR-1242-L43925

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. PERKESO pada ketika ini tidak lagi memegang sebarang saham dalam syarikat arak. Ini adalah selaras dengan keputusan Panel Pelaburan PERKESO pada 20 Mei 2010 untuk tidak lagi melabur dalam saham syarikat arak.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, PERKESO dan Pengurus Portfolio Dana PERKESO pernah memegang sebanyak 3,562,000 saham dalam syarikat-syarikat arak pada tahun 2009 dan 2010.

3. Tindakan telah di ambil untuk menjual ke semua saham arak dan PERKESO tidak lagi memiliki sebarang saham di mana-mana syarikat arak sejak 2 September 2010.

<m(13-28 Jun 2011)/Has...31.5.11/Mofid}{ayati£43925

SOALAN (103)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. TUAN TAN TEE BENC
[NIBONG TEBAL]

SOALAN

Y.B. TUAN TAN TEE BENC I **NIBONG TEBAL**] mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kawasan longgokan sampah seluruh negara yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan sejak pelaksanaan Akta Sisa Pepejal dan apakah dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi pihakyang enggan menyerahkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa

pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) tidak mensyaratkan penyerahan semua tapak pelupusan sisa pepejal kepada Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, Akta 672 digubal bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan

mengawalselia semua aktiviti berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuklah tapak-tapak pelupusan sisa pepejal.

Sehingga Januari 2011, terdapat sejumlah 296 tapak pelupusan sisa pepejal di seluruh negara di mana 130 tapak telah tidak beroperasl dan hanya 166 tapak yang masih beroperasi. Hampir keseluruhan tapak pelupusan tersebut adalah milik Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kecuali Tapak Sanitari Bukit Tagar adalah milik Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2011

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PADA **DATO' DR HAJI MOHD HAYATI BIN OSMAN [PENDANG]**

TARIKH **16 JUN 2011**

SOALAN

Dato' Dr Haji Mohd Hayati bin Osman [Pendang] minta

PERDANA MENTERI menyatakan:

a) saham syarikat arak yang masih dipegang oleh Amanah Raya dari tahun 2005 hingga kini; dan

b) nilaian harta pemilik yang terdiri daripada masyarakat Islam yang dipegang oleh Amanah Raya hingga kini.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AmanahRaya **tidak memiliki saham atau pelaburan** dalam mana-mana syarikat arak.

Amanah Raya Berhad memberikan perkhidmatan Peramanahan Korporat (Corporate Trusteeship) konvensional dan syariah melalui **AmanahRaya Trustees Berhad,** anak syarikat milik AmanahRaya yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, kepada Syarikat-Syarikat Pengurusan Unit Amanah (SPUA) melalui ikatan sebagai PEMEGANG AMANAH.

AmanahRaya Trustees Berhad tidak bertanggungjawab atas pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh SPUA. Tugas **AmanahRaya Trustees Berhad** hanyalah sebagai PEMEGANG AMANAH untuk mengawalselia aktiviti pelaburan SPUA dan memastikan ianya diurus mengikut Suratikatan, undang-undang dan garis panduan. Aset yang dimiliki oleh SPUA adalah di bawah nama **AmanahRaya Trustees Berhad sebagai** PEMEGANG AMANAH dan bukan secara pelaburan atau pemilikan terus.

AmanahRaya Trustees Berhad menjalankan perniagaan terasnya seperti yang dibenarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Trust Companies Act 1949).

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai Harta Pusaka milik masyarakat Islam yang telah diperhasilkan di bawah pentadbiran harta pusaka di AmanahRaya sehingga 31/5/2011 adalah kira-kira RM330 juta.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN)**

TARIKH **16.06.2011 (KHAMIS)**

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan adakah Kementerian peka terhadap fenomena kenaikan kos sara hidup yang naik mendadak khasnya di Labuan yang terbukti lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan di Negeri Sabah dan Sarawak maka sejauh manakah Kementerian menilai dan mengambil tindakan bagi menangani permasalahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan perbandingan harga barang-barang keperluan di antara Kota Kinabalu di Sabah, Kuching di Sarawak dan Labuan, didapati bukan semua harga barang di Labuan lebih tinggi daripada di Kota Kinabalu dan Kuching. Sebagai contoh, harga ayam di Kota Kinabalu ialah sekitar RM8.50 sekilogram, di Kuching pula sekitar RM8.00 sekilogram, manakala di Labuan ialah sekitar RM9.50 sekilogram. Walau bagaimanapun, terdapat juga barang keperluan di

Labuan yang didapati sama atau lebih rendah berbanding di Kota Kibnabalu dan Kuching. Harga bayam hijau di Labuan dan Kota Kinabalu ialah RM1.00 seikat, manakala di Kuching ialah RM1.60 seikat. Ikan kembung di Labuan dan Kota Kinabalu adalah sama iaitu sekitar RM8.40 sekilogram, manakala di Kuching ialah pada RM8.50 sekilogram. Barang kering seperti Milo didapati lebih murah di Labuan berbanding di Kota Kinabalu dan Kuching, iaitu pada RM6.80 sepaket berbanding RM6.99 di Kota Kinabalu dan RM6.90 di Kuching. Perbezaan harga ini dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan semasa. Kesimpulannya, perbezaan harga barang keperluan di Labuan tidaklah begitu tinggi berbanding bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak sehingga membebankan penduduk di Labuan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan sentiasa memantau isu ini dari masa ke semasa supaya tidak berlaku kenaikan harga barangan atau runcit yang tidak munasabah di Labuan.

Soalan No : 106

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARI PAD A	**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar terkini yang mendapat pendidikan vokasional mengikut pecahan kaum, jumlah sekolah vokasional di seluruh negara, jumlah guru di sekoiah vokasional dan jumlah peruntukan untuk pendidikan vokasional bagi tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Memperkasa Pendidikan Vokasional dan Kemahiran merupakan salah satu komponen Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pelajaran (MKRA). Ini menunjukkan Kerajaan memberi penekanan khusus dalam usaha memperkukuhkan aliran teknik dan vokasional. Dasar ini bermatlamat untuk mengoptimumkan potensi setiap murid mengikut tahap pencapaian mereka termasuklah murid-murid yang kurang cenderung kepada akademik serta murid berkeperluan khas. Usaha ini akan membantu mempercepatkan proses melahirkan tenaga mahir negara selari dengan dasar Model Baru Ekonomi (MBE). Untuk merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dan akan melaksanakan pelbagai strategi, yang di antaranya termasuklah menjadikan pendidikan Teknik, Vokasional dan Kemahiran **(Pendidikan** *Voctech)* sebagai pendidikan arus perdana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2011, jumlah murid yang sedang mengikuti pendidikan di 54 buah sekolah vokasional seluruh negara seramai 31,213 orang manakala bilangan guru pula adalah seramai 5,134 orang. Pada tahun 2010, KPM telah menerima peruntukan di bawah pembangunan (RMKe-9) berjumlah RM86 juta untuk melaksanakan perolehan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV), Mata Pelajaran Aliran Teknik (MPAT) dan Mata Pelajaran Teknik (MPT).

Rjm 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAANLISAN

DARIPADA **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH **16 JUN2011 [KHAMIS]**

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dakwaan Laporan Bank Dunia berjudul *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* bahawa Kerajaan aktif untuk menggerakkan ETP yang berasaskan pelaburan; namun tidak begitu giat melaksanakan Model Baru Ekonomi (NEM) yang bertujuan untuk menyelesaikan kebuntuan struktur ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan Laporan Bank Dunia yang

menyatakan Kerajaan hanya aktif untuk menggerakkan ETP yang berasaskan pelaburan tetapi tidak begitu giat dalam melaksanakan Model Baru Ekonomi (MBE) adalah tidak benar. Laporan Model Baru Ekonomi Bahagian Akhir: Langkah Dasar Strategik telah memberi maklumat yang lebih luas dan terperinci mengenai langkah dasar di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Bagi membincangkan pelan tindakan SRI serta tindakan terperinci untuk mencapai matlamat MBE, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (NEAC) dengan kerjasama PEMANDU telah mengadakan makmal SRI selama 6 minggu, bermula pada 21 Februari 2011 sehingga 1 April 2011. Daripada 51 langkah dasar dalam MBE, sebanyak 37 langkah dasar telah dibincangkan dalam 6 makmal SRI iaitu :

i. Daya saing, standard dan perundangan;
ii. Peranan kerajaan dalam perniagaan;
iii. Pembangunan sumber manusia;
iv. Kewangan sektor awam;
v. Penyampaian sektor awam; dan
vi. Langkah afirmatif/mengurangkan jurang ketaksamaan.

Makmal-makmal ini kemudiannya dibahagikan kepada beberapa buah makmal yang kecil untuk menterjemah langkah dasar serta inisiatif yang dirancang dalam MBE kepada langkah pelaksanaan yang terperinci dan realistik. Langkah dasar serta inisiatif yang dirancang turut mengambil kira inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Hasil daripada makmal SRI ini telah dibentang kepada Jemaah Menteri.

Selain daripada penubuhan 6 makmal SRI, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bank Dunia sedang menjalankan kajian mengenai kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan dalam sektor awam (PER). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kawalan fiskal ke atas perbelanjaan sektor awam supaya perbelanjaan yang dibuat benar-benar berfaedah dan memberi nilai wang yang sebenar (value for money), mengurangkan ketirisan dan memberi faedah kepada rakyat dan seterusnya menghasilkan impak yang maksimum kepada

ekonomi negara. Antaranya melalui pelaksanaan bajet berasaskan *outcome* atau *outcome-based budgeting* (OBB), dengan izin akan diperkenalkan. Pendekatan baru ini membolehkan pengurusan sumber yang lebih cekap, mengelak pertindihan pelaksanaan program dan projek serta dapat memastikan sumber yang diagih mengikut keutamaan tertinggi negara. Kajian ini akan meliputi di peringkat sektoral dan di peringkat sistem Kerajaan, iaitu pengurusan kewangan sektor awam, perolehan dan pembaharuan perkhidmatan awam. Hasil kajian ini pula akan digunakan dalam penyediaan Bajet 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]**
TARIKH	**16 JUN 2011**

SOALAN

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan projek yang dibiayai Kerajaan Persekutuan di kawasan Parlimen Kapit P.215 dan kawasan Parlimen Hulu Rajang P.216 yang sekarang bermasalah belum lagi dapat disiapkan. Sila bagi senarai projek serta nama-nama kontraktor yang terlibat dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor dalam pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

SOALAN NO. 109

Sehingga 8 Jun 2011, terdapat sebanyak 18 projek di Parlimen Kapit dengan jumlah siling peruntukan RM222.5 juta dan sebanyak 8 projek di Parlimen Hulu Rajang dengan jumlah siling peruntukan RM30.5 juta yang telah diluluskan pelaksanaannya sepanjang *Rolling Plan* pertama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) (2011-2012).

I

Terdapat satu projek sahaja yang bermasalah di Parlimen Kapit, manakala tiada projek bermasalah di Parlimen Hulu Rajang. Projek bermasalah yang berstatus Lewat Jadual (LJ) tersebut adalah Projek Pembinaan Baru Asrama 400 Pelajar dan Lain- Lain Kemudahan di Sekolah Kebangsaan Nanga Merit, Kapit di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Projek ini merupakan projek sambungan daripada RMK-9 dan mendapat siling peruntukan sebanyak RM9.1 juta dalam tempoh *Rolling Plan* pertama RMK-10. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor Sebiro Holdings Sdn Bhd.

Projek ini telah lewat 52.7% daripada jadual yang dirancang. Masalah yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek ini adalah kerana kegagalan pihak kontraktor untuk mengawal selia kerja-kerja di tapak berdasarkan jadual kerja yang telah ditetapkan. Antara masalah lain yang dikenal pasti adalah masalah logistik dan masalah laluan masuk ke tapak di mana laluan sungai merupakan satu-satunya jalan untuk masuk ke tapak. Arus sungai Rajang yang tidak menentu dan juga pembinaan projek empangan Bakun menyebabkan air sungai surut dan tidak boleh dilalui. Selain itu, projek ini juga mengalami masalah pekerja.

Ekoran kegagalan kontraktor untuk mengatasi masalah ini dan menyebabkan kelewatan pada projek, Surat Amaran Kemungkiran Kerja Kontraktor telah dikeluarkan. Pada 20 Disember 2010, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan kepada kontraktor. Namun, KPM telah menarik balik notis tersebut pada 6 Mei 2011 dan kontraktor diminta untuk menghantar *Critical Path Method* (CPM) atau *Recovery Plan.* Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) Bilangan 2/2011 pada 11 Mei 2011, telah

diputuskan agar pihak kontraktor membuat permohonan *Extension of Time* (EOT). Permohonan tersebut telah dihantar ke pihak Urusetia Jawatankuasa EOT untuk diproses dan dalam menunggu giliran untuk dibawa ke dalam mesyuarat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN **N0:109**

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN** **[KINABATANGAN]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
SOALAN	**109**

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang rasional harga tinggi bagi bayaran lebih berat *(excess luggage)* yang dikenakan oleh syarikat penerbangan AirAsia.

Jawapan:

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, kemudahan *excess luggage* ini merupakan *optional* kepada penumpang yang ingin atau perlu membawa *luggage* tambahan.

Menurut AirAsia, rasional harga yang ditetapkan bagi *excess luggage* ini adalah seperti berikut:

(i) ia merupakan salah satu daripada strategi syarikat penerbangan tambang murah untuk meminimakan harga tiket penerban'gan; dan

(ii) akan mengelakkan penumpang dari membawa bagasi lebih dari had yang ditetapkan supaya dapat mengurangkan pembakaran dan penggunaan minyakjet fuel.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **:** **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)**

TARIKH **16 JUN 2011**

SOALAN **110**

MintaMenteriKemajuanLuar Bandar dan Wilayah

menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memajukan Tasik Kenyir sehingga tahun 2010.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah diberi peranan merancang dan membangunkan Tasik Kenyir sebagai sebuah destinasi pelancongan di negeri Terengganu bermula pada tahun 1993 melalui Pelan Warta PW486.

Sehingga tahun 2010, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang telah dibelanjakan oleh KETENGAH bagi membangunkan Tasik Kenyir berjumlah **RM80,108,540** yang meliputi pembangunan infrastruktur, kemudahan, aktiviti dan promosi di tempat-tempat dalam **Jadual 1** berikut:

Bil	Projek	Perbelanjaan (RM juta)
1	PengkalanGawi	15,892,767
2	PengkalanUtama	17,844,215
3	ZonAkuakulturSg. Como	20,143,425
4	Sungai Lawit	1,916,242
5	Sungai Buweh	91,500

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Kulim Bandar Baru secara serentak bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Sekijang yang dijadualkan pada 22 Jun 2011 di Dewan yang mulia ini kerana ia menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua Yang Berhormat atas soalan ini.

3. Kerajaan mengambil maklum pernyataan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama mengenai kematian Osama bin Laden, pengasas kumpulan Al-Qaeda dalam satu operasi rahsia yang dijalankan oleh pasukan khas Amerika Syarikat di Abottabad, Pakistan pada 1 Mei 2011: Kerajaan juga mengambil maklum kenyataan pihak pentadbiran Amerika Syarikat bahawa pengurusan jenazah Osama bin Laden telah dilakukan.

4. Kerajaan berpandangan bahawa kematian Osama bin Laden adalah satu pengajaran bahawa tindakan keganasan tidak akan membuahkan kebaikan dan bukan cara yang betul untuk mencapai sesuatu objektif.

5. Kematian Osama bin Laden mungkin tidak akan menamatkan operasi kumpulan Al-Qaeda. Walau bagaimanapun, kehilangan Osama bin Laden sebagai pemimpin Al-Qaeda dan sumber inspirasi akan

memberi kesan terhadap kekuatan kumpulan tersebut. Kerajaan berharap agar dunia ini akan menjadi lebih aman, selamat dan adil berikutan kematian Osama bin Laden.

6. Kerajaan Malaysia menentang segala bentuk fahaman pelampau (*extremism*) yang berlawanan dengan ajaran-ajaran agama. Pembunuhan orang awam adalah dilarang sama sekali dari segi agama, undang-undang dan ketamadunan manusia. Kita mempraktikkan *wasatiyyah* (kesederhanaan) dan menolak keganasan.

7. Mengenai soalan berhubung dengan pendirian Kerajaan terhadap tindakan negara Barat khususnya NATO yang menyerang negara berdaulat Libya pula, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) pada masa ini mengetuai operasi pelaksanaan zon larangan terbang di Libya. Kerajaan Malaysia mengambil maklum dan menghormati akan penguatkuasaan Resolusi- resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) 1970 dan 1973 terhadap Libya. Malaysia juga mengalu-alukan keputusan Majlis Keselamatan tersebut untuk melindungi orang awam.

menghalang penawaran ubat kepada rakyat. Di antara mekanisma tersebut adalah:

- **perlindungan DE selama lima tahun yang berjalan serentak dengan negara asa! bagi mempercepatkan kemasukan ubat dan produk kesihatan ke Malaysia;**
- **DE hanya untuk tanda kedua atau *second indication*, dengan izin, dan bukannya untuk perubahan yang berlaku dalam bentuk dos, kekuatan dan sebagainya;**
- **Pihak Berkuasa Kawalan Dadah atau *Drug Control Authority,* dengan izin, yang merupakan badan di bawah Kementerian Kesihatan diberi kuasa untuk membuat keputusan berhubung**

DE; dan

- **DE tidak menghalang hak Kementerian Kesihatan untuk mengeluarkan lesen wajib atau *compulsory licensing*, dengan izin, untuk tujuan kemasukan ubat dan produk kesihatan pada harga yang berpatutan ke Malaysia.**

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, Kerajaan akan memastikan kuasa dan hak Kerajaan terhadap akses kepada perubatan tidak akan terjejas bagi tujuan melindungi kesihatan awam, keselamatan negara, darurat, krisis kesihatan awam (keperluan perubatan bagi tujuan bukan komersial) atau bagi keadaan-keadaan yang sangat memerlukan yang diisytiharkan oleh Kerajaan.

Dalam memastikan akses ubat-ubatan pada harga yang berpatutan bagi rakyat, Kerajaan telah melaksanakan peraturan lesen wajib atau 'compulsory licensing', dengan izin. Dalam hal ini, Malaysia merupakan negara pertama yang melaksanakan peraturan lesen wajib seperti mana yang dipersetujui di dalam Deklarasi Doha (Mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau WTO) berhubung Perjanjian 'TRIPS and Public Health', dengan izin, pada tahun 2001. Malaysia telah melaksanakan lesen wajib tersebut pada akhir tahun 2003 untuk mengimport tiga produk farmaseutikal generik daripada India bagi merawat pesakit-pesakit AIDS.

SOALAN NO:113

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARI P ADA	**Datuk Tiong Thai King [Lanang]**
TARIKH	**16 Jun 2011 (Khamis)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

(a) bilangan lesen nelayan bot kelas C2 yang dikeluarkan mengikut angka terkini; dan

(b) jumlah subsidi minyak untuk nelayan bot kelas C2 pada tahun 2010 dan subsidi dari bulan Januari sehingga Mei 2011.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Malaysia, bilangan vesel laut dalam Zon C2 yang digunakan sehingga kini adalah sebanyak 1,462 buah.

(b) Jumlah subsidi minyak yang diberikan oleh Kerajaan kepada vesel laut dalam Zon C2 adalah seperti berikut:

Tahun	Kuantiti minyak (juta liter)
2010	168
2011 (Januari hingga Mei)	70

Soalan No : 114

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL)**

TARIKH **16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pelbagaian bantahan terhadap istilah yang dikatakan sensitif dan menyinggung perasaan kaum-kaum tertentu yang terdapat dalam Kamus Dewan dan sejauh manakah bantahan ini boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian hidup rakyat negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tujuan utama penyelenggaraan dan penerbitan Kamus Dewan adalah untuk merakamkan sedapat mungkin kata-kata serta perkembangan makna yang sentiasa bertambah dari tahun ke tahun. Di samping itu, telah dilakukan juga penambahbaikan dan pindaan-pindaan yang difikirkan wajar pada isi kandungan Kamus dewan yang sedia ada dengan harapan keseluruhan usaha ini dapat menjadikan kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka lebih kemas kini dan sempurna.

Kemajuan yang paling ketara ialah pengayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu yang terus-menerus memperbanyakkan perkataan, frasa, ungkapan dan sebagainya hasil daripada pewujudan istilah-istilah yang berkaitan dengan

bidang dan sub bidang ilmu pengetahuan yang begitu besar jumlahnya yang dapat menambah bilangan kosa kata umum.

Bagi menjaga kepentingan masyarakat pelbagai kaum dan etnik di Malaysia, dan melengkapkan Kamus Dewan sebagai kamus yang paling autentik di Malaysia buat masa kini, diputuskan agar kata yang berkaitan dengan suku kaum dan etnik, seperti kaum Cina, India, Iban, Kadazan, Oran Asli dan Dayak dijadikan kata entri dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Di samping itu takrif dan ungkapan yang menimbulkan sensitiviti dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum ditangani dengan begitu cermat agar tidak tercetus sebarang perkara yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, bantahan ini tidak menjejaskan perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini. Dengan penerangan yang mencukupi dan sokongan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain, terutamanya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, perkara ini dapat dijelaskan. Perkara tersebut tidak sewajarnya dipolemikkan dan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan wajar disisipkan dalam konteks gagasan 1 Malaysia.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARI PAD A :Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN UJANG [SIBUTI]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH : 16/06/2011

11%

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN UJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah program Skim Rumah Pertama dibuka kepada masyarakat luar bandar yang memenuhi syarat kelayakan memohon skim SKP ini untuk memohon pinjaman bagi membina rumah pertama memandangkan ketiadaan pemaju yang membina rumah di kawasan pinggir bandar dan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Sibuti.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibuti yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Parit Buntar yang dijadualkan pada 21, 22, 23 dan 27 Jun 2011, memandangkan kelapan-lapan pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampirsama.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan

Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skim Rumah Pertamaku ini adalah bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan dapat membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah dan ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

3. Melalui skim ini, Kerajaan akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Contohnya, jika sekiranya seorang peminjam mendapat pembiayaan 100%, Kerajaan akan menjamin sebanyak 10% daripada pembiayaan berkenaan. Selain itu, skim ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat yang berusia dibawah umur 35 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Setakat ini, Skim Rumah Pertamaku hanya dibenarkan untuk pembelian kediaman yang dibina oleh syarikat pemaju sahaja di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Skim ini juga bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 sehingga RM220,000 layak diberikan pembiayaan perumahan.

4. P
ada masa ini, nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah kurang daripada RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan. Bagi peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1,000 sebulan berdasarkan syarat bahawa bayaran balik pinjaman perumahan adalah di hadkan tidak melebihi 1/3 daripada pendapatan. Berdasarkan kadar faedah semasa, dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun, jumlah pembiayaan maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220 ribu. Walau bagaimanapun, pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat.

5. S
elain itu, bagi menjayakan skim ini serta membantu meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan turut mengambil inisiatif-inisiatif lain. Antaranya ialah mengecualikan duti

setem sebanyak 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah pertama dan surat cara pindah milik bagi kediaman bernilai di bawah RM350 ribu.

6. Bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. SPNB telah mengenal pasti 7 lokasi di Lembah Klang yang berpotensi untuk pembinaan rumah-rumah dibawah kategori harga antara RM100 ribu hingga RM220 ribu.

7. Kerajaan juga, melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100 ribu ke RM200 ribu di kawasan bandar. Selain itu, penawaran rumah mampu milik juga telah meningkat dalam Suku Pertama 2011 dengan pembinaan unit rumah kos rendah, flat kos rendah serta kondominium dan apartmen, masing-masing meningkat sebanyak 180.6%, 265.9% dan 52.1%. Ini menunjukkan bahawa sentimen pemaju adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi.

Tuan Yang Di-Pertua,

8. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir April 2011, sejumlah 772 permohonan telah diterima untuk mendapatkan jaminan dibawah skim ini. Daripada jumlah itu, sejumlah 143 permohonan telah diluluskan, 254 permohonan telah ditolak dan selebihnya masih lagi sedang diproses oleh pihak institusi kewangan. Sebahagian besar permohonan yang ditolak adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang tidak mencukupi serta nisbah khidmat hutang *{debt service coverage ratio)* yang tinggi. Selain itu, terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan oleh pemohon didapati mempunyai keupayaan untuk meminjam tanpa bantuan skim serta terdapat juga pemohon yang tidak memenuhi kriteria asas skim iaitu umur melebihi 35 tahun dan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Sebahagian besar pinjaman yang telah diberikan jaminan adalah bagi pembelian kediaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARI PADA **DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

[SUNGAI SIPUT]

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN **3711**

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan penyiasatan terhadap kematian Muhammad Hanafi b. Omar KP 880405-08-6577 yang ditembak mati oleh Polis DiRaja Malaysia pada 13hb November 2010 di Subang, Selangor. Apakah tindakan yang sedang diambil untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam melaksanakan tugas pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sering terdedah kepada tindak balas penjenayah yang akan sentiasa berusaha untuk memboloskan diri dengan apa jua cara, walaupun terpaksa mencabar dan

menyerang balas anggota polis yang cuba menahan mereka. Kadangkala apabila anggota polis diserang dengan senjata yang berbahaya menyebabkan pihak polis terpaksa bertindak untuk mempertahankan diri, situasi seperti ini akan membawa kepada kejadian tembak- menembak.

Tindakan ini adalah selaras dengan hak mempertahankan diri di bawah Seksyen 100 dan 103 Kanun Keseksaan. Dalam kejadian kes tembakan yang berlaku pada 13 November 2010 di Bukit Jelutong, Glenmarie Shah Alam, tiga saspek kes samun iaitu Mohd Hanafi Bin Omar dan dua rakannya telah ditembak mati. Walau bagaimanapun, kes ini masih lagi dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kes seumpama ini akan disiasat dengan rapi dan jika terdapat kecuaian atau salah laku anggota polis, pihak PDRM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pegawai atau anggota berkenaan termasuk mendakwa mereka di Mahkamah jika jelas terbukti kesalahan mereka. Sebagai contoh ini dapat dilihat dalam kes Tony Beling di Taman Tasik Selatan,Cheras dan yang terbaru kes tembakan ke atas Amirul Rashid Azam di Shah Alam, Selangor di mana anggota-anggota polis yang terlibat telah didakwa di atas kecuaian mereka.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN . LISAN

DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

TARIKH : 16 Jun 2011 (Khamis)

SOALAN : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah nelayan seperti berikut:-

(a) nelayan-nelayan tidak menerima wang subsidi sebanyak RM200.00 secara berterusan; dan

(b) wang subsidi sebanyak 10 sen sekilo tangkapan laut tidak diberikan mengikut jumlah tangkapan yang telah dikemukakan oleh nelayan-nelayan.

JAWAPAN . Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

SOALAN NO: 117

(a) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah berusaha untuk memastikan agar nelayan menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan secara berterusan. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. memberi peringatan kepada nelayan melalui poster yang dipamerkan di Pengkalan Nelayan, Pusat Pendaratan dan perkampungan nelayan;

ii. memberi penerangan dan peringatan kepada nelayan di majlis penyampaian elaun sara hidup secara tunai agar memperbaharui syarat-syarat kelayakan mereka seperti lesen vesel, kad nelayan dan kad e-Diesel 3 bulan sebelum tamat tempoh dokumen berkenaan;

iii. menjadikan Persatuan Nelayan Kawasan yang terdekat sebagai tempat nelayan mengemukakan permohonan baru dan proses pembaharuan; dan

iv. memberi kata laluan kepada Persatuan Nelayan Kawasan untuk mengakses sistem elaun sara hidup yang membolehkan mereka membuat semakan tempoh sah elaun sara hidup ahli-ahli mereka 3 bulan sebelum tamat tempohnya.

Setakat ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membuat pembayaran Insentif Tangkapan Ikan sebanyak RM0.10 sekilogram berdasarkan kepada jumlah tangkapan yang di isytiharkan oleh nelayan. Walau bagaimanapun, jumlah insentif tangkapan ini adalah tertakluk kepada had maksimum yang boleh dibayar kepada nelayan iaitu mengikut kategori vesel.

Had maksimum insentif tangkapan ikan mengikut kategori vesel adalah seperti berikut:

JENIS	**Kadar Insentif (RM)/Kilogram**	**Jumlah Kadar Bayaran Maksimum**
Vesel Tradisi Enjin Sangkut	0.10	RM150.00 sebulan atau 1,500 kilogram
Vesel Tradisi Enjin Dalam	0.10	RM350.00 sebulan atau 3,500 kilogram
Vesel Komersial Zon B	0.10	RM750.00 sebulan atau 7,500 kilogram

Vesel Komersial Zon C	0.10	RM1,500.00 sebulan atau 15,000 kilogram
Vesel Komersial Zon C2	0.10	RM2,500.00 sebulan atau 25,000 kilogram (Sebelum 1/6/2011)
	0.20	RM5,000.00 sebulan atau 25,000 kilogram (Dibayar mulai 1/6/2011)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **Y.B TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Y.B Tan Sri Dato' Abd. Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Malaysia jatuh dalam Senarai Indeks Kebebasan Ekonomi Sedunia daripada tangga ke-68 pada tahun 2009 kepada 77 pada tahun 2010. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan Malaysia tidak dilihat sebagai negara yang mempraktikan kebebasan ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan senarai Indeks Kebebasan Ekonomi Sedunia (IKES) yang diterbitkan oleh *The Fraser Institute* 2010, sebenarnya tahun rujukan ialah 2007 dan 2008 dan bukan tahun 2009 dan 2010 sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada tahun 2008, Malaysia jatuh tangga ke-77 daripada 144 negara dengan purata rating 6.72. Kedudukan ini adalah berdasarkan kepada purata pencapaian rating yang diukur daripada 0 hingga 10 di mana 10 bermakna paling bebas dan 0 sebaliknya.

IKES yang dibangunkan berdasarkan 5 faktor utama iaitu pertama, saiz kerajaan (5.95); kedua. struktur perundangan dan keselamatan hak milik (6.24); ketiga, akses kepada kewangan (6.58); keempat. kebebasan untuk berdagang di antarabangsa (7.26); dan kelima. regulasi terhadap kredit, tenaga kerja dan perniagaan (7.55).

Berdasarkan kepada laporan tersebut, antara faktor yang menyumbang kepada kejatuhan kedudukan Malaysia adalah struktur perundangan dan keselamatan hak milik yang mana rating baginya telah jatuh daripada 6.92 pada tahun 2007 kepada 6.24 pada tahun 2008. Antara kriteria yang menyumbang kepada kejatuhan ini adalah kebebasan kehakiman (6.09 kepada 5.34), *Impartial Courts* (6.98 kepada 5.49) dan perlindungan terhadap pemilikan harta (7.43 kepada 7.02). Data tersebut adalah berdasarkan sumber *World Economic Forum, Global Competitiveness Report* yang menggunakan data kualitatif melalui penyiasatan dan pendapat responden.

Faktor lain yang menyumbang kepada kejatuhan rating adalah akses kepada kewangan di kedudukan ke-113 dengan rating 6.58 berbanding 6.78 tahun sebelumnya. Namun penemuan ini adalah bercanggah dengan rating Laporan *Cost of Doing Business,* Bank Dunia yang mana kita berada di kedudukan pertama daripada sejumlah 183 negara dalam sub-kategori *"Getting Credit'.* Salah satu daripada kriteria yang menyumbang kepada kejatuhan rating bagi akses kepada kewangan adalah kebebasan untuk memiliki akaun dalam mata wang asing di mana kita diberi rating 0. Perkara ini adalah tidak benar kerana Malaysia membenarkan rakyat untuk membuka akaun *Foreign Currency Account* (FCA) dengan Bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen dan Bank di Luar Negara yang berlesen. Sehubungan ini, saya berpendapat bahawa kedudukan rating yang diberikan oleh *The Fraser Institute* adalah amat mengelirukan dan tidak tepat.

SOALAN NO.iiM } *ta*

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH : 16 JUN2011

SOALAN:

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibelanjakan mengikut Kementerian bagi melaksanakan program-program Kerajaan di Sarawak sepanjang tempoh berlangsungnya Pilihan raya Negeri dan nyatakan apakah jumlah perbelanjaan itu terkandung di dalam bajet.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SOALAN NO.122

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **anggaran kos perbelanjaan SPR** bagi PRU Ke-10 DUN Sarawak adalah RM50 juta.

Manakala bagi kementerian-kementerian lain jumlah perbelanjaan mereka adalah mengikut anggaran bajet yang telah ditetapkan oleh kementerian/agensi masing-masing.

Perlu dijelaskan bahawa dalam melaksanakan suatu acara yang besar seperti PRK, sudah pasti ia melibatkan perbelanjaan kewangan yang besar bagi menampung setiap kos perbelanjaan dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan. Ini kerana acara seperti ini melibatkan banyak perkara seperti pengangkutan, tempat tinggal, makanan serta minuman dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN

/2a

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. TUAN MAN IKAVAS AG AM A/L SUNDARAM [KAPAR]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH : 16/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen khas kepada car repossessor untuk mengawal mereka daripada menidas peminjam; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap bank sekiranya terdapat kebocoran maklumat peminjam yang menyebabkan peminjam diperdaya oleh repossessor untuk kepentingan mereka.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010, hanya ejen penarik yang mempunyai permit daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dibenarkan untuk menarik semula kenderaan daripada peminjam. Sekiranya ejen tersebut didapati melanggar peraturan yang ditetapkan, seperti menindas peminjam dan sebagainya, KPDNKK akan membatalkan permit tersebut. Dalam hal ini, institusi kewangan dikehendaki memastikan ejen yang dilantik mempunyai permit untuk menjalankan penarikan semula kenderaan. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan di bawah Akta tersebut.

2. Institusi perbankan dibenarkan untuk melantik ejen penarik kenderaan dalam proses mendapatkan bayaran balik pinjaman yang tertunggak daripada peminjam-peminjam. Lazimnya, terma dan syarat di bawah perjanjian sewa beli menetapkan bahawa institusi perbankan boleh mendedahkan maklumat berhubung akaun peminjam kepada ejen penarik yang dilantik untuk tujuan menarik semula kenderaan

apabila peminjam gagal membayar dua ansuran berturut-turut seperti yang ditetapkan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan pengguna, Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010 menetapkan bahawa sekiranya peminjam telah membuat pembayaran melebihi 75% daripada jumlah pembiayaan, institusi perbankan perlu mendapatkan perintah mahkamah sebelum menarik semula kenderaan terbabit.

3. Bagi tujuan penarikan kenderaan, institusi perbankan hanya dibenarkan untuk mendedahkan maklumat yang berkenaan sahaja kepada ejen penarik dan perlu memastikan ejen tersebut tidak menyalahgunakan maklumat peminjam terbabit. Sehubungan itu, institusi perbankan dan ejennya dikehendaki supaya mematuhi peruntukan kerahsiaan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (ABIK) pada setiap masa. Sekiranya terdapat sebarang kes bersabit ketidakpatuhan kerahsiaan perbankan di mana institusi perbankan didapati mendedahkan maklumat selain daripada yang dibenarkan bagi tujuan penarikan semula kenderaan, tindakan undang-undang di bawah ABIK boleh dikenakan terhadap institusi perbankan dan ejen terbabit.

4. Peminjam yang mendapati maklumat mereka dibocorkan adalah disarankan supaya melaporkan kejadian tersebut terus kepada Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)
Tingkat Bawah, Blok D,
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-26988044 sambungan 8950 / 8958 (Talian am BNMLINK)

BNMTELELINK
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN **NO. 121**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bahawa memandangkan tiada kesinambungan ketara dalam kegiatan mempromosikan bidang kajian Melayu di European Chair for Malay Studies sesudah pelopornya Professor Dr Salleh Yaapar bersara dari tempat asalnya di Leiden University, sama ada Kerajaan bercadang untuk memindahkan Chair tersebut ke sebuah universiti di Frankfurt untuk menghidupkan semula kegiatan ilmiah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian bagi mewujudkan Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Universiti Leiden telah dimeterai pada tahun 1992 di antara Kerajaan Malaysia dengan *The International Institute for Asian Studies* (HAS), Universiti Leiden, Belanda dan telah tamat tempohnya pada 27 Februari 2009. Rundingan untuk meneruskan perjanjian tersebut telah tertangguh selama lebih satu tahun berikutan penstrukturan semula organisasi *International Institute of Asian Studies* (HAS).

Rundingan baru bagi mengekalkan Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Universiti Leiden memerlukan lebih masa kerana beberapa perubahan dan penambahbaikan perlu dilakukan agar selaras dengan perubahan masa dan struktur pentadbiran *The International Institute for Asian Studies* (HAS).

Kementerian pernah menerima cadangan daripada sebuah universiti di Frankfurt agar Kursi tersebut dipindahkan. Walaubagaimana pun, semasa cadangan diterima, perjanjian penubuhan Kursi di Leiden masih lagi terpakai dan penubuhan sebuah lagi Kursi di Frankfurt didapati kurang sesuai pada masa itu.

SOALAN NO : 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA:	**LISAN** **DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI** **[TITIWANGSA]**
TARIKH	**16 JUN 2011**

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menutup terus kilang-kilang yang menjual makanan sampah *(junk food)* yang langsung tidak memberi manfaat dari segi nutrisi rakyat Malaysia terutama anak-anak yang sedang membesar

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 11, Akta Makanan 1983 hanya memperuntukkan kuasa kepada Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mengarahkan penutupan serta-merta tidak melebihi empat belas (14) hari mana-mana premis makanan yang tidak suci. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan tidak boleh sewenang-wenangnya mengarahkan penutupan mana-mana premis makanan, termasuk kilang makanan, atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan di bawah Seksyen 11 tersebut.

Pada tahun 2010, sejumlah 101,802 premis makanan telah diperiksa dan 4.3% (4,370) telah ditutup di bawah Seksyen 11 tersebut. 2.8% (2,879) daripada premis makanan yang diperiksa adalah kilang dan 3.2% (92) telah ditutup di bawah seksyen yang sama.

Di samping itu, di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyediakan atau menjual makanan yang mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan. Pada tahun 2010, seramai 492 orang pengusaha makanan telah dikenakan denda berjumlah RM727,260.00 kerana melanggar pelbagai peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumat berhubung sesuatu makanan yang disyaki mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan hendaklah disalurkan melalui Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman web http://fsa.moh.aov.mv.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

SOALAN NO.124

TARIKH **16 JUN 2011**

SOALAN:

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan terperinci pelaksanaan sistem 'undi awal' apakah proses pengiraan undi akan dibuat terus setelah proses pengundian selesai kalau tidak kenapa.

SOALAN NO.123

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR mengesyorkan tentang keperluan mengkaji kaedah pengundian awal sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan sistem pengundian pilihan raya, yang bertujuan untuk membolehkan pemilih yang layak mengundi lebih awal.

Pada masa ini, mengikut peruntukan Undang-undang yang diguna pakai, anggota-angota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Pasukan Gerakan Am Polis Di-Raja Malaysia (PGA-PDRM) selain pelajar dan pegawai kerajaan yang berada di luar Negara serta pasangan masing-masing, mengundi secara pos. Bagaimanapun, pada Pilihan Raya Umum akan datang, jika dapat dilaksanakan. SPR mencadangkan agar kaedah pengundian pos akan hanva diauna pakai untuk anggota keselamatan yang bertuaas di perbatasan selain di luar Negara.

SOALAN NO.123

Sementara kemudahan diberikan kepada anggota keselamatan yang tidak terlibat bertugas di luar Negara dan di perbatasan untuk mengundi dua hari atau tiga hari sebelum Hari Mengundi dan diialankan seperti pengundian biasa yang mana penggunaan borang khas untuk undi pos tidak perlu digunakan lagi. Manakala proses pengundiannya pula akan dilaksanakan di mana-mana pusat mengundi yang akan ditentukan oleh SPR, berhampiran dengan kem-kem bagi tentera bagi ATM; atau Ibu Pejabat Polis Kontinjen, atau Ibu Pejabat Polis Daerah bagi PDRM dan akan dikendalikan oleh petugas-petugas yang akan dilantik oleh SPR dengan dibantu oleh anggota ATM dan PDRM.

Ketika ini SPR masih mengkaii secara terperinci kaedah dan proses serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sistem itu dan akan mengemukakan cadangan pelaksanaan sistem itu setelah kajian mengenainya dapat dimuktamadkan di peringkat SPR.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 124

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PERTANYAAN	LISAN
TARIKH		Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG) 16.06.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan Sekolah Tamil yang sekarang ada di kawasan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sg Buloh/Kota Damansara akan ditutup sama sekali atau akan dialih ke tapak lain dan adakah tapak gantian itu telah dikenalpasti dan apakah lokasi tapak gantian dan bila akan dialih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua jenis sekolah di seluruh negara. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah semakan dibuat didapati hanya terdapat sebuah SJKT di kawasan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buluh/Kota Damansara iaitu SJKT RRI Sungai Buloh yang berstatus Sekolah

Bantuan Kerajaan (SBK). Walau bagaimanapun, sebarang urusan penutupan, pencarian tapak gantian atau urusan perpindahan ke tapak lain adalah di bawah tanggungjawab pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu sendiri. Pihak PIBG boleh mengemukakan permohonan kepada KPM dan perkara ini akan diteliti secara *case by case* sebelum mendapat persetujuan YAB Menteri Pelajaran untuk tindakan selanjutnya.

Rjm 42

SOALAN NO: 125

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN Lisan

DARIPADA Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin)

TARIKH 16 Jun 2011

SOALAN Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI menyatakan kedudukan keselamatan makanan negara dan dunia terkini dan usaha memampankan bekalannya

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi bekalan makanan pengeluaran sektor agromakanan negara dijangka meningkat sebanyak 3.7% daripada 7.58 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 7.87 juta tan metrik pada tahun 2011. Peningkatan bekalan sektor agromakanan tiga (3) subsektor-subsektor utama ialah:

i. subsektor tanaman yang terdiri daripada komoditi beras, buah-buahan dan sayur-sayuran sebanyak 3.9% daripada 4.1 juta tan metrik (2010) kepada 4.2 juta tan metrik (2011);

ii. subsektor ternakan yang terdiri daripada komoditi daging lembu/kerbau, daging kambing/bebiri, daging ayam/itik, daging khinzir, telur dan susu sebanyak 3.3% daripada 2.19 juta tan metrik (2010) kepada 2.26 juta tan metrik (2011); dan

iii. subsektor perikanan yang terdiri daripada perikanan laut dan akuakultur sebanyak 3.9% daripada 1.33 juta tan metrik (2010) kepada 1.39 juta tan metrik (2011).

Berdasarkan kepada status pencapaian pengeluaran komoditi-komoditi makanan utama ini, terdapat empat (4) komoditi makanan yang dijangka mencapai tahap sara diri yang mencukupi bagi menampung permintaan dan keperluan domestik pada tahun 2011 iaitu daging ayam/itik (100.5%), daging khinzir (128.1%), telur ayam/itik (117.7%) dan ikan makanan (101.7%).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa komoditi makanan utama yang mengalami tahap sara diri yang tidak mencukupi berikutan faktor ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik seperti beras (72.2%), sayur-sayuran (66.3%), buah-buahan (43.5%), daging lembu/kerbau (29.0%), daging kambing/bebiri (11.3%) dan susu (5.0%).

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agromakanan bagi tempoh 2011-2020 di mana beberapa strategi dan langkah

SOALAN NO: 127

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

telah dikenal pasti dalam mengatasi kekurangan bekalan makanan seperti:

(i) meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;

(ii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;

(iii) membangunkan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan;

(iv) menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka;dan

(v) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi.

NO. AUM : J^ST t

NO. AUP : *[y^*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**
DARIPADA	**16 JUN 2011**
TARIKH	**3712**
RUJUKAN LISAN	

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek ke Mahkamah sejak tahun 2007 setelah beliau sendiri mengaku merupakan pelakon dalam video lucah yang dikaitkan dengan beliau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kertas siasatan masih dalam penyiasatan pihak PDRM kerana setelah siasatan awal selesai dijalankan dan dirujuk kepada pihak Peguam Negara, pihak Peguam Negara mengarahkan supaya siasatan lanjut dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang secukupnya dan ianya akan dirujuk semula kepada Pejabat Peguam Negara.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B.TUAN WONG HO LENG**

(SIBU)

TARIKH **16.6.2011**

SOALAN **127**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah kemajuan dalam menyalurkan bekalan elektrik dan air ke kawasan luar bandar di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua,

Sehingga 31 Mei 2011, Kementerian telah berjaya menyiapkan penyambungan bekalan elektrik kepada 1,950 buah rumah di Sarawak. Kementerian

mengunjurkan bahawa pada akhir tahun 2011, sejumlah 19,842 rumah tambahan lagi akan menerima kemudahan bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak. Dengan pelaksanaan projek ini, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak akan mencapai 79.2% pada akhir tahun 2011 dan Kementerian yakin bahawa sasaran untuk mencapai liputan 95% pada akhir tahun 2012 akan dapat dicapai.

Bagi penyambungan bekalan air pula, Kementerian sehingga 31 Mei 2011 telah siap melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan air kepada 2,321 buah rumah di kawasan luar bandar Sarawak. Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah 10,703 rumah tambahan lagi akan menerima kemudahan bekalan air di negeri Sarawak dan pertambahan ini akan meningkatkan liputan bekalan air kepada 79% di kawasan luar bandar Sarawak.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]

NO SOALAN i^StT

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH :16/06/2011

SOALAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah polisi penggunaan khidmat Air Asia oleh penjawat awam tidak akan menjejaskan syarikat penerbangan nasional negara, MAS.

JAWAPAN DI LULUS KAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan mengenai penggunaan sistem penerbangan selain daripada MAS untuk penerbangan domestik oleh penjawat awam telah dilaksanakan mulai 11 Ogos 1998. Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 1 Februari2008, Kerajaan telah memutuskan supaya penjawat awam juga diberi pilihan untuk menggunakan sama ada MAS atau AirAsia bagi tugas rasmi ke luar negara. Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira bahawa Air Asia juga merupakan syarikat penerbangan Malaysia yang menawarkan perkhidmatan penerbangan ke beberapa destinasi luar negara.

Polisi berkaitan penggunaan syarikat penerbangan selain MAS oleh penjawat awam sememangnya memberi implikasi kepada MAS dari segi kutipan hasil terutamanya bagi laluan domestik. Bagaimanapun, MAS sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dengan memberi nilai tambah ke atas perkhidmatan yang ditawarkan kepada agensi-agensi Kerajaan termasuk pengecualian penalti bagi pertukaran penerbangan, harga tiket penerbangan yang

kompetitif, menaik taraf kelas penerbangan dan sebagainya. Dengan ini, MAS dijangka akan dapat terus mengekalkan prestasi perkhidmatannya walaupun terdapat persaingan daripada AirAsia memandangkan MAS dan AirAsia mempunyai model perniagaan, dengan izin *business model* yang berbeza.

SOALAN NO. 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

(KUANTAN)

TARIKH 16 JUN2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah sebanyak 6 buah Kementerian dan 25 jabatan Kerajaan Persekutuan yang masih belum menyediakan kemudahan TASKA di tempat kerja (TTK) danbilakah sasaran semua Kementerian dan jabatan mempunyai kemudahan TASKA akan tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menjalankan kajian bagi mengumpul maklumat mengenai penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam di kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan. Kajian ini telah dijalankan dari bulan Oktober hingga bulan Disember 2009 yang melibatkan 25 buah kementerian dan 52 buah jabatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 19 buah kementerian dan 27 jabatan Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan TASKA di tempat kerja. Manakala 6 buah kementerian dan 25 jabatan Kerajaan Persekutuan masih lagi belum menubuhkan TASKA. Enam buah kementerian yang belum mempunyai TASKA adalah atas

sebab-sebab berikut:

i) Kementerian Pelancongan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan berpindah ke Putrajaya dan telah menyediakan kemudahan TASKA di bangunan baru;

ii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memperuntukkan ruangan untuk TASKA dalam bangunan baru kementerian;

iii) Kementerian Wilayah Persekutuan sedang dalam proses menubuhkan TASKA; dan

iv) Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pula menggunakan kemudahan TASKA secara berkongsi dengan Kementerian Dalam Negeri.

Secara umumnya, antara faktor yang menyebabkan jabatan Kerajaan Persekutuan

tidak dapat menubuhkan TASKA ialah:

i) masalah ruang pejabat yang terhad;

ii) menggunakan TASKA kementerian lain yang berdekatan;
iii) sesetengah pegawai menghantar anak-anak mereka ke TASKA swasta;
iv) ruang pejabat yang disewa dikongsi dengan organisasi lain. Oleh itu, sukar untuk mendapatkan ruang khas bagi menubuhkan TASKA; dan

v) tidak ramai kakitangan yang memerlukan TASKA. Keadaan ini menjadikan penubuhan TASKA tidak ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan penubuhan TASKA di peringkat kementerian atau agensi Kerajaan. Antaranya, pemberian insentif dalam bentuk geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada setiap kementerian. Kerajaan juga menyediakan subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan dan menghantar anak mereka ke TASKA di tempat kerja sektor awam. Pemberian inisiatif ini jelas menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan Kerajaan terhadap penyediaan kemudahan penjagaan anak terhadap penjawat awam.

NO. SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi membiayai delegasi isteri Perdana Menteri yang melawat ke Turki baru-baru ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan bagi Isteri Perdana Menteri dan beberapa pegawai yang berkaitan untuk menghadiri Sidang Kemuncak Wanita Global 2011 di Turki adalah **RM108,010.**

Manakala, kos bagi ahli delegasi lain yang meliputi usahawan- usahawan wanita adalah di atas pembiayaan sendiri.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 131

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	**LISAN** **Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU)**
TARIKH	**16.06.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO* SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta Menteri Pelajaran menyatakan selain iklan-iklan di suratkhabar yang menawarkan kursus vokasional untuk menyambung pelajaran, apakah pendekatan lain dilaksanakan untuk menyedari golongan yang kurang cemerlang dibidang akademik supaya menyertai di bidang vokasional dan teknikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan semua murid menceburi bidang vokasional selaras dengan dasar Memperkasakan Pendidikan Vokasional dan Kemahiran. Dasar ini bermatlamat untuk mengoptimumkan potensi setiap murid mengikut tahap pencapaian mereka termasuklah murid-murid yang kurang cenderung kepada akademik serta murid berkeperluan khas. Usaha ini akan membantu mempercepatkan proses melahirkan tenaga mahir negara selari dengan dasar Model Baru Ekonomi (MBE). Untuk merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dan akan melaksanakan pelbagai strategi, yang di antaranya termasuklah menjadikan pendidikan Teknik, Vokasional dan Kemahiran **(Pendidikan** *Voctech)* sebagai pendidikan arus perdana.

Selain itu , bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang tidak mendapat keputusan yang memberangsangkan dalam SPM turut digalakkan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang teknikal melalui panduan kerjaya untuk para pelajar yang ingin mendapatkan latihan lanjutan melalui Kolej Komuniti, Institut kemahiran MARA, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Swasta yang lain.

Rjm 43

No. Soalan : / 3
PR-1242-L44384

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]**
TARIKH	**16 JUN 2011**
SOALAN	**YB Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara kerana menjadi keldai dadah dan mengapakah perkara tersebut terus berlaku walaupun pelbagai nasihat telah diberikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus di atas soalan yang dikemukakan.

2. Jumlah terkumpul rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan berkaitan dadah setakat **31 Mei 2011** adalah seramai **848 orang.**

Tuan Yang di-Pertua,

3. Penglibatan rakyat Malaysia dalam sindiket keldai dadah adalah sebahagian besarnya disebabkan diperdayakan oleh sindiket, keperluan kewangan serta memburu kemewahan.

4. Kementerian Luar Negeri memandang serius masalah rakyat Malaysia yang dijadikan keldai dadah *(Drug Mule).* Kementerian akan berterusan menjalankan kempen-kempen kesedaran melalui hebahan portal Kementerian Luar Negeri, media massa dan ceramah-ceramah di peringkat IPTA/IPTS. Ceramah-ceramah dilakukan dengan kerjasama PEMADAM serta agensi-agensi lain seperti Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK), Narkotik PDRM, Kementerian Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk merangka program kesedaran kepada rakyat Malaysia berkenaan masalah keldai dadah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH 16 JUN2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan tanah Kerajaan bekas kuarters di Jalan Imbi, Kuala Lumpur seluas 105 ekar dan bagaimanakah tanah tersebut diagihkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tanah kerajaan yang telahpun dipindah milik kepada 1MDB untuk projek hartanah strategik Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD) adalah seluas 75 ekar, yang mana sebahagian daripadanya merangkumi tanah bekas kuarters kerajaan di Jalan Imbi.

2. Tanah kuarters tersebut selebihnya adalah milik kerajaan dan pada masa ini, ianya masih lagi dinilai bagi tujuan rancangan pembangunan seterusnya.

NO. AUM : *k*

NO. AUP : I \ If

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]**

TARIKH **16 JUN 2011**

RUJUKAN : 3713

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [**Seremban**] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah di kawasan Parlimen Seremban dari 1.1.2009 sehingga 31.12.2009

(a) berapa banyakkah pusat hiburan haram yang berjaya diserbu oleh pihak polis di kesemua 6 kawasan DUN dalam Kawasan Parlimen Seremban; dan

(b) berapa ramaikah yang ditahan, didakwa di mahkamah dan juga berapa ramaikah yang dibebaskan dari tuduhan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2009 sebanyak 5,103 kes jenayah telah dilaporkan di daerah Seremban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiada pusat hiburan haram yang beroperasi didalam kawasan Parlimen Seremban. Kesemua pusat hiburan yang beroperasi di dalam kawasan tersebut beroperasi dengan lesen. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 607 operasi serbuan telah dijalankan di kawasan tersebut. Daripada operasi yang dijalankan seramai 364 orang telah ditangkap oleh pihak polis. Walaubagaimanapun, seramai 327 telah dibebaskan dan seramai 37 orang telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan diusir keluar dari Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	**16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan kegunaan

tenaga solar di Malaysia dan menyatakan dasar penggunaan tenaga solar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mula menggalakkan pembangunan sistem solar yang bersambung ke grid melalui pelaksanaan projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV). Projek ini merupakan kerjasama antara Kementerian dengan *United Nations Development Programme* (UNDP). Projek MBIPV telah dilaksanakan daripada tahun 2005 dan telah tamat pada 31 Mei 2011. Projek ini bertujuan menggalakkan penggunaan sistem solar pada bangunan secara lestari disamping menurunkan harga sistem solar tersebut melalui peningkatan permintaan agar pengguna lebih reseptif terhadap penggunaan sistem solar untuk menjana tenaga elektrik.

Sasaran yang telah ditetapkan di bawah Projek MBIPV adalah kapasiti tenaga solar bersambung ke grid sebanyak 1.5MW dan sehingga 31 Mei 2011, projek ini telah berjaya mencapai kapasiti sebanyak 2.5MW. Selain itu, pelaksanaan projek ini juga telah berjaya menurunkan kos sistem BIPV sebanyak 39% daripada harga *baseline* iaitu RM31,000 per *kilowatt peak* kepada RM19.121 per *kilowatt peak.*

Bagi menjamin kesinambungan pembangunan tenaga solar serta tenaga boleh baharu yang lain, Kementerian akan melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) melalui penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 yang telah diluluskan di Dewan Negara pada 27 April 2011 yang lalu.

Selain itu, inisiatif pembangunan tenaga solar juga telah dikenal pasti untuk dilaksanakan

melalui, dengan izin *Entry Point Project 10* (EPP-10) di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP) / *National Key Economic Areas* (NKEA). Melalui pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini, adalah dijangkakan bahawa penjanaan elektrik daripada tenaga solar akan meningkat kepada 46MW pada tahun 2012 dan seterusnya 1250MW pada tahun 2020.

Kerajaan amat serius dalam usaha membangunkan tenaga boleh baharu di negara ini yang termasuk tenaga solar, biomas, biogas dan Iain-lain sumber tenaga boleh baharu. la amat penting bagi mewujudkan sektor tenaga yang mampan dengan sumber tenaga yang pelbagai. la merupakan salah satu langkah mencapai objektif *energy security* serta bagi membantu meningkatkan ekonomi negara dengan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan yang baru.

W'J

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATO* SRI ONG TEE KEAT**

TARIKH **16 JUN 2011 (KHAMIS)**

SOALAN **NO. 136**

Dato[4] Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelatih-pelatih Tabib Cina ramainya terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus ketabiban Cina secara separa masa di akademi-akademi ketabiban Cina yang telah lama wujud. Apakah akademi berkenaan telah dikehendaki untuk berdaftar sebagai IPTS yang tidak boleh menawarkan kursus separa masa seperti sediakala. Jika ya, setakat ini berapa akademi yang telah berdaftar dan berapa pula pelatih tabib dijangka akan terjejas pembelajarannya berikutan penguatkuasaan dasar itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan akademi-akademi ketabiban Cina yang wujud di negara ini berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan bukan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Walaubagaimanapun, jika sesebuah akademi/institusi menawarkan kursus

berbentuk akademik dan mengeluarkan sijil, diploma atau ijazah, maka akademi/institusi tersebut diwajibkan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan terikat dengan Akta Pendidikan Tinggi Swasta Tahun 1996 (Akta 555). Kualiti kurikulum dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan dipantau oleh Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kursus-kursus boleh dikendalikan secara sepenuh masa atau separuh masa setelah mendapat kelulusan Kementerian.

Sehingga April 2011, terdapat 9 institusi ketabiban cina yang telah diluluskan dan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Akademi/institusi yang tidak memenuhi kriteria penubuhan kolej dinasihatkan bergabung dengan akademi yang diiktiraf oleh Kementerian bagi memastikan pembelajaran pelatih-pelatih tabib tidak terjejas.

NO. AUM : 143

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH : 16 JUN 2011

RUJUKAN 3714

SOALAN:

Dato* Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berhubung dengan tindakan Kerajaan untuk menangani individu dan kumpulan yang mempermainkan isu-isu sensitif seperti perkauman dan agama yang boleh menggugat kestabilan dan keselamatan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Pasir Salak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana individu dan kumpulan yang mempermainkan isu-isu sensitif seperti perkauman dan agama yang boleh menggugat kestabilan dan keselamatan negara.

SOALAN NO. 138

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah wujud suatu polisi kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam program-program pemberdayaan dan pembangunan masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya wujud kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha pemerkasaan dan pembangunan masyarakat setempat melalui pelaksanaan dasar-dasar dan pelan tindakan mengikut kumpulan sasar Kementerian seperti golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak.

Antara inisiatif yang telah dimulakan antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut:

Menyediakan Indeks Reka Bentuk Sejagat *[Universal Design Index (UDI)]* oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (sebuah jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU) yang dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan turut diwakili oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Indeks Reka Bentuk Sejagat ini diwujudkan untuk memudahkan para arkitek, jurutera dan juru perancang dalam mengguna, merujuk dan membuat semakan atau penilaian terhadap tahap aksesibiliti sesebuah bangunan dan kawasan awam menggunakan aplikasi reka bentuk sejagat yang boleh dimanfaatkan bersama oleh golongan OKU, warga emas, wanita hamil dan juga kanak-kanak. Draf awal Indeks Reka Bentuk Sejagat telah disediakan dan sedang ditambah baik sebelum disahkan dan diterima pakai oleh badan-badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);

(i) Membuat kajian semula Standard Malaysia berkaitan akses OKU kepada bangunan dan persekitaran di luar bangunan dengan mengambil kira reka bentuk sejagat dalam setiap

kemudahan yang disediakan. Kajian semula ini dilakukan oleh pihak SIRIM Berhad, para profesional dan pegawai-pegawai dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

(ii) Melaksanakan modul latihan audit akses yang disediakan oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina yang turut dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada mereka yang terlibat dalam menjalankan audit akses terutamanya ke atas bangunan sedia ada di seluruh negara telah. Modul ini telah memperoleh pengesahan dan perakuan daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) untuk digunakan oleh para profesional yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan dan penyediaan infrastruktur di negara ini;

(iii) Menambah baik proses pendaftaran TASKA menerusi penubuhan Pusat Sehenti oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di mana pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama jabatan teknikal lain seperti Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran TASKA dalam tempoh 7 hari sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan; dan

(iv) Memanfaatkan Program Bandar Selamat 2010 yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 5 April 2011 untuk meningkatkan keselamatan awam dan mencegah jenayah jalanan. Program ini adalah selaras dengan strategi yang digariskan dalam Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Negara ke arah mewujudkan persekitaran yang sihat dan

selamat serta mesra kanak-kanak. la juga memenuhi matlamat Dasar Wanita Negara untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek kehidupan.

NO SOALAN jM*

%<?

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,

MALAYSIA

DARIPADA :Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN HAJI MOHAMED [SEKIJANG]

PERTANYAAN :LISAN

TARIKH : 16/06/2011

SOALAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN HAJI MOHAMED [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dengan penarafan baru oleh Barclay Capital tentang pasaran modal Malaysia dari 'sekunder[1] kepada 'baru muncul maju' akan terus merancakkan lagi pasaran modal negara.

JAWAPAN DILULUSKAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penarafan baru pasaran modal Malaysia daripada 'sekunder' kepada 'baru muncul maju' oleh Financial Times Stock Exchange (FTSE) berkuat kuasa Jun 2011, satu langkah yang dilihat bukan sahaja mampu mengekalkan kepercayaan para pelabur tempatan dan asing, malah ia dapat menambah baik kedudukan Malaysia dalam indeks antarabangsa serta meningkatkan kadar pengaliran masuk modal ke dalam pasaran tempatan. Penarafan ini juga meletakkan Malaysia setanding dengan pasaran modal Brazil, Hungary, Mexico, Poland, Afrika Selatan dan Taiwan. Selain itu, pasaran saham Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan selamat bagi pelabur asing yang mencari perlindungan daripada persekitaran mudah ubah pasaran Asia yang lain disebabkan oleh kedudukan ekonomi dan pasaran negara yang kukuh, seperti yang dilaporkan oleh JPMorgan Chase & Co.

2. Penarafan oleh FTSE ini merupakan pengukuran pelaburan yang

digunakan oleh institusi serta pelabur antarabangsa dalam membuat pelaburan di dalam sesebuah pasaran. Malah, langkah penaiktarafan ini bakal memberi impak positif kepada kebolehlaburan pasaran tempatan dan ini akan menarik lebih banyak kemasukan modal asing ke dalam pasaran modal Malaysia. Barclays Capital menganggarkan pasaran modal negara akan dapat menarik aliran masuk modal atau *capital inflows* sebanyak US$3 bilion dengan penarafan baru oleh FTSE yang meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara membangun maju.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : AN

DARIPADA Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

KAWASAN LIS

TARIKH SHAH ALAM

16 JUN 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status projek pembinaan Hospital Shah Alam dan berapa lama lagi perlu warga Shah Alam menunggu sebeium mendapat kemudahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya sedia maklum mengenai isu kelewatan bagi melaksanakan Projek Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai Hospital Shah Alam, Selangor. Kelewatan ini antara Iain disebabkan jabatan Kerja Raya (JKR) perlu melaksanakan aspek Pengurusan Nilai *(Value Management)* terlebih dahulu sebagaimana arahan oleh Kementerian Kewangan pada 22 Mac 2011. Ia bertujuan untuk meneliti sama ada terdapat ruang-ruang penjimatan kos yang boleh dipertimbangkan dari baki skop projek yang gagal disiapkan oleh kontraktor asal. Ini merupakan antara prosedur baru Kerajaan dalam RMKe-10 untuk projek-projek berskala besar yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

Sehubungan itu, proses Pengurusan Nilai tersebut telah pun dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang melibatkan wakil dari agensi-agensi yang berkaitan dengan pelaksanaan projek Hospital Shah Alam ini. Bengkel Pengurusan Nilai berkenaan telah dimulakan pada 1 April 2011 dan selesai pada 31 Mei 2011 yang lalu. Pada masa kini JKR sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan mengenai output dari Pengurusan Nilai tersebut dan berusaha untuk mempercepatkan proses perolehan bagi melantik kontraktor penyiap yang baru. Oleh itu, berdasarkan kepada perancangan terkini kontraktor baru Projek Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai

Hospital Shah Alam dijangka akan mula memasuki tapak selewat-lewatnya pada bulan Disember 2011 dengan tempoh siap kerja ialah selama 24 bulan.

Sekian. Terima kasih.